

JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

Tingkat 3,5, dan 20, West Block,
Wisma Selangor Dredging
142-C Jalan Ampang, 50548 Kuala Lumpur
Tel : 03 - 2161 0577
Faks : 03 - 2162 1470

JAKOA NEGERI PAHANG

Tingkat 3, Bangunan Persekutuan
Jalan Gambut 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel: 09-515 6425
Faks: 09-516 5768

JAKOA NEGERI PERAK & KEDAH

Bangunan Kerajaan Persekutuan
Tingkat 3, Blok A
Jalan Panglima Bukit Gantang
30000 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-254 0009
Faks: 05-255 9402

JAKOA NEGERI SELANGOR & W.PERSEKUTUAN

Tingkat 22, Bangunan Darul Ehsan,
No 3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40548 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5519 0375
Faks : 03-5510 9828

JAKOA NEGERI KELANTAN & TERENGGANU

Tingkat 6, Wisma Persekutuan, Jalan Bayam
15200 Kota Bharu Kelantan Darul Naim
Tel : 09-744 3488
Faks : 09-744 0622

JAKOA NEGERI SEMBILAN & MELAKA

Tingkat 4, Wisma Persekutuan
Jlan Dato' Abdul Kadir
70000 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-763 8815
Faks: 06-761 0134

JAKOA NEGERI JOHOR

Tingkat 15, Ruang 15A
Menara Ansar, Jalan Trus 80000 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
Tel : 07-224 3901
Faks: 07-224 8542



Tingkat 3,5, dan 20, West Block,
Wisma Selangor Dredging
142-C Jalan Ampang, 50548 Kuala Lumpur
Tel : 03 - 2161 0577
Faks : 03 - 2162 1470



www.jakoa.gov.my

ISBN 983-44532

LAPORAN TAHUNAN JAKOA 2014



LAPORAN
TAHUNAN2014
J A B A T A N K E M A J U A N O R A N G A S L I



LAPORAN
TAHUNAN2014
J A B A T A N K E M A J U A N O R A N G A S L I

Penaung

Ketua Pengarah JAKOA

Penasihat

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan & Pengurusan)

Ketua Pengarang

Unit Perhubungan Awam

Sidang Pengarang

Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Bahagian Pembangunan Sosioekonomi
Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan
JAKOA Negeri Pahang
JAKOA Negeri Perak & Kedah
JAKOA Negeri Selangor & Wilayah Persekutuan
JAKOA Negeri Kelantan & Terengganu
JAKOA Negeri Sembilan & Melaka
JAKOA Negeri Johor

Suntingan

Unit Perhubungan Awam

JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI MALAYSIA

Hakcipta Terpelihara 2014

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber di Jabatan Kemajuan Orang Asli, terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Disunting oleh

Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kemajuan Orang Asli
Tingkat 3, Blok Barat
Wisma Selangor Dredging
142 – C, Jalan Ampang
50548 Kuala Lumpur

ISBN 983-44532



Kandungan

i	Perutusan Menteri
ii	Bicara Ketua Setiausaha
iii	Tinta Ketua Pengarah
iv	Kata Aluan Ketua Pengarah ke 14
1	Maklumat Korporat
4	Visi, Misi dan Objektif
5	Piagam Pelanggan
6	Petunjuk Prestasi Utama
8	Bahagian Khidmat Pengurusan
37	Bahagian Pembangunan Sosioekonomi
49	Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan
61	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
71	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang
83	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Perak dan Kedah
93	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan
102	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Kelantan dan Terengganu
111	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Sembilan dan Melaka
119	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Johor



Perutusan Menteri

YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Pembinaan Negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 merupakan tujuan utama kerajaan menerajui tampuk kepimpinan Negara. Demi menjayakan misi kerajaan ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah melaksanakan pelbagai program transformasi demi menaiktaraf masyarakat luar bandar secara keseluruhannya dan kepada masyarakat Orang Asli di Malaysia secara khususnya melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA).

Peranan JAKOA sebagai salah sebuah agensi KKLW dalam melaksanakan program transformasi terhadap masyarakat Orang Asli nyata telah berjaya memberi kesan dalam aspek pembangunan infrastruktur, ekonomi, modal insan, pendidikan dan kebajikan. Usaha yang dilakukan secara berterusan dalam memartabatkan adat budaya dan seni warisan Orang Asli yang menjadi teras dalam sosio budaya masyarakat Orang Asli akan terus dipelihara. Kerajaan juga mengambil berat berkenaan isu-isu yang berkepentingan seperti hak milik tanah, kadar kemiskinan, pendidikan dan kesihatan. Sehubungan itu, selaku Menteri yang bertanggungjawab saya akan memastikan bahawa setiap hak dan keistimewaan masyarakat Orang Asli akan terus diperjuangkan.

Pada September 2014, saya telah menghadiri Mesyuarat United Nations World Conference on Indigenous People (WCIP) 2014. Dalam Sesi Meja Bulat Kedua yang bertajuk “Perlaksanaan Hak-hak Orang Asal di Peringkat Nasional dan Tempatan”, saya telah menyampaikan hasrat kerajaan bahawa Malaysia komited dalam memelihara dan melindungi hak-hak Orang Asli. Kerajaan menterjemahkan pemeliharaan hak-hak tersebut melalui perancangan polisi dan pembangunan nasional dalam pelbagai aspek seperti pembangunan sosioekonomi, modal insan, infrastruktur, pendidikan dan kebajikan kesihatan.

Kita juga dapat melihat dengan jelas bahawa kerajaan telah memberikan tumpuan penuh kepada usaha membasmi kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Melalui Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10), sasaran bagi mengurangkan kadar kemiskinan daripada 31 peratus pada tahun 2010 kepada 25 peratus pada tahun 2015 terus dipergiatkan. Kerajaan menerusi JAKOA komited untuk mengurangkan kadar kemiskinan ini melalui program pembangunan ekonomi serta program peningkatan pendapatan isi rumah. Hingga kini, purata pendapatan isi rumah masyarakat Orang Asli telah meningkat dari RM1,092 pada tahun 2009 kepada RM1,153 pada tahun 2014.

Dari aspek pembangunan infrastruktur pula, JAKOA telah membelanjakan sejumlah RM10,148,058.49 bagi pembinaan 142 unit rumah PBR dan 408 bagi baik pulih rumah. Manakala bagi program pembangunan bersepadu pula, sejumlah RM70 juta telah dibelanjakan bagi membina jalan perhubungan, penyediaan kemudahan bekalan elektrik dan kemudahan asas lain di perkampungan Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia.

Seiring dengan dasar negara ke arah mencapai status negara maju pada tahun 2020 nanti, saya amat gembira melihat pelbagai sudut potensi masyarakat Orang Asli berjaya dilahirkan. Masyarakat Orang Asli kini telah mula menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Antaranya ialah bidang perniagaan pembekalan dan perkhidmatan, industri pelancongan serta bidang pertanian dan penternakan. Sehingga kini, seramai 418 usahawan Orang Asli telah diketengahkan melalui Karnival Usahawan Orang Asli dan Karnival Usahawan Desa. Inilah perubahan minda yang berjaya dilaksanakan pihak JAKOA melalui program pembangunan usahawan.

Saya yakin dengan usaha dan komitmen pihak JAKOA dalam merealisasikan transformasi masyarakat Orang Asli akan mencapai kejayaan dengan sokongan penuh pihak kementerian. Usaha bagi memperkasakan pendidikan pelajar-pelajar Orang Asli akan diperutuhkan dengan kerjasama agensi kerajaan yang terlibat. Hanya melalui saluran pendidikan mampu membawa masyarakat Orang Asli menjadi masyarakat yang disegani.

Sekian, terima kasih.

Bicara Ketua Setiausaha

Datuk Seri Ibrahim bin Muhamad
Ketua Setiausaha

Hementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Sekalung penghargaan dan syabas diucapkan kepada seluruh warga Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang telah menyumbang idea, tenaga serta memberikan komitmen padu secara berterusan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Diharapkan, penerbitan Buku Laporan Tahunan 2014 ini akan menjadi rujukan bagi JAKOA untuk melaksanakan program dan aktiviti pada masa hadapan.

Pada tahun 2014, kerajaan telah menumpukan usaha ke arah membangunkan modal insan yang holistik bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai kemahiran tinggi, berpengetahuan, berdaya saing dan mampu berdikari. Sehubungan itu, JAKOA berperanan melaksanakan program-program pembangunan pendidikan, meningkatkan latihan dan kemahiran serta memperkasa institusi sosial khusus untuk masyarakat Orang Asli. Sejumlah RM28.6 juta telah dibelanjakan JAKOA sepanjang tahun 2014 melalui peruntukan dasar sedia ada, One-Off, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan Program Peningkatan Kapasiti & Kapabiliti Kumpulan Khusus (Rolling Plan III). Peruntukan besar yang diterima ini berjaya memberikan impak dan kesan yang positif terutamanya dari aspek pendidikan dan kemahiran. Saya yakin, masyarakat Orang Asli kini telah mula menerima pembaharuan yang dibawa pihak kerajaan.

Dalam bidang pendidikan, JAKOA telah merekodkan pencapaian yang cemerlang. Statistik menunjukkan terdapat seramai 738 pelajar Orang Asli sedang menuntut di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di dalam pengajian matrikulasi hingga ke Ijazah Sarjana Muda. Manakala seramai 14 pelajar Orang Asli berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam pelbagai bidang pada tahun 2014. Sehingga kini, seramai 40 pelajar Orang Asli telah melanjutkan pelajaran mereka ke luar negara. Inilah pencapaian yang harus dibanggakan. Perubahan minda yang berjaya digarapkan melalui program bersepadu yang dilaksanakan pihak Kementerian dan JAKOA telah berjaya melahirkan para graduan dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

Saya percaya usaha ke arah peningkatan modal insan seiring dengan pembangunan sosioekonomi mampu membawa masyarakat Orang Asli ke tahap yang lebih baik. Oleh itu, harapan saya agar JAKOA akan terus memainkan peranan penting bagi membawa masyarakat Orang Asli menjadi masyarakat kelas pertama sejajar dengan misi negara maju pada tahun 2020 nanti.

Sekian, terima kasih.

Tinta Ketua Pengarah

Dato' Hj Mohd Sani bin Mistam
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli



Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saya ingin menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas kejayaan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menerbitkan Buku Laporan Tahunan JAKOA Tahun 2014. Tujuan utama Buku Laporan Tahunan ini diterbitkan adalah untuk memberi maklumat mengenai program dan aktiviti pembangunan dan pengurusan masyarakat Orang Asli yang dilaksanakan di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah sepanjang tahun 2014. Buku laporan tahunan ini dapat dijadikan rujukan kepada kita semua dan saya yakin ianya dapat membantu dalam proses perancangan transformasi masyarakat Orang Asli pada masa hadapan.

Pada tahun 2014, JAKOA telah melaksanakan beberapa dasar dan program khususnya dalam aspek pembangunan ekonomi, infrastruktur, pendidikan dan kebajikan kesihatan masyarakat Orang Asli. Sehubungan itu, fungsi yang dimainkan oleh Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) adalah penting untuk membincangkan dan menilai pelaksanaan bagi membuat penambahbaikan dari masa ke masa. Melalui medium ini, saya percaya ahli MPKPMOA dapat memberi sumbangan yang bermakna dari segi idea melalui pendekatan 'bottom-up' agar wujud elemen 'check and balance'.

Dalam usaha menyusun strategi dan rangka pembangunan sosioekonomi yang inklusif serta menyeluruh, JAKOA telah membuat pengagihan peruntukan bagi melaksanakan Rolling Plan - (RP-3) Rancangan Malaysia Kesepuluh yang meliputi Program Bantuan Rumah (PBR), Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli, Program Pembangunan Ekonomi, Projek Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sg Ruil, Cameron Highland dan Sg Siput Perak. Peruntukan yang diterima berjumlah RM193,554,863.46 telah dibelanjakan demi memenuhi keperluan masyarakat Orang Asli.

Menyedari bahawa masyarakat Orang Asli kini telah sedar akan kepentingan pendidikan, JAKOA terus berusaha memperkasakan pendidikan pelajar-pelajar Orang Asli dengan menyediakan Skim Bantuan Galakan Pendidikan Orang Asli. Secara keseluruhan, peruntukan yang telah diagihkan kepada JAKOA di peringkat negeri dan daerah berjumlah RM34.4 juta bagi melaksanakan program modal insan, pendidikan, peningkatan profesionalisme Tok Batin/ JKKKO dan kebajikan kesihatan. Melalui program yang telah dilaksanakan ini beberapa pencapaian telah diperolehi seperti peningkatan pelajar cemerlang, pelajar Orang Asli yang melanjutkan pelajaran ke luar negara dan bilangan belia/ beliawanis Orang Asli yang menyertai Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK).

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama penuh dalam menyiapkan Buku Laporan Tahunan 2014 ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta seluruh warga kerja JAKOA sepanjang 6 tahun saya berkhidmat di JAKOA bermula pada bulan Mac tahun 2008 hingga September 2014. Harapan saya agar JAKOA akan terus memberi khidmat bakti kepada kemajuan masyarakat Orang Asli.

Sekian.
Wassalam

Kata Aluan Ketua Pengarah ke 14

Dato' Hasnan bin Hassan
Ketua Pengarah
Jabatan Hemajuan Orang Asli



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya, saya telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) yang ke 14 bermula pada 10 September 2014 yang lalu. Saya menerima pelantikan ini dengan penuh rasa tanggungjawab dan amanah. Sesungguhnya, tanggungjawab ini bukan tugas yang mudah bagi memastikan masyarakat Orang Asli di Semenanjung yang berjumlah 210 ribu ini mendapat bantuan dan perhatian daripada pihak Jabatan dan juga pihak kementerian. Saya beriltizam agar masyarakat Orang Asli yang dikasihi ini mendapat hak mereka sepenuhnya sejajar dengan Akta Orang Asli 1954.

Saya sedar akan cabaran yang bakal ditempuhi setelah menjadi Ketua Pengarah JAKOA. Sesuai dengan lirik lagu jabatan **“Tugas Mulia”, “gunung mana yang tak didaki, sungai mana yang tak diharungi”**, saya yakin dengan keikhlasan dan semangat serta kerjasama yang erat dan padu daripada seluruh warga kerja JAKOA, semua cabaran itu dapat ditangani bersama. Saya juga berpendapat penglibatan daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO) khususnya daripada kalangan masyarakat Orang Asli sendiri mampu menangani setiap isu yang dihadapi dengan cepat dan berkesan.

Kita perlu bersikap realistik dalam membuat perancangan dan tindakan terutama dalam perkara berkaitan isu tanah, pendidikan dan kesihatan. Setiap pegawai dan kakitangan JAKOA di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah perlu kerap membuat lawatan turun padang ke setiap penempatan Orang Asli di kawasan masing-masing. Ini sejajar dengan saranan Ketua Setiausaha Negara yang mahukan penjawat awam mengikuti konsep Merakyat Perkhidmatan Awam di mana salah satu daripada prinsip utama ialah Turun Padang. Saya yakin dengan pendekatan ini, kita akan lebih memahami, mendekati dan menjiwai kumpulan sasar kita iaitu Orang Asli.

Akhir kata, saya bertekad sepanjang perkhidmatan saya di JAKOA, saya akan memberikan sepenuh komitmen, idea, kerjasama dan berusaha lebih gigih bagi memastikan masyarakat Orang Asli mendapat hak dan bantuan penuh daripada JAKOA. Saya berharap, kerjasama yang jitu daripada semua Tok Batin, JKKOA, Koperasi Orang Asli, badan-badan bukan kerajaan serta dari kalangan Orang Asli sendiri akan membantu mempercepat dan merealisasikan segala program transformasi masyarakat Orang Asli ke arah kehidupan yang sejahtera.

MAJULAH MASYARAKAT ORANG ASLI
MAJULAH MASYARAKAT ORANG ASLI
MAJULAH MASYARAKAT ORANG ASLI

Sekian, terima kasih.

Maklumat Korporat



Pengurusan Tertinggi



Dato' Hj Mohd Sani bin Mistam
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli



Dato' Hasnan bin Hassan
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli
Yang ke 14



En. Nisra Nisran bin Asra Ramlan
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan)



En. Suhaimi bin Mahmud
Timbalan Ketua Pengarah
(Perancangan & Pengurusan)

Pengarah Bahagian



Tuan Haji Mohd Zamri bin Mustajap
Pengarah
Bahagian Pembangunan
Sosioekonomi



Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Ali
Pengarah
Bahagian Pembangunan
Modal Insan dan Kebajikan



En. Mohd Shahnaz bin Yazid
Pengarah
Bahagian Khidmat
Pengurusan



Pn. Syuhana bt Khalidi
Pengarah
Bahagian Perancangan
dan Penyelidikan

Pengarah Negeri



En. Isa bin Ab. Hamid
Pengarah
JAKOA Negeri
Pahang



Tuan Haji Abdul Wahid Akmal bin Omar
Pengarah
JAKOA Negeri
Perak/Kedah



En. Bakar bin Unus
Pengarah
JAKOA Negeri
Selangor /
W.Persekutuan



En. Wan Assim bin Wan Shekh
Pengarah
JAKOA
Negeri Johor



Pn. Hazlin bt Abd Razak
Pengarah
JAKOA
Negeri Sembilan/
Melaka



Pn. Faridah bt Mat
Pengarah
JAKOA
Negeri Kelantan/
Terengganu

Visi, Misi dan Objektif

Organisasi penggerak yang unggul dalam memajukan masyarakat Orang Asli setanding dengan masyarakat perdana.

VISI

MISI

Melaksanakan pembangunan secara inklusif bagi meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup ke arah kemajuan dengan memartabatkan warisan yang unggul masyarakat Orang Asli.

Objektif

- Meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli dan seterusnya mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan
- Memperluaskan skop liputan kemudahan prasarana dan ameniti sosial ke semua perkampungan Orang Asli
- Memperkasa masyarakat Orang Asli melalui program pembangunan modal insan yang komprehensif
- Meningkatkan tahap kesihatan masyarakat Orang Asli ke arah kesejahteraan hidup
- Memulihara dan menegakkan pengetahuan tradisonal serta warisan Orang Asli
- Meningkatkan tahap keberkesanan organisasi dengan mengamalkan dan membudayakan tadbir urus yang baik.

PIAGAM PELANGGAN JAKOA

1. Memastikan ketua isi rumah miskin tegar yang telah dikenalpasti mendapat bantuan dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh kelulusan.
2. Memastikan keputusan permohonan bantuan usahawan dikeluarkan dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh permohonan diterima.
3. Memastikan pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) dilaksanakan seperti berikut iaitu dari tarikh kelulusan yang diberikan :
 - Pembinaan rumah baru dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh kelulusan; dan
 - Baikpulih dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh kelulusan.
4. Memastikan pelajar di peringkat IPTA bagi semester 1 menerima pembiayaan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh borang permohonan Skim Bantuan Galakan Pendidikan diluluskan.
5. Mengeluarkan surat kelulusan terhadap permohonan kajian atau lawatan ke perkampungan Orang Asli dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh surat permohonan yang lengkap diterima.
6. Mengeluarkan surat kelulusan terhadap penyelidik Luar Negara dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima, selepas mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.
7. Memastikan maklumbalas awal terhadap pertanyaan dan aduan pelanggan disediakan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
8. Memastikan bil-bil serta tuntutan lengkap yang diterima, dibayar segera tidak lewat daripada empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB Menteri KKLW bagi tahun 2014



KPI 2

Memastikan peningkatan pelajar
Orang Asli memasuki IPTA dalam
negara

Sasaran
339 Pelajar

Pencapaian
376 Pelajar



KPI 1

Mengurangkan keciciran pelajar
Orang Asli sekolah rendah ke
sekolah menengah

Sasaran **25%** ke **23%**

Pencapaian **22.09%**



KPI 3

Memastikan pelajar Orang Asli
menyambung pengajian ke
Luar Negara

Sasaran
10 Orang Pelajar

Pencapaian
14 Orang Pelajar

Laporan Bahagian



Bahagian Khidmat Pengurusan

Seksyen Pentadbiran

Pengenalan

Seksyen Pentadbiran merupakan satu cabang di Bahagian Khidmat Pengurusan yang memberi khidmat sokongan kepada semua bahagian dan unit-unit lain di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Objektif utama Seksyen ini adalah untuk memberi khidmat sokongan yang cekap dalam pengurusan berkaitan jabatan. Seksyen Pentadbiran terbahagi kepada tiga (3) unit utama iaitu,

Unit Pentadbiran Am

Peranan utama Unit Pentadbiran Am ialah bertindak selaku urusetia mesyuarat utama jabatan, urusan persidangan Parlimen, pentadbiran pejabat dan perkhidmatan sokongan, inovasi dan kualiti, urusan keselamatan dan rekod.

Unit Logistik

Unit Logistik (dahulunya Unit Pengangkutan dan Perhubungan) menyediakan perkhidmatan sokongan dari segi kemudahan logistik iaitu pengangkutan dan perhubungan radio *wireless*. Unit ini juga bertanggungjawab terhadap Kompleks JAKOA Gombak dalam melaksanakan penyelenggaraan bangunan, memastikan kemudahan asas supaya dapat berfungsi dengan baik, menjaga harta benda kerajaan dan kawasan persekitaran.

Unit Pengurusan Aset

Unit ini bertanggungjawab mengurus aset jabatan yang melibatkan pelupusan, pendaftaran, hapus kira dan Aset Kerajaan.

Pencapaian Tahun 2014

Laporan Unit Pentadbiran Am

Unit Pentadbiran Am telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang dirancang demi kejayaan pengurusan pentadbiran jabatan. Antara program dan aktiviti sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut.

Bil	Mesyuarat	Sesi
1	Urus Setia Mesyuarat Pengurusan Mingguan	15
2	Urus Setia Mesyuarat Pengurusan Bulanan	6
3	Urus Setia Mesyuarat MBJ	4
4	Urus Setia Mesyuarat JKPAK	4
5	Perhimpunan Bulanan	12

Jadual 1 : Aktiviti Seksyen Pentadbiran sepanjang tahun 2014

Majlis Amanat Ketua Pengarah Tahun 2014 Bersama Pegawai dan Kakitangan Orang Asli.

Majlis ini telah diadakan pada 31 Januari 2014 bertempat di Mini Teater, Muzium Orang Asli. Majlis Amanat Ketua Pengarah JAKOA merupakan program setiap tahun di mana Unit Pentadbiran merupakan penganjur bagi program ini.

Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawikh

Majlis ini diadakan pada 4 Ogos 2014 bertempat di Ibu Pejabat JAKOA. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi sambutan bulan Ramadhan dan mengukuhkan hubungan disamping memupuk silaturrahim antara warga JAKOA.



Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawikh bersama YBhg Dato' Ketua Pengarah JAKOA dan kakitangan

Aktiviti ke Arah Pensijilan Amalan QE/5'S JAKOA "5'S Pemangkin Transfomasi JAKOA"

Gotong Royong Perdana bagi aktiviti QE/5'S JAKOA telah diadakan dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj. Mohd Sani bin Mistam Ketua Pengarah JAKOA Malaysia pada 11 April 2014 di Ibu Pejabat JAKOA. Bermula dari bulan April hingga Disember, pelbagai aktiviti QE/5'S telah dilaksanakan bagi menjayakan proses pensijilan QE/5'S JAKOA. Pada 18 Disember 2014, JAKOA telah mendapat pengiktirafan Pensijilan QE/5'S dan memperolehi markah sebanyak 311 daripada jumlah keseluruhan iaitu 365 dengan peratusan sebanyak 85.2%



Aktiviti Pensijilan QE/5'S JAKOA

Majlis Sambutan Hari Raya YB Menteri KKLW bersama Masyarakat Orang Asli

Majlis telah diadakan pada 14 Ogos 2014 di Kampung Orang Asli, Bukit Bandaraya Shah Alam, Selangor. Kakitangan JAKOA serta penduduk kampung Orang Asli setempat telah menghadiri majlis tersebut. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran YB Dato' Seri Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah disamping memupuk silaturrahim antara warga JAKOA dan masyarakat setempat.



Majlis Sambutan Hari Raya Tahun 2014/ 1435H di Kg Orang Asli Bukit Bandaraya Shah Alam

Program Penghayatan Kemerdekaan KKLW tahun 2014

JAKOA telah menghantar wakil ke Pertandingan Sketsa Malam Gema Patriotisme sempena Program Penghayatan Kemerdekaan KKLW Tahun 2014 bertempat di Dewan Serbaguna Aras B1, KKLW dan mendapat tempat saguhati daripada 11 buah agensi yang bertanding.



Pertandingan Sketsa Malam Gema Patriotisme sempena Program Penghayatan Kemerdekaan KKLW tahun 2014

Konvoi Kembara Zakat Barakah 2014


Penganjuran Konvoi Kembara Zakat Barakah 2014 (KKZ 2014) telah mencapai objektif iaitu mempromosikan zakat dengan melaksanakan program agihan zakat kepada para asnaf. Konvoi yang dianjurkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Agensi di bawah JAWHAR iaitu Majlis Agama Islam Negeri iaitu (MAIN) dan Agensi Mengutip Zakat (AMZ) telah mengunjungi ke tiga perkampungan Orang Asli di Negeri Pahang (Kampung Leryar, Cameron Highland), Negeri Kelantan (Kampung Pos Tohoi, Gua Musang) dan Negeri Terengganu (Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu). Konvoi yang bermula dari 3 hingga 6 November 2014 mendapat liputan media dari RTM dan TV Al-Hijrah.



Konvoi Kembara Zakat Barakah 2014 di perkampungan Orang Asli di Negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu

Laporan Unit Logistik

Unit Logistik telah mendapat peruntukan sebanyak RM4,473,882.78 di mana sebanyak RM2,300,082.78 bagi emolumenten dan RM1,573,800.00 untuk perkhidmatan dan bekalan. Pada tahun 2014, unit ini telah menerima peruntukan di bawah *One-Off* berjumlah RM300,000.00 bagi perolehan kenderaan dan RM300,000.00 untuk perolehan alat perhubungan *wireless*



Carta 1 : Peruntukan yang diterima Unit Logistik


Perkhidmatan Pengangkutan

Menyediakan kemudahan pengangkutan untuk kegunaan pegawai dan kakitangan jabatan bagi melaksanakan program-program jabatan ke arah meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli secara keseluruhan. Unit ini turut menyediakan kemudahan bengkel untuk menyelenggara kenderaan jabatan. Pada tahun 2014, Unit Logistik telah mengendalikan sejumlah 2,045 bagi permohonan kenderaan dan perbelanjaan bahan api berjumlah RM440,208.82.




Perkhidmatan kenderaan bagi kemudahan pengangkutan jabatan

Bil Permohonan



Carta 2 : Bilangan permohonan bagi Kenderaan sepanjang tahun 2014

Penggunaan Bahan Api




Carta 3 : Perbelanjaan Bahan Api bagi kenderaan sepanjang tahun 2014

Penyelenggaraan Kenderaan

Unit ini turut melaksanakan aktiviti penyelenggaraan kenderaan jabatan bagi memastikan kenderaan yang digunakan sentiasa dalam keadaan baik. Pada tahun 2014, sejumlah 197 kerja penyelenggaraan telah dilaksanakan di bengkel jabatan dan 261 kerja penyelenggaraan telah dilakukan di bengkel panel jabatan.



Penyelenggaraan kenderaan secara berkala di bengkel JAKOA untuk memastikan kenderaan sentiasa sempurna dan selamat digunakan.



Carta 4 : Penyelenggaraan kenderaan jabatan pada tahun 2014

Perkhidmatan Perhubungan Radio

Unit ini menyediakan kemudahan perhubungan radio *wireless* (HF radio) untuk perhubungan di antara Ibu pejabat dengan pejabat-pejabat negeri dan kawasan pedalaman ke arah meningkatkan taraf kesihatan, sosioekonomi dan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Di samping itu unit ini juga menyediakan khidmat penyelenggaraan untuk alat-alat perhubungan termasuklah di kawasan pedalaman.




Alat perhubungan radio *wireless* yang menggunakan gelombang radio berfrekuensi tinggi (HF) untuk menghubungi perkampungan Orang Asli yang terletak jauh di kawasan pedalaman.

Penggunaan Alat Komunikasi


Unit Logistik menyediakan rangkaian komunikasi radio jarak jauh. Alat-alat ini digunakan terutama semasa bantuan kecemasan Medivac untuk mengambil pesakit dari kawasan pedalaman ke hospital yang berdekatan. Alat komunikasi ini masih digunakan atas faktor seperti tidak memerlukan stesen pengulang (*repeater*), menjimatkan kos tanpa bil bulanan dan mudah diselenggarakan oleh juruteknik JAKOA. Pada tahun 2014, sejumlah 8,807 panggilan masuk dan 8,952 panggilan keluar telah dikendalikan oleh kakitangan Unit Logistik.

Pemasangan alat perhubungan radio *wireless* (HF radio) di kawasan pedalaman dijalankan oleh Juruteknik Komunikasi JAKOA.



Carta 5 : Penggunaan alat komunikasi sepanjang tahun 2014

Bagi permohonan (Medivac) pesawat helikopter dari agensi seperti PDRM, TUDM, TLDM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk mengambil pesakit dari pedalaman ke hospital yang berhampiran sejumlah 27 permohonan Medivac yang melibatkan 35 pesakit dan 39 pengiring telah diuruskan sepanjang tahun 2014.




Carta 6 : Permohonan Medivac sepanjang tahun 2014



Petugas di pedalaman menggunakan alat perhubungan radio *wireless* untuk mendapatkan bantuan helikopter

Penyelenggaraan Alat Komunikasi

Bagi memastikan alat komunikasi sentiasa dalam keadaan baik, Unit logistik turut membuat penyelenggaraan terhadap peralatan ini. Pada tahun 2014, sebanyak 375 alat perhubungan telah diselenggara sepanjang tahun 2014



Carta 7 : Kekerapan penyelenggaraan alatan perhubungan

Kemudahan di Kompleks JAKOA Gombak.

Unit ini juga bertanggungjawab terhadap fasiliti di Kompleks JAKOA Gombak seperti bangunan, bekalan elektrik, air dan telefon berfungsi dengan baik. Selain itu, keselamatan aset kerajaan dipersekitaran Komplek JAKOA Gombak sentiasa dijaga dengan baik begitu juga dengan kebersihan di persekitaran kompleks ini.

Penyelenggaraan Kompleks JAKOA Gombak dahulunya di bawah Unit Pengurusan Gombak. Bermula pada bulan Ogos 2014, peranan tersebut telah diletakkan di bawah Unit Logistik. Kompleks JAKOA Gombak terdiri daripada bangunan Unit Logistik, Muzium Orang Asli Gombak, Pusat Kawalan Semboyan, Surau An Nur, Perpustakaan JAKOA, Sekolah Agama Rakyat An Nur dan Perumahan Jabatan.

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

Pengenalan

Pengurusan sumber manusia yang ditadbir dengan cekap dan berkesan dapat menghasilkan pekerja yang berkemahiran dan berprestasi tinggi. Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (PSM) merupakan antara tunjang utama Jabatan dalam memastikan peranan yang diberikan dapat berfungsi dengan baik bagi mencapai matlamat organisasi. Dalam hubungan ini, Seksyen PSM sentiasa proaktif memastikan objektif dan fungsi utama PSM dijalankan dengan baik di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri di Jabatan melalui pemantauan dan komunikasi berterusan antara pihak Kementerian, Jabatan dan JAKOA Negeri.

Objektif dan Fungsi Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

Merancang keperluan sumber manusia serta struktur organisasi, merancang dan melaksanakan program pembangunan personel serta meningkatkan prestasi dan kompetensi anggota secara berterusan selain mengurus urusan perkhidmatan anggota dengan berkesan.

Terdapat empat (4) fungsi utama yang dijalankan oleh Seksyen PSM iaitu perancangan tenaga manusia dan pembangunan organisasi, perkhidmatan dan kemajuan kerjaya, pembangunan sumber manusia; dan pengurusan prestasi dan kompetensi. Fungsi-fungsi ini dilaksanakan melalui tiga (3) unit utama iaitu:

Unit Perkhidmatan

- (i) Menyediakan struktur organisasi yang mantap dengan bilangan personel di tahap optima melalui pengwujudan dan pengisian jawatan mengikut keperluan dan norma perjawatan yang ditetapkan;
- (ii) Memastikan pengambilan, pembangunan, pembahagian dan pengembelian tenaga dan kepakaran sumber manusia semua peringkat dilaksanakan secara optima ke arah mencapai objektif dan matlamat jabatan;
- (iii) Mengkaji pewujudan organisasi baru, permohonan penstrukturan semula organisasi/fungsi serta pemantapan perjawatan bagi jabatan di samping mengurus permohonan perjawatan di bawah Anggaran Belanja Mengurus Perjawatan (ABM) dan menjalankan naziran perjawatan dan perkhidmatan;
- (iv) Menguruskan hal-hal perkhidmatan dan kemudahan pegawai di JAKOA serta memantapkan jalinan kerjasama dengan kesatuan di samping merapatkan hubungan majikan dan pekerja melalui Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) dan Majlis Bersama Jabatan (MBJ); dan
- (v) Mengendalikan urusan pemangkuan, kenaikan pangkat, penempatan pemangkuan, pertukaran serta menjadi Urus Setia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).

Unit Latihan

- (i) Merancang dan membangunkan sumber manusia bagi memenuhi keperluan organisasi;
- (ii) Menyelaraskan pelaksanaan program kursus, latihan, induksi jabatan, bengkel di dalam jabatan disamping kursus-kursus luar mengikut asas keperluan latihan;
- (iii) Merancang latihan dan bimbingan bagi pegawai JAKOA untuk mencapai tahap kecekapan dan kepakaran serta mempunyai kemahiran boleh disumbangkan semula kepada jabatan;
- (iv) Menguruskan penyelarasan permohonan melanjutkan pelajaran/kursus pendek/program usahasama di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan
- (v) Menguruskan permohonan ke luar negara di atas urusan persendirian oleh pegawai.

Unit HRMIS (Human Resources Management Information System)

- (i) Menguruskan pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) serta pengurusan rekod perkhidmatan;
- (ii) Menyelaraskan dan memantau pelaksanaan HRMIS peringkat jabatan khususnya aktiviti-aktiviti pra-pelaksanaan, semasa pelaksanaan dan selepas pelaksanaan sesuatu modul/ submodul HRMIS; dan
- (iii) Memastikan semua pegawai di jabatan melaksanakan HRMIS selaras dengan visi sumber manusia Perkhidmatan Awam dan matlamat Kerajaan Elektronik serta sentiasa memastikan bahawa HRMIS relevan dalam pengurusan sumber manusia sektor awam melalui penambahbaikan berterusan.

Pencapaian Tahun 2014


Pada tahun 2014, bilangan perjawatan di JAKOA ialah sebanyak 998 jawatan. Bilangan jawatan yang telah diisi ialah sebanyak 913 manakala 85 perjawatan masih belum diisi.

Bil	Pejabat/Bahagian	Bil. Jawatan	Isi	Kosong
1	Pejabat Ketua Pengarah	12	12	0
2	Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pengurusan)	1	1	0
3	Bahagian Khidmat Pengurusan	154	136	18
4	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan	24	22	2
5	Bahagian Pembangunan Sosioekonomi	34	30	4
6	Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan Orang Asli	59	58	1
7	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang	244	224	20
8	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Perak dan Kedah	191	175	16
9	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Kelantan dan Terengganu	107	96	11
10.	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Johor	62	56	6
11.	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan	52	47	5
12.	Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Sembilan dan Melaka	58	56	2
Jumlah		998	913	85
Peratus Pengisian/ Kekosongan (%)			91.48	8.52

Jadual 2 : Ringkasan maklumat perjawatan mengikut bahagian bagi tahun 2014

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Bil. Jawatan	Peratus (%)	Isi	Peratus (%)	Kosong	Peratus (%)
1	Pengurusan Tertinggi	1	0.10	1	100.0	0	0.00
2	Pengurusan dan Profesional	32	3.21	27	84.4	5	15.63
3	Sokongan I	665	66.63	607	91.3	58	8.72
4	Sokongan II	300	30.06	278	92.7	22	7.33
Jumlah		998	100	913	91.48	85	8.52

Jadual 3 : Peratusan bagi perjawatan di JAKOA



Carta 8 : Pecahan Perjawatan mengikut Kumpulan Perkhidmatan

Aktiviti Seksyen Pengurusan Sumber Manusia Sepanjang Tahun 2014

Naziran Pengurusan Sumber Manusia

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia telah melaksanakan Naziran Pengurusan Sumber Manusia di semua pejabat JAKOA di seluruh semenanjung Malaysia meliputi Pejabat JAKOA Negeri Sembilan, Pejabat JAKOA Negeri Selangor, Pejabat JAKOA Negeri Perak, Pejabat JAKOA Negeri Pahang, Pejabat JAKOA Negeri Kelantan dan Pejabat JAKOA Negeri Johor.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang.

Perkhidmatan cemerlang adalah perkhidmatan yang diberi oleh seseorang Anggota Perkhidmatan Awam yang mutu atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Jabatan telah memilih 89 pegawai yang terdiri daripada Pegawai Pengurusan & Profesional, Pegawai Kumpulan Sokongan I dan II serta kakitangan kontrak sebagai penerima APC JAKOA Tahun 2013. Setiap penerima diberikan insentif iaitu Sijil Anugerah Cemerlang dan hadiah Sijil Simpanan Premium bernilai RM1,000.00 setiap seorang. APC JAKOA Tahun 2013 telah berlangsung pada 15 Mei 2014 bertempat di Amphiteater Kompleks Kraf Kuala Lumpur. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YB Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Latihan Anjuran JAKOA

Sepanjang tahun 2014, Unit Latihan, PSM telah menganjurkan sebanyak sepuluh (10) kursus dan latihan dalaman untuk kakitangan JAKOA (Ibu Pejabat dan Negeri) berdasarkan keperluan yang menggunakan peruntukan Unit Latihan. Jumlah ini tidak merangkumi kursus anjuran bahagian lain di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri yang tidak menggunakan peruntukan Unit Latihan. Disamping itu, kakitangan JAKOA juga telah menghadiri program latihan/kursus yang dianjurkan oleh lain-lain Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun serta kursus/ seminar anjuran swasta.



Naziran Pengurusan Sumber Manusia



Latihan *Team Building* memperkasakan jati diri di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur pada 15 Mei 2014

Seksyen Kewangan

Pengenalan

Seksyen Kewangan merupakan salah satu cabang di Bahagian Khidmat Pengurusan yang berfungsi dalam memberi khidmat sokongan kewangan kepada semua Bahagian, Seksyen, Unit dan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) di negeri-negeri di bawah JAKOA. Di bawah Seksyen Kewangan terdapat tiga (3) unit iaitu Unit Kewangan, Unit Akaun dan Unit Perolehan yang saling bekerjasama dalam melaksanakan proses pengurusan kewangan di JAKOA.

Unit Kewangan bertindak dalam menguruskan pembayaran bil dan tuntutan, pinjaman kenderaan dan komputer kakitangan Jabatan serta urusan penempahan tiket kapal terbang untuk urusan rasmi jabatan. Unit Kewangan juga merupakan urusetia untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Ibu Pejabat serta Mesyuarat Seksyen Kewangan. Sepanjang tahun 2014, Unit Kewangan telah melaksanakan pembayaran seperti berikut.


Bil	Jenis Bayaran	Jumlah
1	Dengan Pesanan Tempatan	1,257 Bil
2	Tuntutan Perjalanan	1,616 Tuntutan
3	Elaun Lebih Masa	1,207 Tuntutan
4	Tanpa Pesanan Tempatan	1,237 Bil
5	Kontrak	546 Bil
6	Pinjaman Kenderaan	Tiada
7	Pinjaman Komputer	Tiada
8	Waran Udara	118 Waran
9	Pendahuluan Diri Dalam Negara & Luar Negara	15 Bil

Jadual 4 : Bilangan bil dan tuntutan mengikut jenis bayaran tahun 2014

Unit Akaun pula berfungsi sebagai urusetia untuk penyediaan Bajet Mengurus JAKOA daripada proses penyediaan cadangan bajet sehinggalah pengeluaran waran peruntukan kepada aktiviti/program. Selain itu, Unit Akaun juga bertanggungjawab dalam penyediaan Laporan Prestasi Perbelanjaan Mengurus, Laporan-laporan Penyesuaian vot, Amanah, Deposit serta Hasil, menguruskan Akaun Amanah Jabatan, pembayaran gaji kakitangan dan menguruskan terimaan/pungutan di JAKOA.


Pencapaian Tahun 2014

Seksyen Kewangan telah menguruskan peruntukan berjumlah RM187,283,548.00 yang merangkumi peruntukan Mengurus dan Pembangunan seperti berikut.



Carta 9 : Peruntukan yang diluluskan untuk tahun 2014

Peruntukan mengurus Jabatan terbahagi kepada peruntukan Dasar Sedia Ada, Program Khusus, Dasar Baru dan One-Off seperti di carta berikut.



Carta 10 : Agihan Peruntukan Mengurus tahun 2014


Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014

Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2014 berdasarkan peruntukan yang telah dikemaskini ialah 98.51 peratus iaitu sebanyak RM120,736,132.76 seperti berikut.

Kod	Program / Aktiviti	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Kemaskini (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
Dasar Sedia Ada					
030100	Khidmat Pengurusan	12,924,900.00	12,792,917.00	12,610,111.54	98.72
030200	Perancangan & Penyelidikan	1,601,500.00	1,415,082.00	1,412,044.81	99.79
030300	Pembangunan Sosioekonomi	7,957,900.00	4,052,247.00	4,049,649.89	99.94
030400	Pembangunan Minda & Pendidikan	4,649,700.00	4,476,700.00	4,473,473.21	99.93
030500	Pelbagai Negeri	28,938,900.00	33,039,422.00	32,634,065.92	98.00
Program Khusus					
100100	Emolumen Penjawat Awam Kontrak	5,562,000.00	5,562,000.00	5,832,187.16	104.86
100200	Elaun JKPP / JKPP	4,296,600.00	2,944,880.00	2,826,828.00	95.99
100300	Peningkatan Taraf Hidup Orang Asli	44,257,900.00	45,607,900.00	45,425,656.97	99.60
Dasar Baru					
110100	Kenaikan Gaji Tahunan	1,591,400.00	1,591,400.00	424,301.51	26.66
110200	Perluasan Program Sedia Ada	1,952,000.00	1,952,000.00	1,937,414.42	99.25

One Off					
120100	Bangunan & Pembaikan Bangunan	700,000.00	700,000.00	693,000.00	99.00
120200	Kenderaan & Jentera	300,000.00	300,000.00	296,850.00	98.95
120300	Harta Modal Yang Lain	300,000.00	320,000.00	318,403.00	99.50
120500	NKRA-Low Income Household	7,811,000.00	7,811,000.00	7,802,146.33	99.89
Jumlah		122,843,800.00	122,565,548.00	120,736,132.76	98.51


Jadual 5 : Prestasi Pembelanjaan Mengurus JAKOA bagi tahun 2014



Carta 11 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus untuk tiga tahun terkini

Prestasi Pembayaran Bil Dalam Tempoh 14 hari

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103, Seksyen Kewangan sentiasa berusaha secara berterusan untuk memastikan semua pembayaran bil mengurus dan pembangunan dapat diselesaikan dalam tempoh 14 hari.



Carta 12 : Prestasi pembayaran bil bagi tahun 2014

Bil	PTJ	< 14 Hari		> 14 Hari		Keseluruhan	
		Bil	RM (Juta)	Bil	RM (Juta)	Bil	RM (Juta)
1	Ibu Pejabat	5,639	135.16	1	0.00	5,640	135.16
2	JAKOA Perak & Kedah	6,400	30.33	0	0.00	6,400	30.33
3	JAKOA Selangor & WP	1,931	11.30	0	0.00	1,931	11.30
4	JAKOA N. Sembilan & Melaka	2,451	10.70	1	0.00	2,452	10.70
5	JAKOA Johor	1,944	10.10	0	0.00	1,944	10.10
6	JAKOA Kelantan & Terengganu	2,112	8.97	0	0.00	2,112	8.97
7	JAKOA Pahang	3,955	27.01	2	0.01	3,957	27.02
Jumlah		24,432	233.57	4	0.01	24,436	233.58

Jadual 6 : Prestasi Pembayaran Bil JAKOA Tahun 2014 Mengikut PTJ

Unit Perolehan

Unit Perolehan memainkan peranan utama dalam menguruskan dan melaksanakan perolehan secara Pembelian Terus, Rundingan Harga, Secara Tender dan Sebutharga bagi perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja mengikut sebagaimana peraturan/ prosedur dari pelbagai aspek. Sepanjang tahun 2014, Unit Perolehan telah melaksanakan perolehan jabatan seperti berikut


Bil	Perolehan	Jumlah	Nilai (RM)
1	Pembelian Terus	7,246	46,716,681.15
Rundingan Harga			
2	Perolehan Baja Kepada Pekebun Kecil Agensi	2014	8,004,660.00
	Toyota Hilux Double Cab UNT 4X4 M/T	3 Unit	296,850.00
	Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) melalui Sistem Grid di Kampung Orang Asli Sungai Siput Perak	18 bulan	24,900,000.00
Tender			
3	Bekalan	1	699,750.00
	Perkhidmatan	1	854,100.00
	Kerja	3	16,634,005.00
Sebutharga			
4	Bekalan	57	10,196,821.00
	Perkhidmatan	38	8,218,259.80
	Kerja	295	58,051,245.00

Jadual 7 : Pelaksanaan Perolehan Bagi Tahun 2014



Taklimat sebutharga di perkampungan Orang Asli Daerah Kluang dan Mersing, Johor

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK 5/2013, Unit Perolehan sentiasa memastikan semua PTJ yang *eP enabled* melaksanakan perolehan untuk bekalan dan perkhidmatan melalui sistem eP sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah peruntukan yang diterima. Berikut adalah perbandingan perolehan secara eP bagi tahun 2012, 2013 dan 2014.



Carta 13 : Pelaksanaan Perolehan secara ePerolehan mengikut PTJ bagi tahun 2014
(Modul Kontrak Pusat, Pembelian Terus dan Kontrak Kementerian)

Aktiviti Seksyen Kewangan Sepanjang Tahun 2014

Seksyen ini telah melaksanakan beberapa aktiviti/ program bagi memastikan pengurusan kewangan diperingkat JAKOA berada pada tahap yang paling baik. Antara aktiviti/ program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut.

Bil	Urusetia	Aktiviti	Tarikh
1	Unit Akaun	Mesyuarat Akaun Amanah Kebajikan dan Kemajuan Orang Asli Malaysia & Mesyuarat Akaun Amanah Ladang Orang Asli Semenanjung Malaysia	Bil. 1 - 23 April 2014 Bil. 2 - 15 Disember 2014
2	Unit Akaun	Mesyuarat Pemeriksaan Bajet Mengurus	29 -30 April 2014
3	Unit Kewangan	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun	Bil. 1 - 08 April 2014 Bil. 2 - 08 Julai 2014 Bil. 3 - 14 Oktober 2014 Bil. 4 - 12 Februari 2015
4	Unit Akaun / Unit Kewangan	Bengkel Pengurusan Kewangan Ke Arah Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan Bil 1/2014	20 - 22 Jun 2014
5	Unit Akaun / Unit Kewangan	Kursus Asas Perakaunan Akruan Tahap 1	26 - 29 September 2014
6	Semua Unit	Majlis Bacaan Yassin Anjuran Seksyen Kewangan	27 Jun 2014

Jadual 8 : Aktiviti Seksyen Kewangan pada tahun 2014



Mesyuarat Pemeriksaan Bajet Mengurus tahun 2015



Majlis Bacaan Yassin anjuran Seksyen Kewangan



Kursus Asas Perakaunan Akruan Tahap 1 yang telah diadakan di Pusat Latihan JAKOA, Kluang, Johor

Anugerah dan Pengiktirafan

Seksyen Kewangan Ibu Pejabat telah mendapat Anugerah Contoh Amalan QE/5S Pantri Terbaik serta Anugerah Ruang Kerja Terbaik Keseragaman dan Kekemasan pada Audit Dalam Amalan QE/5S Siri 2/2014 dan Siri 3/2014.



Anugerah Contoh Amalan QE/5S Pantri Terbaik semasa Audit dalam Amalan QE/5S Siri 2/2014

Anugerah Ruang Kerja Terbaik Keseragaman dan Kekemasan pada Audit Dalam Amalan QE/5S Siri 3/2014

Seksyen Teknologi Maklumat

Pengenalan

Seksyen ini bertanggungjawab dalam membantu pihak pengurusan JAKOA dari segi merancang, membangun, melaksana, menyelenggara sistem dan program ICT dari masa ke masa. Teras Keenam seperti dalam Pelan Strategik JAKOA 2011-2015 iaitu Memantapkan Sistem Perkhidmatan dan Tadbir Urus yang baik menekankan keperluan dan kepentingan Infrastruktur ICT dalam membantu pengurusan melaksanakan tugas. Budaya ICT yang dapat diwujudkan ini akan meningkatkan kecekapan dan kepantasan dalam penyampaian perkhidmatan yang lebih tepat. Ini akan menjurus kepada mewujudkan persekitaran kerja berproduktiviti dan mengoptimumkan penggunaan ICT di kalangan warga Jabatan.

Seksyen Teknologi Maklumat diterajui oleh seorang Penolong Pengarah (F41) dan dibantu oleh dua orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan (F32), tiga orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F29) dan dua orang Juruteknik Komputer (FT17). Dengan kekuatan kakitangan ICT seramai 8 orang bersedia memberikan khidmat kepada lebih 900 orang merangkumi kakitangan JAKOA di Ibu Pejabat, Negeri, Daerah dan RPS.

Pencapaian Tahun 2014

Unit Pengurusan dan Sokongan Teknikal

Unit ini bertanggungjawab terhadap perkara seperti berikut.

- i) Mengawal dan menyelia perkakasan dan perisian komputer.
- ii) Mengurus latihan/ kursus komputer untuk kakitangan jabatan.
- iii) Memberi bantuan teknikal kepada kakitangan jabatan.
- iv) Memberi latihan penggunaan perisian komputer.
- v) Membuat penyelenggaraan dan membaik pulih komputer.
- vi) Memberi khidmat nasihat berkaitan dengan perolehan ICT jabatan.

Unit Pembangunan Aplikasi dan Rangkaian

Peranan yang dilaksana unit ini adalah seperti berikut.

- i. Menguruskan kerja-kerja pembangunan, pentadbiran, pengurusan dan penyelenggaraan sistem aplikasi.
- ii. Menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian dan pembaikan.
- iii. Menyediakan laporan 'ad-hoc' daripada pelanggan dalaman dan luaran.
- iv. Memberikan sokongan peringkat kedua kepada pengguna.
- v. Menyelaras pelaksanaan dan penggunaan aplikasi kerajaan elektronik.
 - a. HRMIS
 - b. eSPKB
 - c. ePerolehan
 - d. eTerimaan
 - e. SPP II
- vi. Menyelenggara dan mengurus sistem e-mel Jabatan 1GovUC.
- vii. Menyelaras pelaksanaan dan penggunaan aplikasi dalaman.
 - a. eDamak
 - b. Sistem Daftar Fail
 - c. GIS
 - d. eSurat

Pengurusan Kewangan Seksyen Teknologi Maklumat

Pada tahun 2014, Seksyen Teknologi Maklumat telah membelanjakan sejumlah RM218,377.50 bagi projek dan perolehan seperti yang disenaraikan di bawah.



Aktiviti Seksyen Teknologi Maklumat Sepanjang Tahun 2014

Latihan ICT

Kursus Penyelenggaraan, Baikpulih dan Pemasangan Komputer (Asas) telah diadakan pada 25 hingga 28 Ogos 2014 di Pusat latihan JAKOA Kluang, Kota Tinggi Johor.

Kursus 1GovUC telah diadakan pada 23 Januari 2014 di Muzium Orang Asli Gombak. Kursus ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai dan kakitangan berkenaan penggunaan sistem email.

Sebanyak 2 kursus telah dihadiri kakitangan Seksyen Teknologi Maklumat bagi memantapkan kemahiran ICT iaitu Kursus Joomla 3.0 dan Kursus *Web Application Security & Penetration Testing*.



Aduan ICT

Sebanyak 174 aduan mengenai ICT telah diterima dan berjaya diselesaikan melalui proses *1st level* dan *3rd support*.

Pelupusan Aset

Sebanyak 2 kali pelupusan aset peralatan ICT telah dilaksanakan di peringkat Seksyen Teknologi Maklumat dan 1 kali pelupusan di peringkat negeri.

Kertas Kerja

Seksyen Teknologi Maklumat turut membantu penyediaan kertas kerja dan sokongan teknikal kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan dalam pembelian komputer riba kepada pelajar Orang Asli.

Penyelenggaraan dan Penambahbaikan Rangkaian JAKOA

Penyelenggaraan ini dilaksanakan ke atas peralatan rangkaian bagi mengenalpasti masalah dan capaian rangkaian yang perlahan. Antara aktiviti yang terlibat ialah seperti berikut.

- i. Pelabelan dan pengemaskinian rangkaian
- ii. Pemeriksaan dan Konfigurasi
- iii. Pemasangan dan pengujian rangkaian dan peralatan
- iv. Migrasi Rangkaian bagi pejabat yang tidak menggunakan 1govNet.

Penyelenggaraan rangkaian ini telah memberi kesan kepada aliran trafik data yang lebih lancar dan capaian pantas ke atas aplikasi egNet. Pengurusan kabel yang lebih sistematik dan terancang memudahkan dalam mengenal pasti kabel atau *port* yang bermasalah. Selain itu ciri keselamatan juga telah ditingkatkan dengan menyediakan sebuah buku log bagi merekodkan tujuan dan maklumat pegawai yang telah akses ke rak *Switch*.

Bil	Lokasi	Tarikh
1	JAKOA Pahang	17/9/2014 hingga 19/9/2014
2	JAKOA Kelantan / Terengganu	20/9/2014 hingga 23/9/2014
3	JAKOA Perak / Kedah	15/10/2014 hingga 17/10/2014
4	JAKOA Selangor / W.Persekutuan	20/10/2014 hingga 21/10/2014
5	JAKOA N.Sembilan / Melaka	23/10/2014 hingga 24/10/2014
6	JAKOA Johor	9/11/2014 hingga 12/11/2014

Jadual 9 : Pelaksanaan perolehan bagi tahun 2014

Sebelum



Selepas



Hasil penyelenggaraan sebelum dan selepas rangkaian



Penyelenggaraan Peralatan ICT



Pelupusan Aset ICT

Migrasi / Pemasangan 1govnet

1Gov*Net merupakan satu (1) infrastruktur rangkaian telekomunikasi ICT bersepadu Kerajaan yang selamat dan khusus untuk diguna pakai oleh semua agensi Sektor Awam dan diuruskan secara berpusat. 1Gov*Net bertujuan untuk mentransformasikan rangkaian ICT Sektor Awam melalui konsolidasi rangkaian. Pelaksanaan talian rangkaian 1Gov*Net di JAKOA bermula awal tahun 2013.

Pemasangan ini akan mengoptimumkan penggunaan sumber dan nilai kewangan bagi memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Rangkaian 1Gov*Net menyediakan satu platform rangkaian bagi membolehkan capaian kepada aplikasi-aplikasi EG, aplikasi dalaman dan capaian ke Internet.


Pada tahun 2014, perkhidmatan permohonan talian rangkaian telah ditambah baik dengan penyediaan sebuah aplikasi 1Gov*Serv oleh MAMPU melalui kontraktor yang dilantik GITN Sdn. Bhd. Aplikasi ini membantu pihak MAMPU dan agensi kerajaan dalam memantau permohonan talian baru, pindah, naik taraf dan penamatan talian.

Bil	Status Permohonan	Status
1	Selesai	13
2	Baru	6
3	Dalam proses	4
Jumlah		23

Jadual 10 : Ringkasan status permohonan talian 1gov*net oleh JAKOA

Implementasi Firewall dan Pemantauan Penggunaan Jalur Lebar

Bagi meningkatkan produktiviti warga jabatan, pemasangan *firewall* telah dilaksanakan dengan menyekat akses mengikut kategori yang dipersetujui oleh pihak pengurusan. Satu mekanisme pemantauan dibuat melalui tapisan paket data serta mengoptimumkan penggunaan *bandwidth*. Implementasi ini bertujuan meningkatkan keselamatan dan kawalan ke atas kandungan laman yang akan diakses oleh warga jabatan dalam keadaan yang selamat dari serangan virus, *malicious* dan serangan yang tidak sepatutnya.



Sistem firewall bagi meningkatkan kawalan dan keselamatan

1GovUC (Emel)

1GovUC bertujuan untuk memperkasa dan menambahbaik urusan komunikasi dan kolaborasi dalam urusan harian pentadbiran/ *business activities* Sektor Awam melalui integrasi dan konsolidasi saluran-saluran komunikasi secara selamat. Dengan ini akan menjadi pemangkin kepada peningkatan keberkesanan pentadbiran awam dan perluasan penggunaan aplikasi-aplikasi umum dan strategik. Melalui 1GovUC ini komunikasi bersepadu sudah pastinya dapat dibuat sesuai dengan dasar dan hasrat kerajaan.



Emel yang digunakan JAKOA

1GovUC menyediakan kemudahan akses ke emel, kalendar dan kenalan di mana-mana jua pada bila-bila masa. Antara keperluannya adalah seperti berikut.

- Berhubung dengan *Microsoft Outlook 2010* dan menggunakan semua fungsi *Outlook* yang sedia ada sama ada anda disambungkan kepada Internet di rumah, atau di pejabat, atau anda bekerja di luar talian.
- Akses kepada emel, kalendar, dan kenalan dari hampir mana-mana pelayar web sambil menikmati pengalaman *Outlook* dengan menggunakan *Outlook Web App*.
- Menggunakan nama domain yang sedia ada kepada alamat emel baru untuk memastikan bahawa identiti masih dikekalkan.
- Mudah menjadualkan mesyuarat dengan perkongsian kalendar dan status rakan-rakan.
- Membantu melindungi organisasi daripada *spam* dan virus dengan anti-virus dan anti-spam yang disediakan.




Penggunaan emel 1GovUC di JAKOA

Dalam usaha memantapkan dan memperkasa pengurusan dan penggunaan emel di kalangan pegawai dan kakitangan JAKOA, Pada bulan Januari 2014, Seksyen Teknologi Maklumat telah mengadakan sesi pengenalan dan latihan kepada warga JAKOA bagi memperluaskan penggunaan emel dengan lebih menyeluruh melalui peranti mudah alih (*mobile apps*). Ini seiring dengan perubahan teknologi di mana kemudahan capaian email melalui mobile phone boleh dibuat dan dapat membalas dengan kadar segera. Ini bersesuaian dengan hasrat kerajaan "*no wrong door policy*". Dengan perlaksanaan emel 1GovUC ini, server emel dalaman email telah ditutup sepenuhnya pada pertengahan tahun 2014. Penutupan email dalaman memberi penjimatan pada kerajaan, di mana tiada lagi kos pengurusan emel.

Laman Web www.jakoa.gov.my

Laman Web JAKOA ini menjadi wadah utama bagi mendekati pelanggan-pelanggan JAKOA dan antara medium penyampaian maklumat utama. Seksyen Teknologi Maklumat sebagai penggerak laman web JAKOA akan memastikan maklumat dan perkembangan mengenai JAKOA dan masyarakat Orang Asli akan sentiasa dikemaskini.

www.jakoa.gov.my



MY (Malaysia) **US** (United States) **FR** (France) **CN** (China) **JP** (Japan)

Informatif jumlah pengunjung laman web JAKOA sepanjang tahun 2014.

Unit Integriti

Pengenalan

Unit Integriti ditubuhkan di Jabatan Kemajuan Orang Asli secara rasminya mulai 1 Januari 2014 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 bertajuk “Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam”. Unit ini bertujuan memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Objektif dan Fungsi Unit Integriti JAKOA

Membudayakan 12 nilai murni dan budaya kerja yang digariskan oleh Kementerian bagi meningkatkan tahap tadbir urus jabatan ke arah pengukuhan sistem penyampaian perkhidmatan jabatan. Unit ini berfungsi sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di jabatan dan bertanggungjawab untuk melaksanakan enam fungsi teras seperti berikut.

- i. Tadbir Urus
 - Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
- ii. Pengukuhan Integriti
 - Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam Jabatan.
- iii. Pengesanan dan Pengesahan
 - Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
 - Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.
- iv. Pengurusan Aduan
 - Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika Jabatan.
- v. Pematuhan
 - Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.
- vi. Tatatertib.
 - Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.


Pencapaian Tahun 2014

Statistik Aduan Sepanjang Tahun 2014

Unit Integriti telah menerima sebanyak 65 aduan di mana semua aduan tersebut telah berjaya diselesaikan pada tahun semasa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 27 aduan diterima di peringkat negeri manakala baki sebanyak 38 aduan diterima di peringkat Ibu Pejabat. Pecahan aduan mengikut Ibu Pejabat dan Negeri adalah seperti berikut.

Bil	Perkara	Jumlah
1	Aduan Belum Selesai	0
2	Aduan Selesai	65

Jadual 11 : Aduan yang diterima oleh JAKOA sepanjang tahun 2014



Carta 14 : Aduan yang diterima di Ibu Pejabat dan Negeri sepanjang tahun 2014.

Berdasarkan kepada jadual dibawah, Unit Integriti telah mengenalpasti daripada 38 aduan yang diterima 31 aduan merupakan aduan daripada pihak JAKOA Negeri dan 7 aduan merupakan dari Ibu Pejabat JAKOA. Jenis saluran aduan dan kategori aduan turut dikenalpasti bagi memudahkan analisa terhadap aduan dilaksanakan.

Bil	Pecahan Aduan	Jumlah
1	Ibu Pejabat	7
2	Selangor & WPKL	8
3	Perak & Kedah	6
4	Pahang	9
5	Kelantan & Terengganu	3
6	Negeri Sembilan & Melaka	1
7	Johor	4
Jumlah		38

Jadual 12 : Pecahan aduan yang diterima oleh Ibu Pejabat pada tahun 2014

Bil	Saluran Aduan	Jumlah
1	Surat / Faks	39
2	Email	11
3	Keratan Akhbar	9
4	Lain-lain (Cth : FB & hadir sendiri)	3
5	Blog JAKOA	1
6	BPA	1
7	Sistem e-aduan	1
Jumlah		65

Jadual 13 : Saluran aduan yang diterima pada tahun 2014

Bil	Saluran Aduan	Jumlah
1	Aduan Diterima Oleh Negeri	27
2	Kekurangan Kemudahan Awam	9
3	Kegagalan Mengikut Prosedur Yang Ditetapkan	9
4	Tindakan Tidak Adil	6
5	Kualiti Perkhidmatan Yang Tidak Memuaskan	4
6	Pelbagai Aduan	4
7	Salah Guna Kuasa/Penyelewengan	2
8	Salah Laku Anggota Awam	2
9	Kegagalan Penguatkuasaan	1
10	Kelewatan atau Tiada Tindakan	1
Jumlah		65

Jadual 14 : Kategori aduan yang diterima pada tahun 2014

Laporan Tindakan Tatatertib

Kawalan tatatertib merupakan alat pengurusan yang penting bagi mewujudkan pentadbiran yang cekap dalam melaksanakan segala fungsi serta tanggungjawab ke arah pencapaian matlamat dan objektif sesebuah Jabatan. Sesuatu tindakan tatatertib ke atas mana-mana pegawai yang telah melakukan pelanggaran tatatertib hendaklah dilaksanakan oleh sesebuah Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT). Seseorang pegawai hendaklah mematuhi peruntukan peraturan-peraturan ini dan pelanggaran mana-mana peruntukan tersebut boleh menyebabkan tindakan tatatertib. Seseorang pegawai dianggap telah melanggar peruntukan peraturan-peraturan ini jika didapati telah melakukan sebarang perbuatan atau salah laku yang bertentangan dengan mana-mana peraturan tatakelakuan berkenaan.

Di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Jabatan telah melaksanakan sebanyak 8 tindakan tatatertib yang melibatkan kumpulan pelaksana. Pada tahun 2014, seramai 3 orang pegawai telah dikenakan tindakan buang kerja, 4 orang dikenakan tindakan tangguh pergerakan gaji dan amaran manakala baki seramai 1 orang pegawai meletakkan jawatan sebelum LTT bersidang.

Bil	Kumpulan	Buang Kerja	Tangguh Pergerakan Gaji & Amaran	Turun Pangkat	Letak Jawatan	Jumlah
1.	Pelaksana	3	4	-	1	8
Jumlah						8

Jadual 15 : Tindakan tatatertib yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014

Unit Perhubungan Awam

Pengenalan

Unit Perhubungan Awam (UPA) bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti Pengurusan Media dan Komunikasi serta Penerbitan Korporat jabatan. Selain itu, Unit Perhubungan Awam turut melaksanakan aktiviti promosi dan publisiti bagi setiap aktiviti dan program JAKOA secara meluas dengan penggunaan pelbagai kaedah komunikasi termasuk medium media cetak, elektronik serta media sosial seperti facebook, twitter dan blog rasmi JAKOA.

Unit ini terdiri daripada Pegawai Penerangan S41, Penolong Pegawai Penerangan S27, Pembantu Penerangan S17 dan Pembantu Tadbir N17.

Pencapaian Tahun 2014

Pengurusan Media dan Komunikasi

Sepanjang tahun 2014, Unit Perhubungan Awam telah mengendalikan beberapa siri temuramah media yang melibatkan Ketua Pengarah JAKOA. Antaranya ialah rancangan Selamat Pagi Malaysia (TV1), temubual di Radio Asyik.fm dan beberapa media cetak dan elektronik yang lain.

Temuramah media yang diadakan ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat mengenai perkhidmatan yang disediakan JAKOA secara umum kepada semua masyarakat. Promosi dan publisiti seperti ini dapat membantu JAKOA dalam melaksanakan aktiviti dan program dalam aspek pembangunan masyarakat Orang Asli.




Temuramah Media bersama YBhg Dato' Hasnan Bin Hassan Ketua Pengarah JAKOA

Penerbitan Buku JAKOA

Unit Perhubungan Awam telah berjaya menerbitkan beberapa buah buku penerbitan jabatan. Antaranya ialah penerbitan Buletin Asli sebanyak 3 kali, Buku Laporan Tahunan 2014 dan Risalah JAKOA. Tujuan penerbitan ini adalah untuk mendokumentasikan segala aktiviti JAKOA, program-program yang telah berjaya dilaksanakan, serta mempromosikan perkhidmatan JAKOA kepada masyarakat Orang Asli.



Buletin Asli JAKOA



Buku Laporan Tahunan JAKOA 2013



Risalah JAKOA

Pameran Korporat JAKOA

Sepanjang tahun 2014, Unit Perhubungan Awam telah beberapa kali menyertai aktiviti pameran di peringkat kebangsaan dan negeri. Antara pameran yang disertai adalah seperti berikut.

Bil	Pameran	Tarikh
1	Pameran <i>Save The Nature</i> di Maktab PDRM Cheras	19 April 2014
2	Pameran Karnival Belia Putrajaya di Presint 2, Putrajaya	23 Mei 2014
3	Pameran Festival Orang Asli	8 Jun 2014
4	Pameran Mini KUD Napoh, Kedah	25 September 2014
5	Pameran Karnival Usahawan Orang Asli, AEON Setiawangsa	30 Oktober 2014
6	Pameran Hari Inovasi KKLW 2014	10 November 2014
7	Pameran Program Jalinan Mesra JAKOA di Kg Orang Asli Kuala Pangsun	16 November 2014

Jadual 16 : Aktiviti pameran yang disertai Unit Perhubungan Awam



Unit Perhubungan Awam telah melaksanakan beberapa aktiviti yang melibatkan pengurusan media dan komunikasi. Antaranya seperti di jadual berikut.

Bil	Aktiviti	Jumlah
1	Temuramah Media	15
2	Proses Permohonan Penggambaran	23
3	Liputan Bergambar	128
4	Nota Kepada Pengarang	53
5	Keratan Akhbar	109
6	Pameran	9

Jadual 17 : Aktiviti Pengurusan Media dan Komunikasi

Bahagian Pembangunan Sosioekonomi

Pengenalan


Isu kekurangan prasarana di perkampungan Orang Asli, kadar kemiskinan yang tinggi, isu pendidikan dan perubahan minda dalam kalangan masyarakat Orang Asli merupakan isu utama yang sering diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Justeru itu, usaha-usaha ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup dan memperkasakan modal insan dalam kalangan masyarakat Orang Asli telah menjadi fokus utama JAKOA menerusi Bahagian Pembangunan Sosioekonomi (PSE) yang menjadi 'Focal Point' untuk mencapai matlamat dan menentukan semua aktiviti pembangunan sosioekonomi dapat memberi faedah kepada masyarakat Orang Asli serta mengubah dan meningkatkan taraf hidup mereka ke arah yang lebih sempurna setanding dengan masyarakat umum.

Pencapaian Tahun 2014

Bahagian Pembangunan Sosioekonomi telah menyusun strategi dan rangka pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan lebih berfokus. Bagi menjayakan agenda pembangunan masyarakat Orang Asli, bahagian ini telah menyelaras sejumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh pihak kerajaan meliputi program/ projek teras seperti berikut.

Bil	Nama Program	Peruntukan (RM)
1	Rolling Plan-3(RP-3) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10)	64,718,000.00
2	Program Bantuan Rumah (PBR)	10,150,863.46
3	Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia	70,000,000.00
4	Projek Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil Cameron Highlands	13,000,000.00
5	Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Sungai Siput Perak	35,686,000.00
Jumlah		193,554,863.46

Jadual 18 : Pecahan agihan peruntukan Pembangunan sosioekonomi bagi tahun 2014



Carta 15 : Peruntukan pembangunan sosioekonomi bagi tahun 2014

Rolling Plan-3 (RP-3), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe 10)

Menerusi Program Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli sedia ada sejumlah RM64.71 juta peruntukan telah diluluskan dan telah direncanakan bagi pelaksanaan projek-projek seperti berikut.

Projek Ukur Keliling Tanah Penempatan Orang Asli/ Pengambilan Tanah (PBT)

Skop projek adalah bagi urusan permohonan pemilikan tanah Kerajaan Negeri untuk dijadikan milik Kerajaan Persekutuan didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan digunakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia selaku agensi pengguna.

Disamping itu, skop projek juga melibatkan urusan pengambilan tanah berdaftar milik individu melalui proses pengambilan tanah mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT 1960) dan selaras dengan Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (Disemak 1974). Tujuan pengambilan adalah untuk digunakan sebagai kawasan penempatan dan pembangunan khusus untuk masyarakat Orang Asli. Status tanah akan didaftarkan sebagai Rizab Orang Asli di bawah Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (Disemak 1974).

Selain itu, skop projek diperluaskan kepada urusan mengukur tanah kawasan penempatan Orang Asli bagi penyediaan Pelan Pelbagai dan Pelan Akui (PA) untuk tujuan perancangan pembangunan tanah dan permohonan kelulusan pewartaan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk diwartakan sebagai Kawasan Orang Asli atau Rizab Orang Asli di bawah Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (Disemak 1974).

Sejumlah RM1,047,006.02 telah diperuntukkan pada tahun 2014 bagi tujuan melaksanakan projek Pengambilan Balik Tanah/ Ukur dan sebanyak RM1,011,995.49 (96.65%) telah dibelanjakan bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja ukur 20 lokasi kawasan penempatan Orang Asli di 5 buah negeri melibatkan keluasan tanah seluas 2,750.52 hektar untuk manfaat seramai 834 Ketua Isi Rumah (KIR).

Prestasi Perbelanjaan				Prestasi Fizikal	
Bil	Negeri	Perbelanjaan (RM)	KIR	Luas (Hektar)	Bil. Kampung
1	Perak	280,305.38	216	803.90	4
2	Pahang	355,269.31	206	1,267.00	7
3	Johor	82,113.24	188	283.00	2
4	Selangor	232,036.55	184	305.50	6
5	Negeri Sembilan	62,271.01	40	91.12	1
Jumlah		1,011,995.49	834	2,750.52	20

Jadual 19 : Prestasi Perbelanjaan dan Pencapaian Fizikal Projek Kerja Ukur Keliling mengikut negeri tahun 2014

Projek Pembangunan Ekonomi di Pelbagai Negeri

Berdasarkan kepada teras kedua Pembangunan Luar Bandar KKLW iaitu membasmi kemiskinan tegar dan membantu mengurangkan separuh kadar kemiskinan, JAKOA telah melaksanakan pelbagai projek-projek pembangunan ekonomi yang berdaya maju dan program keusahawanan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah. Antara projek-projek pembangunan ekonomi yang dilaksanakan ialah projek ladang komersial bersama RISDA/FELCRA, ladang masyarakat, tanaman kontan jangka pendek, ternakan dan pembangunan usahawan menerusi bantuan kelengkapan premis perniagaan dan program keusahawanan.

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Pembangunan Ekonomi Johor	882,742.00	882,714.00	100
2	Pembangunan Ekonomi Kelantan	2,273,886.30	1,878,870.93	99
3	Pembangunan Ekonomi Melaka	589,872.00	589,748.00	100
4	Ibu Pejabat	1,094,432.90	1,094,432.90	100
5	Pembangunan Ekonomi N.Sembilan	1,327,810.50	1,282,390.00	97
6	Pembangunan Ekonomi Pahang	21,019,648.37	20,744,703.59	99
7	Pembangunan Ekonomi Perak	3,695,063.26	3,257,085.23	88.14
8	Pembangunan Ekonomi Selangor	656,652.00	656,652.00	100
9	Projek Tanaman Gaharu Masyarakat OA Di Gua Musang	24,480.00	24,480.00	100
Jumlah		31,564,587.33	30,411,076.65	96.34%

Jadual 20 : Prestasi Perbelanjaan dan Pencapaian Fizikal Projek Pembangunan Ekonomi mengikut negeri tahun 2014

Prestasi Sub-Projek Pembangunan Ladang Komersial Melalui Pendekatan Projek TSK OA dan Projek ROA

Unit Pertanian dan Perladangan menjalankan projek-projek pembangunan ladang dengan tanaman komoditi getah dan kelapa sawit secara komersial dengan *outcomes* melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang perladangan dan telah menghasilkan pendapatan tambahan melalui bayaran dividen serta upah kerja. Skop projek merangkumi pembangunan ladang baru dan pembinaan infrastruktur ladang melibatkan rakan sinergi dari agensi RISDA dan FELCRA.

Pada tahun 2014, Unit ini telah diperuntukkan sejumlah RM52,256,233.78 untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan ladang TSK dan infrastruktur ladang melalui agensi RISDA. Tujuan pelaksanaan projek ini adalah untuk meningkatkan dividen kumpulan sasar melalui hasil projek ladang dan menambahkan peluang pekerjaan di kawasan penempatan Orang Asli.

Bil	Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Pembangunan Ladang	5,000,000.00	5,000,000.00	100
2	Infrastruktur Ladang	47,256,233.78	47,256,233.78	100
Jumlah		52,256,233.78	52,256,233.78	100

Jadual 21 : Prestasi Fizikal & Perbelanjaan Projek Pembangunan Ladang Komersial mengikut negeri tahun 2014



Projek Tanaman Sawit TSK Kg. Orang Asli Sg. Kelit, Raub dan Kg. Orang Asli Sg. Soi, Kuantan, Pahang

Prestasi Sub-Projek Pembangunan Ladang Getah Melalui Pendekatan Projek Pembangunan Ladang Masyarakat

Projek Pembangunan Ladang Masyarakat diimplementasikan sebagai projek perintis yang berasaskan konsep perladangan dengan upah berinsentif (*incentive wage concept*) kepada masyarakat Orang Asli yang masih dibelenggu dengan isu kemiskinan dan taraf sosioekonomi yang rendah. Konsep perladangan baru ini direncanakan khas bagi memastikan peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan sasaran seperti yang dirancang dengan penumpuan terhadap tanaman getah.

Pada tahun 2014, Unit ini telah menerima peruntukan sebanyak RM8,209,948.50 dan RM6,457,608.20 (72.92%) telah dibelanjakan bagi melaksanakan Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA) yang berteraskan penanaman pokok getah dengan objektif untuk melahirkan pekebun-pekebun kecil getah di kalangan masyarakat Orang Asli dan seterusnya meningkatkan sumber ekonomi mereka.

Bil	Negeri	Maklumat			Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
		Bil Projek	Bil KIR	Bil Hektar		
1	Kelantan	12	788	956.76	2,315,808.50	703,842.38
2	Perak	6	372	451.69	2,950,325.00	2,591,056.01
3	Melaka	1	16	19.43	36,225.00	36,101.00
4	Negeri Sembilan	5	155	118.617	976,940.00	848,069.50
5	Selangor	2	80	32.374	204,800.00	198,620.00
6	Pahang	2	150	182.18	1,725,850.00	1,608,752.22
Jumlah		28	1,561	1,761.051	8,209,948.50	5,986,441.11

Jadual 22 : Prestasi Fizikal & Perbelanjaan Projek Pembangunan Ladang Komersial mengikut negeri tahun 2014



Projek Ladang Masyarakat Orang Asli Tanaman Getah Kg.Bawong, Sungai Siput, Perak

Prestasi Sub-Projek Pembangunan Keusahawanan

Fokus utama dalam Pembangunan Keusahawanan ialah membantu golongan usahawan Orang Asli yang kekurangan modal dan kredit. Skim bantuan secara geran akan diberikan dalam bentuk bantuan modal pusingan. Bantuan seperti penyediaan premis perniagaan, peralatan perniagaan/ pertanian/ penternakan, kursus dan bayaran sewa premis di lokasi strategik pusat perniagaan dan ubah suai bangunan/ premis perniagaan juga diberikan kepada usahawan Orang Asli yang layak.

Projek Bekalan Air Terawat di Perkampungan Orang Asli

Pada tahun 2014, Projek Bekalan Air Terawat bagi Negeri Pahang dan Perak telah diperuntukkan sebanyak RM21,299,731.76 yang melibatkan 15 buah kampung dan telah dibelanjakan sepenuhnya untuk memberi manfaat kepada 570 Ketua Isi Rumah (KIR).

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Bil Kampung	Bil Rumah
1	Pahang	7,440,482.61	7,440,482.61	8	240
2	Perak	13,859,249.15	13,859,249.15	7	330
Jumlah		21,299,731.76	21,299,731.76	15	570

Jadual 23 : Prestasi Perbelanjaan dan Pencapaian Fizikal Projek Bekalan Air Terawat mengikut negeri tahun 2014



Projek Bekalan Air Terawat yang dilaksanakan di perkampungan Orang Asli

Rumusan Keseluruhan Peruntukan Pembangunan Tahun 2014

Bil	Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Pengambilan Balik Tanah/Ukur	1,047,006.02	1,047,006.02	100
2	Program Pembangunan Ekonomi	31,564,587.33	30,411,076.65	96.34
3	Projek Bekalan Air Terawat di Perkampungan Orang Asli	21,299,731.76	21,299,731.76	100
4	Infrastruktur dan Kemudahan Awam Pelbagai Negeri	7,201,533.45	6,929,050.70	96.2
5	Pembangunan Manusia dan Minda	2,768,988.40	2,762,358.63	99.76
6	Program Merapatkan Jurang Digital bagi Perkampungan Orang Asli	804,380.00	804,380.00	100
Jumlah		64,686,226.96	63,253,603.76	99.85

Jadual 24 : Prestasi Perbelanjaan keseluruhan mengikut projek

Program Bantuan Rumah (PBR)

Skop projek menyediakan kemudahan perumahan kepada masyarakat Orang Asli miskin dan miskin tegar di seluruh Semenanjung Malaysia meliputi komponen membina rumah baru (BB) dan kerja-kerja pembaikan rumah (BP) sedia ada.

Bagi tahun 2014, projek dilaksanakan oleh JAKOA dengan keseluruhan peruntukan sebanyak RM10,150,863.46. Di bawah projek PBR, jumlah keseluruhan projek adalah sebanyak 550 buah unit. Sebanyak 142 unit bagi projek Bina Baru rumah dan 408 unit bagi projek pembaikan rumah sedia ada yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM10,148,058.49 (99.97%)

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	JAKOA		Peratus (%)	Jumlah
				Bina Baru	Baik Pulih		
				Unit Rumah	Unit Rumah		
1	Pahang	2,350,904.46	2,350,904.46	36	101	100	137
2	Perak	2,500,000.00	2,498,444.00	35	100	99.93	135
3	Selangor	1,000,000.00	999,791.03	15	37	99.97	52
4	Kelantan	2,000,000.00	2,000,000.00	32	49	100	81
5	N. Sembilan	646,459.00	646,459.00	0	57	100	57
6	Melaka	353,500.00	353,500.00	5	15	100	20
7	Johor	1,300,000.00	1,298,960.00	19	49	99.92	68
Jumlah		10,150,863.46	10,148,058.49	142	408	99.97	550

Jadual 25 : Prestasi Perbelanjaan dan Pencapaian Fizikal Program Bantuan Rumah (PBR) mengikut negeri tahun 2014



Program Bantuan Rumah (PBR) yang dilaksanakan di perkampungan Orang Asli

Program Bantuan Rumah Di Bawah Peruntukan *Government Transformation Programme, Low Income Household 2.0 (GTP, LIH 2.0)*

Peruntukan program PBR di bawah GTP, LIH 2.0 adalah melibatkan projek baik pulih rumah yang dikhaskan pada setiap tahun oleh Unit Pengurusan dan Pelaksanaan (PEMANDU), JPM. Pada tahun 2014, sebanyak 101 unit rumah telah dibaiki dengan perbelanjaan sebanyak RM1,111,000.00 mengikut pecahan seperti berikut.

Bil	Negeri	Unit	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Pahang	10	110,000.00	109,950.00	99.95
2	Perak	11	121,000.00	120,620.00	99.68
3	Selangor	20	220,000.00	219,984.40	99.99
4	Kelantan	10	110,000.00	110,000.00	100
5	Terengganu	5	55,000.00	54,240.00	98.61
6	N. Sembilan	20	224,500.00	224,500.00	100
7	Melaka	5	50,500.00	50,500.00	100
8	Johor	20	220,000.00	219,999.00	99.99
Jumlah		101	1,111,000.00	1,109,793.40	99.89

Jadual 26 : Prestasi Perbelanjaan dan Pencapaian Fizikal Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Peruntukan GTP, LIH 2.0 mengikut negeri

Program Bantuan Rumah Di Bawah Peruntukan Khas Unit Perancang Ekonomi (EPU)

Peruntukan program PBR di bawah EPU, JPM melibatkan projek Bina Baru rumah yang dikhaskan di bawah Peruntukan Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli, Semenanjung Malaysia. Sebanyak 487 unit rumah telah dibina melibatkan perbelanjaan berjumlah RM20,067,000.00 (99.91%) pada tahun 2014 mengikut pecahan seperti berikut.

Bil	Negeri	Unit	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Pahang	126	5,005,000.00	5,005,000.00	100
2	Perak	139	5,907,000.00	5,890,000.00	99.7
3	Selangor	75	3,022,000.00	3,022,000.00	100
4	Kelantan	41	1,937,000.00	1,937,000.00	100
5	N.Sembilan	106	4,213,638.00	4,213,000.00	100
Jumlah		487	20,084,638.00	20,067,000.00	99.91

Jadual 27 : Prestasi Perbelanjaan dan Pencapaian Fizikal Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Peruntukan EPU mengikut negeri

Projek Pembangunan Masyarakat Orang Asli Menerusi Peruntukan Khas Unit Perancang Ekonomi (EPU)

Sebagai salah satu inisiatif kerajaan untuk melonjakkan pembangunan masyarakat minoriti ini, satu bentuk program transformasi yang telah direncanakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk pembangunan yang lebih inklusif kepada kumpulan sasaran. Justeru itu sejumlah RM69,048,095.40 telah diperuntukkan khusus bagi pembangunan masyarakat Orang Asli.

Bil	Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1	Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Sg Siput	35,686,000.00	34,226,191.53
2	Program Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil Cameron Highlands	13,000,000.00	12,800,000.00
3	Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia	70,000,000.00	70,000,000.00
Jumlah		118,686,000.00	117,026,191.53

Jadual 28 : Agihan peruntukan mengikut program menerusi Peruntukan Khas Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri 2014

Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Sungai Siput Perak

Unit Perancang Ekonomi, JPM telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah perkampungan Orang Asli di Sungai Siput (U), Kuala Kangsar, Perak pada 6 hingga 8 Julai 2012. Hasil lawatan tersebut JAKOA telah diminta membentangkan satu kertas konsep perancangan pembangunan melibatkan lima (5) penempatan utama Orang Asli bagi tempoh 2013 hingga 2017 kepada Ketua Pengarah UPE, JPM pada 31 Julai 2012 untuk memaklumkan cadangan JAKOA. Lima (5) penempatan utama tersebut adalah Kg Bawong, Pos Perwor, RPS Legap, Pos Yum dan Pos Kuala Mu.

Unit Perancang Ekonomi, JPM telah meluluskan kertas konsep pembangunan perkampungan Orang Asli Sungai Siput (U) berdasarkan pendekatan bersepadu dan komprehensif yang merangkumi komponen seperti berikut.

- i. Projek Jalan Perhubungan
- ii. Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)
- iii. Program Bantuan Rumah (PBR)
- iv. Pencawang Telekomunikasi
- v. Projek Ekonomi (tanaman getah, koko dan tanaman kontan)
- vi. Kemudahan Awam
- vii. Projek Eko Pelancongan
- viii. Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan
- xi. Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Kampung Bawong (Mini RTC) merangkumi komponen berikut Masjid, Sekolah Menengah, Dewan Orang Ramai, Kompleks Perniagaan dan Terminal Pengangkutan Awam Darat

Kerja-kerja pembangunan sedang giat dijalankan di mana pembinaan Masjid (Fasa 1) telah mula dilaksanakan pada 15 Ogos 2013 dan dijangka siap pada 14 April 2014. Manakala projek Fasa 2 disusuli dengan pembinaan sekolah menengah di mana projek telah dimulakan pada 25 November 2013 dan dijangka siap pada 15 April 2015. Projek Fasa 3 iaitu pembinaan pusat komersial dijangka akan dimulakan pada tahun 2014. Projek-projek ini diselia sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi teknikal yang bertanggungjawab.

Selain daripada itu, pelbagai projek lain yang telah dan akan mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat seperti pembinaan jalan perhubungan, pembersihan kawasan untuk tujuan perladangan, penyaluran bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya. Projek ini dijangka akan siap sepenuhnya menjelang tahun 2017.



Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Sungai Siput Perak

Program Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Cameron Highlands, Pahang

Pada 7 Ogos 2011, telah berlaku kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur yang telah mengakibatkan 3 buah rumah telah tertimbus dan 3 buah rumah yang lain telah mengalami kerosakan. Tragedi tersebut juga mengakibatkan 2 orang penduduk mengalami kecederaan parah dan 7 orang telah meninggal dunia.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melaksanakan Pelan Bantuan dan Pemulihan Bencana Alam kepada penduduk yang terlibat meliputi perkara tersebut.

- (i) Penyediaan penempatan sementara iaitu rumah transit di tapak Kem Brinchang, Cameron Highlands; dan
- (ii) Pelaksanaan Projek Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil di atas kawasan penempatan sedia ada.

Di atas keprihatinan kerajaan terhadap bencana yang menimpa penduduk Sungai Ruil satu projek pembangunan penempatan semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil telah diluluskan pelaksanaannya. Projek ini dilaksanakan oleh JKR yang melibatkan kerja-kerja *slope treatment*, pembinaan rumah penduduk (152 unit), surau (kapasiti 150 orang), dewan serba guna (kapasiti 500 orang), tadika (50 murid), rumah kakitangan (5 unit), tandas awam, gerai/ bazaar, tempat letak bas/ kereta dan lain-lain kemudahan berkaitan dengan kos pembangunan berjumlah RM45 juta.



Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Cameron Highlands, Pahang

Berdasarkan cadangan pembinaan rumah penduduk yang telah dipersetujui, pihak JKR akan membina sebanyak 152 unit rumah jenis *Semi-detached* dengan keluasan binaan 800 kaki persegi. Pembangunan yang akan dilaksanakan oleh JKR akan mengambil kira konsep pembangunan lestari dan mesra alam memandangkan kawasan tersebut adalah kawasan yang berbukit bukau dan kerja-kerja pemotongan tanah akan diminimumkan bagi menjaga alam sekitar. Kos pembangunan yang dianggarkan oleh JKR adalah sebanyak RM31 juta melibatkan kawasan seluas 65 ekar. Projek ini dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada tahun 2015

Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia

Program pembangunan ini meliputi komponen pembinaan jalan perhubungan, pembinaan rumah PBR dan penyediaan kemudahan bekalan elektrik di perkampungan. Program ini dilaksanakan secara khusus bagi menangani isu-isu ketiadaan kemudahan asas di kawasan perkampungan Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2014, sebanyak RM70 juta peruntukan yang telah diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek tersebut. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti berikut.

Bil	Negeri	Perbelanjaan (RM)
1	Selangor	4,327,149.10
2	Johor	1,849,822.00
3	N.Sembilan/ Melaka	3,098,706.50
4	Pahang	5,295,397.86
5	Ibu Pejabat	50,890,800.62
6	Perak	2,336,038.95
7	Kelantan	2,202,084.97
Jumlah		70,000,000.00

Jadual 29 : Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia tahun 2014

Projek-projek infrastruktur asas di perkampungan Orang Asli akan dilaksanakan secara berterusan dan JAKOA mensasarkan menjelang tahun 2017 masalah kekurangan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli akan ditangani sepenuhnya.

Program Pembangunan Usahawan

Program Pembangunan Usahawan JAKOA dilaksanakan untuk mewujudkan golongan usahawan Orang Asli yang terlibat secara langsung dalam bidang perniagaan. Program ini bermatlamat membasmikan kemiskinan serta meningkatkan pendapatan dan membawa mereka terlibat bersama dalam setiap kegiatan ekonomi negara.

Bagi melicinkan usaha ini, JAKOA telah berusaha membangunkan peluang-peluang pendidikan dan latihan serta sumber ekonomi dan kemudahan pinjaman untuk menggalakkan Orang Asli terlibat dalam kegiatan keusahawanan. JAKOA telah melaksanakan program pembinaan premis perniagaan, program bimbingan usahawan, kursus/latihan keusahawanan dan program pameran dan promosi produk keluaran usahawan Orang Asli.

Pembinaan Premis Perniagaan

Pada tahun 2014, sebanyak RM1,340,500.00 telah diperuntukkan dan telah dibelanjakan sepenuhnya bagi pembinaan dan pengubahsuaian 37 unit premis perniagaan kepada 37 orang peserta di negeri-negeri seperti berikut.

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Bil Peserta
1	Pahang	420,000.00	420,000.00	100	12
2	Perak	270,000.00	270,000.00	100	6
3	Selangor	260,000.00	260,000.00	100	6
4	Kelantan	315,000.00	315,000.00	100	7
5	Johor	35,000.00	35,000.00	100	2
6	Negeri Sembilan & Melaka	40,500.00	40,500.00	100	4
Jumlah		1,340,500.00	1,340,500.00	100	37

Jadual 30 : Agihan Peruntukan bagi Projek Pembinaan dan Pengubahsuaian Premis Perniagaan mengikut negeri



Bangunan Ruang Niaga Berkembar Lima, Pos Raya, Daerah Kinta, Perak.

Bimbingan Usahawan

Pemberian bantuan/bimbingan usahawan bertujuan untuk mempercepatkan pembangunan dan kemajuan usahawan Orang Asli. Bantuan diberi dalam bentuk peralatan perniagaan, pembelian mesin dan sebagainya bersesuaian dengan bidang perniagaan yang diceburi seperti kedai runcit, kedai makan, kedai jahit, bengkel kenderaan, kafe siber, kedai kraftangan dan lain-lain.

Di bawah aktiviti Bimbingan Usahawan, sejumlah RM325,000.00 telah diperuntukkan dan dibelanjakan sepenuhnya yang memberi manfaat kepada 31 orang peserta bagi negeri-negeri seperti berikut.

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Bil Peserta
1	Pahang	20,000.00	20,000.00	100	2
2	Perak	50,000.00	50,000.00	100	5
3	Selangor	45,000.00	45,000.00	100	4
4	Kelantan	125,000.00	125,000.00	100	12
5	Johor	70,000.00	70,000.00	100	6
6	Negeri Sembilan & Melaka	15,000.00	15,000.00	100	2
Jumlah		325,000.00	325,000.00	100	31

Jadual 31 : Agihan Peruntukan bagi Projek Bantuan Peralatan mengikut negeri



Bantuan Perniagaan yang diberikan. (Peralatan Kedai Makan)

Kursus dan Latihan Keusahawanan

Sebanyak 5 jenis kursus telah dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Usahawan, JAKOA Ibu Pejabat sepanjang tahun 2014. Seramai 266 orang peserta yang terdiri daripada usahawan Orang Asli dari kalangan lelaki, wanita dan belia/ beliawanis Orang Asli telah mengikuti kursus dan latihan keusahawanan seperti berikut:

Bil	Nama Kursus/ latihan/Lokasi	Tarikh	Bil Peserta
1	Kursus Asas Jahitan - Seremban, Negeri Sembilan.	26 Ogos 2014	11
2	Kursus Ternakan Lembu dan Kambing - Kuala Selangor, Selangor.	2- 4 September 2014	30
3	Seminar Usahawan Orang Asli 2014 - Dewan Tun Razah, Kuala Lumpur.	23 - 25 September 2014	150
4	Kursus Jati Diri dan Motivasi -IPP, Langkawi, Kedah	14 - 17 Oktober 2014	35
5	Kursus Produk Ekonomi Tambahan - RPS Kuala Betis, Kelantan.	23 dan 29 November 2014	40

Jadual 32 : Kursus dan Latihan Usahawan sepanjang tahun 2014



Seminar Usahawan Orang Asli 2014



Kursus Peningkatan Pendapatan
(membuat bahan pencuci pakaian)

Pameran dan Promosi Usahawan Orang Asli

JAKOA telah melibatkan usahawan Orang Asli bagi menyertai 12 program pameran dan promosi anjuran JAKOA dan jabatan/ agensi lain. Seramai 68 usahawan Orang Asli telah menyertai acara pameran dan promosi seperti berikut.

Bil	Nama Program / Lokasi /Penganjur	Tarikh	Bil Peserta
1	D'Agri Expo 2014 - PWTC K.Lumpur - FAMA	13 - 16 Februari 2014	3
2	Hari Kraf Kebangsaan 2014 - Pusat Kraftangan, K. Lumpur	26 Feb - 10 Mac 2014	3
3	- Lembaga Kraftangan Malaysia		
3	Mini KUD Zon Selatan - Johor Bahru, Johor - KEJORA	28 Mei - 1 Jun 2014	5
4	Pameran SMEDEX - KLCC - SME Corp.	4 - 6 Jun 2014	2
5	Festival Orang Asli 2014 - Muzium Negara Kuala Lumpur	6 - 10 Jun 2014	20
	- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Malaysia		
6	Promosi Kraf Aidilfitri - K. Lumpur	12 - 23 Julai 2014	2
	- Lembaga Kraftangan Malaysia		
7	Mini KUD Zon Utara - RTC Napoh, Kedah - KEDA	24 - 27 September 2014	3
8	Pameran Herbal Asia - Kuala Lumpur - MATRADE	9 - 11 Oktober 2014	2
9	Pameran Produk Usahawan Malaysia	10 - 19 November 2014	1
10	Jerman - Lembaga Kraftangan Malaysia		
11	Satu Daerah Satu Industri (SDSI) - MITC Melaka - MITI	4 - 7 November 2014	2
12	Karnival Usahawan Orang Asli (KUOA) 2014	30 Okt. - 2 Nov. 2014	30
	- AEON AU2 K.Lumpur - JAKOA		
13	Mini KUD Zon Tengah - RTC Gopeng, Perak - RISDA	5 - 8 Disember 2014	5

Jadual 33 : Kursus dan Latihan Usahawan sepanjang tahun 2014

Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan

Pengenalan

Mulai 1 Julai 2014, Bahagian yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Minda dan Pendidikan telah distrukturkan semula dan diberi nama baru iaitu Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan. Secara keseluruhan, bahagian ini bertanggungjawab dalam menguruskan pelbagai aktiviti yang melibatkan kemajuan pendidikan Orang Asli, Program Pembangunan Modal Insan Orang Asli, Program Peningkatan Latihan dan Kemahiran Orang Asli, serta menyediakan bantuan kebajikan perubatan

kepada masyarakat Orang Asli melalui kerjasama dua hala dengan agensi luar yang berkepentingan. Bahagian ini terdiri daripada dua (2) seksyen utama iaitu Seksyen Pembangunan Modal Insan dan Seksyen Latihan dan Kebajikan Orang Asli.

Seksyen Pembangunan Insan berperanan membuka peluang dan memajukan tahap pendidikan anak-anak Orang Asli bermula dari peringkat pra sekolah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi sama ada di dalam mahupun di luar negara. Disamping itu, Seksyen Pembangunan Modal Insan turut memainkan peranan dalam memupuk kesedaran tentang kepentingan pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli melalui pendidikan *non-formal* serta memperkasa Institusi Sosial Orang Asli seperti Institusi Tok Batin dan JKKK Orang Asli.

Manakala Seksyen Latihan dan Kebajikan pula berperanan dalam usaha meningkatkan pembangunan minda, meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan nilai-nilai positif di dalam diri dengan cara memberi pendedahan kepada masyarakat Orang Asli melalui kursus-kursus, latihan kemahiran dan kerjaya bagi mencetuskan anjakan paradigma seiring dengan perkembangan arus perdana negara. Disamping itu, seksyen ini turut memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan tahap kesedaran Kesihatan masyarakat Orang Asli melalui program yang komprehensif dan penyediaan bantuan Kebajikan perubatan kepada masyarakat Orang Asli.

Hala tuju ini diusahakan melalui program-program Utama yang dilaksanakan oleh bahagian ini iaitu :

- Program Pengajian Tinggi
- Program Pendidikan *Formal* dan *Non-Formal*
- Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya
- Program Peningkatan Profesionalisme Tok Batin dan JKKK Orang Asli
- Program Jalinan Mesra/ KOSPEN

Pencapaian Tahun 2014

Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan telah menerima peruntukan sebanyak RM34.4 juta. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengikut Dasar Sedia Ada, Dasar *One-Off*, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (KKLW), Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus dibawah Rolling Plan III (EPU) adalah seperti berikut.

Bil	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Dasar Sedia Ada	4.479 juta	4.473 juta	99.9
2	Dasar <i>One - Off</i>	20 juta	18.74 juta	93.7
3	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (KKLW)	2.9 juta	2.9 juta	100
4	Program Peningkatan Kapasiti & Kapabiliti Kumpulan Khusus di bawah Rolling Plan III (EPU)	2.5 juta	2.5 juta	100
Jumlah		29.879 juta	28.613 juta	95.8

Jadual 34 : Dasar Sedia Ada, Dasar *One-Off*, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat(KKLW), Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus dibawah Rolling Plan III (EPU)

Laporan Seksyen Modal Insan

Seksyen Pendidikan dibahagikan kepada dua (2) unit iaitu Unit Pengajian Tinggi dan Unit Pendidikan.

Unit Pembangunan Komuniti

Unit Pembangunan Komuniti bertanggungjawab dalam usaha memperkasa, merangka menyelaraskan dan memantau program Institusi Sosial Orang Asli iaitu Tok Batin dan JKKK Orang Asli. Pada tahun 2014, unit ini telah merekodkan seramai 606 Penjawatan Tok Batin dan Penghulu serta 217 JKKK Orang Asli .

Bil	Negeri	Tok Batin	JKKKOA	Jumlah Keseluruhan Tok Batin & JKKKOA
1	Kelantan & Terengganu	50	18	68
2	Perak & Kedah	186	25	208
3	Pahang	211	72	284
4	Selangor & W. Persekutuan	55	51	106
5	Negeri Sembilan & Melaka	57	31	90
6	Johor	47	20	67
Jumlah Keseluruhan		606	217	823

Jadual 35 : Bilangan Tok Batin dan JKKKOA bagi tahun 2014

Program Simposium Kepimpinan Tok Batin/ Penghulu Orang Asli Islam

Program kerjasama JAKOA bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ini telah diadakan pada 7 hingga 10 Disember 2014 di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan Malaysia , Bangi, Selangor. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan ciri-ciri kepimpinan yang berteraskan Islam kepada pemimpin masyarakat Orang Asli. Selain itu, program ini juga bertindak sebagai platform untuk mempertingkatkan kemahiran pengurusan dan kepimpinan dalam membentuk komuniti masyarakat Orang Asli yang berwibawa disamping sebagai medium pertukaran pandangan dan maklumat antara pimpinan masyarakat Orang Asli.



Program Simposium Kepimpinan Tok Batin/ Penghulu Orang Asli Islam

Unit Pengajian Tinggi

Pada tahun 2014, unit ini telah merekodkan seramai 738 pelajar Orang Asli sedang menuntut di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam pelbagai bidang seperti diadual.

Bil	Program Pengajian	Sedang Menuntut	Tamat
1	Matrikulasi / Asasi	25	0
2	Sijil	25	8
3	Pra-Diploma	61	48
4	Diploma	395	25
5	Ijazah Sarjana Muda	232	5
Jumlah		738	86

**** Data tidak termasuk pelajar IPTS, pelajar luar negara dan institusi di bawah kerajaan negeri.**

Jadual 36 : Bilangan Pelajar Orang Asli yang sedang menuntut dan tamat di Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi Tahun 2014

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bawah Unit Pengajian Tinggi sepanjang tahun 2014 meliputi perkara-perkara berikut.

Skim Bantuan Galakan Pendidikan (Basiswa)

JAKOA telah menyalurkan bantuan biasiswa sebanyak RM5 juta kepada 738 pelajar Orang Asli di IPTA di seluruh negara.

Bil	Peringkat	Bilangan Pelajar	Kadar Biasiswa (RM)	Jumlah (RM)
1	Ijazah	232	4,780.00	1,163,440.00
2	Diploma	395	4,080.00	2,415,360.00
3	Pra-Diploma	61	2,500.00	152,500.00
4	Matrikulasi	25	1,750.00	43,750.00
5	Sijil / Asasi	25	1,750.00	131,250.00
Jumlah		738	14,860	3,906,300.00
Lain-Lain Perbelanjaan				
1	Elaun Makan			450,000.00
2	Program Mobiliti Siswa Dan Bakti Siswa			300,000.00
3	Persiapan Pelajar PILN			280,000.00
4	Tiket Penerbangan Pelajar Sabah Dan Sarawak			26,905.00
5	Yuran Pelajar UMCCED			36,795.00

Jadual 37 : Jumlah Pembiayaan Biasiswa Kepada Pelajar Orang Asli di IPTA di bawah Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) Tahun 2014

Program Perjumpaan Pelajar Orang Asli IPTA

Program perjumpaan pelajar Orang Asli yang menuntut di IPTA telah diadakan mengikut zon. Program ini dibahagikan kepada 5 zon iaitu Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah, Zon Selatan dan Zon Borneo. Program ini melibatkan pelajar Orang Asli yang menuntut di IPTA seluruh Malaysia yang bertujuan untuk merapatkan silaturahim antara para pelajar IPTA dengan pihak jabatan. Ia juga memberi peluang kepada para pelajar untuk beramah mesra sesama pelajar Orang Asli yang menuntut di IPTA dan berkongsi pandangan dan pengalaman serta menyuarakan hasrat mengenai pelbagai isu pendidikan dan pembangunan kepada pihak jabatan. Modul pelaksanaan program adalah berkonsepkan khidmat masyarakat di perkampungan Orang Asli yang terpilih.



Program Perjumpaan Pelajar Orang Asli IPTA mengikut Zon

Bil	Program	Tempat	Jumlah	Tarikh
1	Program Perjumpaan Pelajar Orang Asli IPTA Zon Borneo	Kota Kinabalu, Sabah	26 Pelajar	19-22 Februari 2014
2	Program Perjumpaan Pelajar Orang Asli IPTA Zon Utara	Felda Resedence Trolak, Perak	120 Pelajar	21-23 Mei 2014
3	Program Perjumpaan Pelajar Orang Asli Zon Timur	Kg. Orang Asli Pos Lenjang, Pahang	110 Pelajar	15-17 Ogos 2014
4	Program Perjumpaan Pelajar Orang Asli IPTA Zon Selatan	RPS Kudong, Segamat, Johor	106 Pelajar	28-30 Nov 2014
5	Program Perjumpaan Pelajar Orang Asli IPTA Zon Tengah	Kg Orang Asli Changkat Bintang, Hulu Selangor	111 Pelajar	18-20 Okt 2014

Jadual 38 : Pelaksanaan Program Perjumpaan Pelajar Orang Asli IPTA mengikut zon tahun 2014

Program Penghantaran dan Pemantauan Pelajar Program Ijazah Luar Negara (PILN)

Pada tahun 2014, seramai 14 pelajar Orang Asli telah berjaya melanjutkan pengajian ke universiti luar negara. Seramai 12 orang pelajar telah berjaya melanjutkan pengajian di United Kingdom di peringkat Sarjana Muda dan Sarjana dalam pelbagai jurusan. Terdapat seorang pelajar melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda di Indonesia dan seorang lagi di Amerika Syarikat. Bilangan pelajar ke universiti luar negara ini telah menjadikan jumlah keseluruhan pelajar yang melanjutkan pengajian ke universiti luar negara seramai 40 orang.

Pada 24 September 2014, telah diadakan majlis makan malam pelajar Orang Asli yang menuntut di sekitar London. Makan Malam tersebut dihadiri oleh YB Dato' Seri Hj Mohd Shafie Hj Apdal, Menteri KKLW, Ketua Pengarah JAKOA, delegasi MARA, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan serta pihak media. Majlis Makan Malam ini bertujuan bagi memberi peluang kepada pelajar Orang Asli yang berjaya melanjutkan pengajian ke universiti luar negara beramah mesra bersama YB Menteri KKLW dan Pegawai Kanan Agensi KKLW di samping menyampaikan amanat serta memberi motivasi kepada para pelajar oleh YB Menteri KKLW.



Program Penghantaran dan Pemantauan Pelajar PILN

Negara	Program	Pengajian	Bil	Jumlah
United Kingdom	Phd Ijazah Sarjana	-	0	21
		Maritim	2	
		Kejuruteraan	2	
		Pendidikan	3	
		Analisis Sains	1	
	Ijazah Sarjana Muda	Perbankan	1	
		Sains Sosial	5	
		Kejuruteraan	2	
		Pertanian	1	
		Sains Sosial	2	
Australia	Phd Ijazah Sarjana Ijazah Sarjana Muda	Perakaunan & Kewangan	2	11
		Sistem Pembuatan	1	
		Pendidikan (Tesol)	1	
		Pendidikan (Tesol)	1	
		Kejuruteraan	5	
		Perakaunan	1	
		Perubatan	1	
India	Ijazah Sarjan Muda	Sains Sosial	1	2
		Perubatan	1	
Indonesia	Ijazah Sarjana Muda	Perubatan & Pembedahan	1	2
		Perubatan	1	
		Sains Sosial	1	
Canada	Ijazah Sarjana Muda	Kejuruteraan	1	1
Ireland	Ijazah Sarjana Muda	Perubatan	1	1
Republic Cezh	Ijazah Sarjana Muda	Perubatan	1	1
United States	Ijazah Sarjana Muda	Perakuanan & Kewangan	1	1
Jumlah			40	40

Jadual 39 : Taburan Pelajar Orang Asli yang melanjutkan pelajaran di luar negara sehingga tahun 2014

Bil	Nama	Universiti	Negara
1	Wang Hasa A/P Bah Genut	Ar-Raniry, Banda Aceh	Indonesia
2	Nisra Nisran Bin Asra Ramlan	Queen Mary Uni. Of London	UK
3	Zetty Ilydia A/P Deraman	Uni. Of Plymouth	UK
4	Nishalynda A/P Husni	Purdue Uni.	US
5	Irmis Asfira Binti Asra Ramlan	Newcastle Uni.	UK
6	Lai Yew Chong	King's College London	UK
7	Lilie Arbeyne A/P Juli	Uni. Of The West Of England	UK
8	Pong Shiau Yin A/P Pong Ah Kau	Uni. Of Surrey	UK
9	Khairulnazrin Bin Abdullah	Uni. Of Cardiff	UK
10	Masni A/P Mat Dong	Anglia Ruskin Uni.	UK
11	Siti Nur Asilah Binti Isamuddin	Anglia Ruskin Uni.	UK
12	Murni Binti Wong King	Uni. Of Brunel	UK
13	Susieleen Suki	Uni. Of Cardiff	UK
14	Mohammad Sahibuzzaman Bin Sulaiman	Uni. Of The West Of England	UK

Jadual 40 : Senarai Pelajar Orang Asli yang melanjutkan pelajaran di luar negara tahun 2014

Program Halatuju Pelajar Orang Asli Lepas SPM dan STPM

Program Halatuju Pelajar Orang Asli lepasan SPM dan STPM telah diadakan pada 5 hingga 7 April 2014 bertempat di MAEPS, Serdang yang melibatkan seramai 500 orang pelajar dari seluruh semenanjung Malaysia. Program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Pihak MARA dan Jabatan Pendidikan Tinggi juga dijemput bagi memberikan taklimat berkenaan program yang ditawarkan dan cara permohonan kemasukan ke universiti tempatan melalui portal Unit Pusat Universiti (UPU).



Program Hala Tuju Pelajar Lepas SPM dan STPM

Sumbangan Komputer Riba

Pada tahun 2014, seramai 376 orang pelajar berjaya mendapat tawaran ke IPTA. Daripada jumlah itu, seramai 177 orang pelajar adalah pelajar di peringkat Diploma dan 94 orang di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Bermula pada tahun 2013, berdasarkan keputusan Mesyuarat Pengurusan KKLW Bil. 2/2012 bertarikh 9 Mei 2012, menetapkan bahawa dasar bantuan sumbangan komputer riba ini akan diperluaskan kepada semua pelajar Orang Asli yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPTA di peringkat Ijazah dan Diploma.



Program Sumbangan Komputer Riba

Laporan Unit Pendidikan

Unit Pendidikan Formal (Persekolahan)

Unit Pendidikan Formal telah melaksanakan beberapa program sepanjang tahun 2014 seperti berikut.

Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Orang Asli (MAPCOA)

Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Orang Asli (MAPCOA) merupakan salah satu inisiatif JAKOA untuk memberi galakan dan penghargaan kepada pelajar-pelajar Orang Asli yang mendapat keputusan cemerlang di dalam UPSR, PT3, SPM dan STPM Tahun 2013. Majlis ini telah diadakan pada 27 hingga 28 April 2014 bertempat di INFRA, Bangi. Seramai 213 orang pelajar Orang Asli Cemerlang telah diraikan sempena majlis ini. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hj Mohd Shafie bin Hj. Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.



Majlis Anugerah Pelajar Orang Asli Cemerlang

Bil	Peperiksaan	Jumlah Calon	Jumlah Pelajar Hadir	Jumlah Pelajar Lulus	Jumlah Pelajar Cemerlang
1	Ujian Penilaian Sekolah Rendah	4,464	3,414	2,121	71
2	Pentaksiran Tingkatan Tiga	2,074	1,808	1,612	78
3	Sijil Pelajaran Malaysia	1,491	1,354	1,133	39
4	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia	77	76	69	25
Jumlah		8,106	6,652	4,935	213

Jadual 41 : Jumlah pelajar Orang Asli yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Awam tahun 2013

Unit Pendidikan *Non-Formal*

Unit Pendidikan *Non-Formal* telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pengumpulan data, pemantauan dan pelaksanaan program bagi pusat pendidikan *non-formal* merangkumi TABIKA, TASKA dan Pusat Penggalak Pembaca.

Sehingga Disember 2014, unit ini merekodkan jumlah pusat pendidikan *non-formal* yang menempatkan kanak-kanak Orang Asli di 273 buah TABIKA, 10 buah TASKA dan 27 buah Pusat Penggalak Pembaca. Manakala jumlah enrolmen kanak-kanak Orang Asli berumur 3 hingga 6 tahun adalah berjumlah 5,545 orang di Tabika, 146 orang di TASKA dan 461 orang di Pusat Penggalak Pembaca. Pembantu Pemaju Masyarakat (PPM,N1) lantikan JAKOA pula seramai 281 orang dan Ibu Penggalak Pembaca seramai 27 orang.


Bil	Data Akhir 2014	Bil kelas	Tenaga Pengajar		Pelajar		Jumlah Pelajar
			Guru	PPM	Lelaki	Perempuan	
1	TABIKA	273	282	281	2,736	2,809	5,545
2	TASKA	10	27	27	78	68	146
3	3P	27	78	-	233	228	461
4	KEDAP	136	136	-	1,183	2,816	3,999

Jadual 42 : Data Maklumat Tabika, Taska dan 3P tahun 2014

Program Kelas Dewasa Asli Pribumi (KEDAP)

Pada Tahun 2014, JAKOA telah diperuntukan oleh Government Transformation Programme (GTP), NKRA sebanyak RM6.4 juta bagi melaksanakan Program KEDAP-JAKOA. Jumlah ini telah meningkat sebanyak 33% berbanding tahun 2013 iaitu RM4.3 juta. Objektif Kelas KEDAP-JAKOA adalah untuk mengurangkan keciciran melalui penurunan kadar buta huruf yang tinggi dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang berumur 21 tahun ke atas. Modul pembelajaran Kelas KEDAP-JAKOA ini menggunakan teknik Andragogi dan Pedagogi yang dilaksanakan oleh KPM dan Modul LEADS yang telah dilaksanakan oleh KEMAS.

Sebanyak 136 kelas KEDAP-JAKOA telah dilaksanakan pada tahun 2014 di perkampungan Orang Asli terpilih berbanding 87 kelas pada tahun 2013 sementara penglibatan peserta Orang Asli meningkat kepada 3,999 orang berbanding seramai 2,610 orang pada tahun 2013.



Agihan peruntukan Program KEDAP-JAKOA RM6.4 juta kepada JAKOA Negeri tahun 2014

Laporan Seksyen Latihan Dan Kebajikan

Seksyen Latihan dan Kebajikan telah memainkan peranan dengan membangkitkan kesedaran dan perubahan sikap masyarakat Orang Asli ke arah cara berfikir yang lebih positif melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan seperti berikut.

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Program ini bertujuan menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan masyarakat Orang Asli mengikuti kursus-kursus latihan jangka pendek, sederhana dan panjang termasuk kemahiran asas MLVK (Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 & 2) serta Sijil Profesional Khas. JAKOA telah menerima peruntukan sebanyak RM5.4 juta daripada dua agensi iaitu RM2.5 juta disalurkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri di bawah Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus manakala sebanyak RM2.9 juta pula disalurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menerusi Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) bagi Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) RM2 juta, Program Pembangunan Modal Insan RM400 ribu dan Program Kecemerlangan Pelajar RM500 ribu.

BIL	Kursus	SKM I	SKM II	SKM III	Sijil Khas	Peruntukan	Jumlah Peserta	Tempoh Kursus (Bulan)	Tempoh Latihan		Pengendali Kursus	Lokasi/ Alamat
									Mula	Tamat		
1	Pengemas Bilik				✓	SPKR KKLW	40	3	09-Jun-14	09-Sep-14	Saf Academy	Skudai Johor Bahru
2	Pengawal Keselamatan				✓	EPU	20	3	01-Aug-14	01-Nov-14	Elite Pro Services Resources	Kuala Lumpur
3	Prime Mover				✓	EPU	20	3	01-Sep-14	01-Nov-14	Plomo Sdn Bhd	West Port, Klang, Selangor
4	Peruncitan				✓	EPU	40	3	01-Aug-14	01-Nov-14	Saf Academy	Skudai Johor Bahru
5	Penyediaan Makanan & Minuman SKM II		✓			SPKR KKLW	15	6	07-Jul-14	07-Jan-15	Inforana Holdings Sdn Bhd	Kuala Terengganu , Terengganu
6	Jurudandan Rambut SKM II		✓			SPKR KKLW	25	6	07-Jul-14	07-Jan-15	Millenium Hair Care Beauty Academy	Kuala Lumpur
7	Penyediaan Makanan Dan Minuman SKM II (Pramusaji)		✓			EPU	15	6	01-Aug-14	01-Feb-15	Inforana Holdings Sdn Bhd	Kuala Terengganu , Terengganu
8	Equestrian				✓	EPU	10	6	01-Aug-14	01-Feb-15	Excellent Academy Sdn Bhd	Serdang, Selangor
9	Jurukecantikan SKM I	✓				EPU	15	6	01-Aug-14	01-Feb-15	Oriva Health & Beauty Sdn Bhd	Kuala Lumpur
10	Jurudandan SKM I	✓				EPU	20	6	01-Aug-14	01-Feb-15	Millenium Hair Care Beauty Academy	Kuala Lumpur
11	Telekomunikasi	✓				EPU	10	6	01-Aug-14	01-Feb-15	Kolej Warisan Jengka	Jengka, Pahang
12	Juruterapi Spa Kanan SKM III			✓		SPKR KKLW	30	10	07-Jul-14	07-Feb-15	La' Joise Industries (M) Sdn Bhd	Klang, Selangor
13	Fitter (Pemasangan) Oil & Gas	✓				EPU	10	6	01-Sep-14	28-Feb-15	Imbasan Nilai	Kemaman, Terengganu
14	Jurukimpal Arka Logam SKM II		✓			EPU	10	12	01-Aug-14	01-Mar-15	Veta	Semenyih, Selangor
15	Pembuatan Pakaian Wanita SKM II		✓			EPU	10	10	01-Sep-14	01-Mar-15	Kolej Menara Perak Jaya	Ipoh, Perak
16	Kedi (Golfer Assistant)		✓			EPU	30	9	01-Sep-14	01-Mar-15	Primavoc Golf Academy	Damansara, Selangor
17	Juruteknik Kenderaan Bermotor SKM II (Automotif)		✓			EPU	20	12	01-Aug-14	01-Mar-15	Sayong Didik Sdn Bhd	Senai, Johor
18	Asuhan Kanak-Kanak SKM III			✓		EPU	30	12	01-Aug-14	01-Mar-15	Ibnu Hayyan Education Group Sdn Bhd	Selayang, Kuala Lumpur
19	Kerani Tempahan Tiket SKM II		✓			SPKR KKLW	35	12	07-Jul-14	07-Mar-15	Excellent Academy Sdn Bhd	Serdang, Selangor
20	Ndt Inspector Officer SKM II		✓			SPKR KKLW	20	12	07-Jul-14	07-Mar-15	Sr Scaffolds Sdn Bhd	Kemaman, Terengganu
21	Juruelektrik Rendah Kanan SKM II		✓			SPKR KKLW	30	12	09-Jun-14	09-Mar-15	Heritage Training Centre	Seremban 2, N9
22	Pembuatan Pastrri SKM II		✓			EPU	15	6	01-Oct-14	31-Mar-15	Suzimie	Kuala Lumpur
Jumlah							470					

Jadual 43 : Bidang-bidang Kursus Kemahiran bagi Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) tahun 2014

Pelaksanaan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya ini (PLKK) ini telah memberikan impak yang positif dan memberikan pendapatan yang lebih tinggi kepada belia dan beliawanis masyarakat Orang Asli seperti jadual dibawah.

Bil	Kursus	Jumlah Peserta	Tempoh Kursus (Bulan)	Pengendali Kursus	Lokasi / Alamat
1	Pengemas Bilik	40	3	Saf Academy	Skudai Johor Bahru
2	Pengawal Keselamatan	20	3	Elite Pro Services Resources	Kuala Lumpur
3	Prime Mover	20	3	Plomo Sdn Bhd	West Port, Klang, Selangor
4	Peruncitan	40	3	Saf Academy	Skudai Johor Bahru
5	Penyediaan Makanan & Minuman SKM II	15	6	Inforana Holdings Sdn Bhd	Kuala Terengganu, Terengganu
6	Jurudandan Rambut SKM II	25	6	Millenium Hair Care Beauty Academy	Kuala Lumpur, Kuala Terengganu, Terengganu
7	Penyeliaan Makanan Dan Minuman SKM II (Pramusaji)	15	6	Inforana Holdings Sdn Bhd	Serdang, Selangor
8	Equestrian	10	6	Excellent Academy Sdn Bhd	Kuala Lumpur
9	Jurukecantikan SKM I	15	6	Oriva Health & Beauty Sdn Bhd	Kuala Lumpur
10	Jurudandan SKM I	20	6	Millenium Hair Care	Jengka, Pahang
11	Telekomunikasi	10	6	Beauty Academy	Klang, Selangor
12	Juruterapi Spa Kanan SKM III	30	10	Kolej Warisan Jengka	Kemaman, Terengganu
13	Fitter (Pemasangan) Oil & Gas	10	6	La' Joise Industries (M) Sdn Bhd	Semenyih, Selangor
14	Jurukimpal Arka Logam SKM II	10	12	Imbasan Nilai Veta	Ipoh, Perak
15	Pembuatan Pakaian Wanita SKM II	10	10	Kolej Menara Perak Jaya	Damansara, Selangor
16	Kedi (Golfer Assistant)	30	9	Primavoc Golf Academy	Senai, Johor
17	Juruteknik Kenderaan	20	12	Sayong Didik Sdn Bhd	Selayang, Kuala Lumpur
18	Bermotor SKM II (Automotif) Asuhan Kanak-Kanak SKM III	30	12	Ibnu Hayyan Education Group Sdn Bhd	Serdang, Selangor, Kemaman, Terengganu
19	Kerani Tempahan Tiket SKM II	35	12	Excellent Academy Sdn Bhd	
20	Ndt Inspector Officer SKM II	20	12	Sr Scaffolds Sdn Bhd	
21	Juruelektrik Rendah Kanan SKM II	30	12	Heritage Training Centre	Seremban 2
22	Pembuatan Pastri SKM II	15	6	Suzimie	Kuala Lumpur

Jadual 44 : Pecahan Bidang Kursus

Seramai 240 orang pelatih Orang Asli telah menamatkan kursus dan kini memegang jawatan mengikut bidang masing-masing dan menjana pendapatan di antara RM900.00 hingga RM8,000.00 sebulan dan selebihnya seramai 210 orang pelatih menyambung pengajian ke Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2.

Manakala seramai 10 pelatih tidak berjaya menamatkan kursus yang diceburi di atas faktor-faktor peribadi peserta yang kurang mempunyai ketahanan jati diri. Faktor-faktor ini akan diambil tindakan pada tahun berikutnya seperti mengadakan Program Pembangunan Modal Insan bagi memperkuatkan jati diri peserta Orang Asli agar dapat menamatkan kursus dengan jayanya serta mendapat sijil kemahiran bagi digunakan masa depan.



Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Unit Kerjaya

Unit Kerjaya diwujudkan adalah untuk menyediakan program pembangunan kerjaya sejajar dengan hasrat kerajaan melahirkan masyarakat Orang Asli yang berketrampilan, berdaya saing dan menepati kehendak semasa industri. Ianya telah memainkan peranan yang signifikan dalam pasaran tenaga kerja masyarakat Orang Asli. Unit ini bertindak sebagai penghubung dan pemudahcara di antara sektor kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta dengan pemohon-pemohon kerjaya dari kalangan masyarakat Orang Asli selain memasarkan calon-calon berseesuaian berdasarkan kelayakan, pengalaman dan kemahiran yang ada sama ada secara padanan kerja *job-matching* atau temuduga terbuka *walk-in interview*.

Pada tahun 2014, satu analisa dilakukan dalam mengenalpasti kemajuan masyarakat Orang Asli dalam sektor pekerjaan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), secara keseluruhan seramai 3,789 Orang Asli telah mendapat pekerjaan menerusi pelbagai program dan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun didalam bidang perhotelan, perkhidmatan, kepolisan, industri pelabuhan, pelancongan dan sebagainya

Program Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli

Program Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli adalah program di bawah peruntukan khas bagi membiayai program/aktiviti ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Peruntukan yang bernilai sebanyak RM20 juta ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bertujuan membiayai dan meningkatkan kualiti hidup Orang Asli khususnya keluarga miskin dan miskin tegar seterusnya membantu mengurangkan kesan inflasi berikutan kenaikan harga barang dan bahan api sekarang.

Terdapat empat jenis bantuan dibawah Program Meningkatkan Kualiti Hidup masyarakat Orang Asli iaitu.

Program Bantuan Makanan

Program ini bertujuan memberi bantuan kebajikan dalam bentuk bakul makanan kepada penerima bantuan terdiri daripada golongan miskin tegar. Peruntukan telah diagihkan ke setiap negeri mengikut kos lokasi, pengangkutan, jumlah kumpulan sasar dan lain-lain. Setiap bakul mengandungi makanan antaranya beras, minyak masak, gula, minuman coklat dan tepung.

Program Bantuan Input Pertanian

Program ini bertujuan membantu keluarga Orang Asli mengusahakan sendiri tanah mereka dengan pelbagai jenis tanaman termasuk kelapa sawit, getah dan tanaman kontan. Ianya merupakan salah satu usaha pihak jabatan meringankan beban masyarakat Orang Asli dimana setiap peserta diberikan bantuan seperti baja, racun, benih anak pokok, baka ternakan, mesin rumput dan peralatan nelayan kecil.

Program Tambang Pengangkutan Pelajar ke Sekolah

Program ini bertujuan untuk memudahkan pelajar-pelajar Orang Asli ke sekolah serta salah satu usaha bagi mengelakkan keciciran berlaku.

Program Insentif Wang Saku Pelajar Sekolah Menengah

Bayaran insentif wang saku ini bertujuan memberi galakan kepada pelajar sekolah menengah supaya mereka menghadiri kelas. Ia juga bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa pelajar sekaligus dapat mengurangkan kadar keciciran. Kadar wang saku yang diberi adalah berdasarkan kiraan RM2.00 seorang untuk setiap hari.

Bil	Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	Peratus (%)
1	Insentif Wang Saku	4,287,631.50	4,287,631.50	-	100
2	Tambang Pengangkutan	12,322,095.99	12,322,095.99	-	100
3	Bakul Makanan	1,590,272.51	1,590,272.51	-	100
4	Input Pertanian	1,800,000.00	540,000.00	1,260,000.00	30
Jumlah		20,000,000.00	18,740,000.00	1,260,000.00	93.70

Jadual 45 : Rumusan Program Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli tahun 2014

Unit Kebajikan Pesakit

Unit Kebajikan Pesakit (UKP) telah memberikan bantuan kebajikan kepada masyarakat Orang Asli. Fungsi Unit Kebajikan Pesakit adalah memberikan bantuan kebajikan dan perubatan kepada Pesakit dan Pengiring Pesakit Orang Asli. Sebanyak RM200,000.00 peruntukan dengan tambahan sebanyak RM51,883.70 telah disalurkan seperti berikut.

Bil	Bantuan Kebajikan (RM)	Bantuan Perubatan (RM)	Jumlah (RM)
1	215,411.50	36,472.20	251,883.70

Jadual 46 : Bantuan Kebajikan dan Bantuan Perubatan tahun 2014

Bantuan ini meliputi barang-barang kebajikan, makanan pengiring pesakit, alat sokongan, penghantaran pulang pesakit, melawat pesakit di hospital, pengurusan jenazah, menyediakan surat jaminan, pengesanan waris dan lain-lain lagi. Manakala bantuan perubatan adalah seperti bantuan pembedahan dan rawatan, alat bantuan, urusan temujanji, pengambilan ubat dan sebagainya.

Bil	Lokasi	Bil. Hari	Peserta	Tarikh
1	Pos Titom, Kuala Lipis, Pahang	3 hari	500 Orang	14-7 Mac 2014
2	Ulu Legong, Baling, Kedah	3 hari	300 Orang	10-12 Jun 2014
3	Ulu Pangsun, Selangor	2 hari	500 Orang	15-16 Nov 2014
Jumlah		1,300 orang		

Jadual 47 : Program kesedaran kesihatan dijalankan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia yang dikendalikan oleh Hospital Orang Asli Gombak dan Jabatan Kesihatan Daerah

Bil	Pembantu Am Kebajikan Perubatan	Balai Rawatan	Pusat Transit	Padang Pendaratan	Perkhidmatan Doktor Udara
1	143	106	12	68	30

Jadual 48 : Perkhidmatan kesihatan secara langsung kepada masyarakat di perkampungan Orang Asli



Pengurusan Kebajikan Pesakit Orang Asli

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Pengenalan

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan berperanan membuat perancangan jangka pendek dan panjang secara makro serta menggubal dasar pembangunan JAKOA sejajar dengan dasar pembangunan negara ke arah meningkatkan taraf sosioekonomi dan kemajuan Orang Asli seiring dengan arus perdana.

Bahagian ini juga menganalisa, mengumpul dan mengemaskini data-data serta maklumat masyarakat Orang Asli untuk kegunaan rasmi. Selain itu juga, bahagian ini mengurus, menyelaras dan memantau aktiviti penyelidikan dan program khidmat masyarakat mengenai Orang Asli yang dilaksanakan oleh sektor awam/ swasta, Institusi Pengajian Tinggi, NGO's dan penyelidik dari dalam dan luar negara. Perpustakaan dan Muzium Orang Asli juga dibawah tanggungjawab bahagian ini dalam mengurus dan merancang pengumpulan/ pemeliharaan artifak, pengembangan kebudayaan, kesenian, pengetahuan tradisional, pusat sumber rujukan dalam memartabatkan warisan Orang Asli.

Bermula pada bulan Julai 2014, pentadbiran Batin/ JKKKOA telah diserahkan ke Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan. Sepanjang tahun 2014, Bahagian ini telah diperuntukkan sejumlah RM1,605,200.00 di bawah perbelanjaan mengurus untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dan program yang dirancang.

Pencapaian Tahun 2014

Laporan Seksyen Perancangan

Unit ini bertanggungjawab sepenuhnya bagi pengurusan pentadbiran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan. Ianya merangkumi pentadbiran pengurusan kakitangan, pengurusan kewangan bahagian, pengurusan logistik bahagian dan lain-lain. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan oleh unit ini adalah seperti yang berikut.

Bengkel Penyelarasan Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tahun 2014

Pada 21 hingga 23 Disember 2014, bahagian ini telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2014, Penetapan SKT Tahun 2015 dan Pengemaskinian Fail Meja yang bertempat di Eagle Ranch Port Dickson, Negeri Sembilan. Pengisian program ini adalah untuk membincangkan pencapaian SKT bagi tahun 2014 dan menetapkan SKT 2015. Bengkel ini juga membincangkan dengan lebih jelas dan terperinci tentang tugas serta skop kerja bagi seseorang kakitangan tersebut.



Peserta bengkel sedang membincangkan Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bagi Unit masing-masing.

Unit Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Unit yang bertanggungjawab bagi menguruskan mesyuarat peringkat tertinggi, penyediaan jawapan parlimen dan perkara-perkara berbangkit yang berkaitan dengan dasar Jabatan. Aktiviti yang dilaksanakan seperti berikut.

Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) Kali Ke-12 Bil1/2014

Mesyuarat dwi-tahunan ini telah diadakan pada 29 Ogos 2014 bertempat di Bilik Persidangan Aras 29, KKLW. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Menteri KKLW dengan ahli-ahli mesyuarat yang mewakili kategori individu di kalangan Orang Asli dan bukan Orang Asli, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan ahli Akademik, Pemimpin Politik dan dari Jabatan / Agensi Kerajaan.

Mesyuarat ini berfungsi sebagai penasihat kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah termasuk memperakukan cadangan-cadangan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang berkaitan pembangunan Orang Asli serta strategi-strategi untuk menyelesaikan atau mengatasi isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli. Dua kertas kerja telah dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

- i. Cadangan Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli (2014 - 2026) : EPU-UNDP-Unicef-PE Research
- ii. Status Pelaksanaan Projek Penempatan Semula Orang Asli Sungai Ruil, Cameron Highlands, Pahang : JKR



Pengerusi dan Ahli-ahli Mesyuarat bergambar beramai-ramai sebelum mesyuarat berlangsung.

Mesyuarat United Nations World Conference On Indigenous Peoples 2014 (WCIP 2014)

Mesyuarat WCIP 2014 telah diadakan di New York, Amerika Syarikat pada 22 dan 23 September 2014. Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YB Menteri KKLW bersama 7 orang pegawai daripada KKLW, JAKOA, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Hadir sama ialah YB Senator Dato' Mohammad Olian Abdullah yang mewakili masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia.

Sesi Plenari WCIP 2014 telah menyaksikan kehadiran seramai lebih kurang 1,000 orang peserta yang mewakili negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan wakil masyarakat orang asal daripada seluruh dunia. Sesi pembukaan telah dirasmikan oleh Presiden Perhimpunan Agung PBB, HE Sam Kutesa yang mengalu-alukan penglibatan aktif masyarakat orang asal serta kerjasama yang diberikan oleh negara anggota dalam menjayakan persidangan yang julung kali diadakan sempena Perhimpunan Agung PBB Ke-69.

YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menyampaikan pernyataan Malaysia dalam Sesi Meja Bulat Kedua yang bertajuk 'Pelaksanaan Hak-hak Orang Asal di Peringkat Nasional dan Tempatan'. Antara lain, beliau menegaskan akan komitmen Malaysia dalam memelihara dan melindungi hak-hak Orang Asli/ asal serta usaha Kerajaan dalam menterjemahkan hak-hak tersebut dalam perancangan polisi dan pembangunan nasional dalam pelbagai aspek seperti pembangunan sosioekonomi, modal insan, infrastruktur, pendidikan serta kebajikan kesihatan seterusnya mengekalkan adat, warisan dan budaya masyarakat Orang Asli.



YB Menteri KKLW dan Ketua Pengarah JAKOA serta ahli mesyuarat yang lain

Mesyuarat Jawatankuasa bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama JPSM – JAKOA Bil.1/2014 yang dianjurkan JAKOA telah diadakan pada 12 Ogos 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat Patawali, Ibu pejabat JAKOA. Mesyuarat yang dipengerusikan bersama oleh kedua-dua Ketua Jabatan ini bertujuan mewujudkan platform kerjasama antara JPSM dan JAKOA bagi menangani dan menggubal strategi penyelesaian terhadap isu-isu semasa yang berkaitan dengan pengurusan masyarakat Orang Asli serta pengurusan hutan. Selain itu, mesyuarat ini juga merancang, menyelaras, melaksana dan memantau pelan tindakan kerjasama serta aktiviti secara bersepadu antara JPSM dan JAKOA yang bersesuaian mengikut Akta Orang Asli 1954 dengan Akta Perhutanan Negara 1984.

Mesyuarat kali ini lebih memberi tumpuan kepada perbincangan masalah dan isu masyarakat Orang Asli terutamanya isu penempatan Orang Asli samada di dalam Hutan Simpan Kekal atau kawasan rizab mereka yang menjadi aktiviti pencerobohan oleh pihak luar dan telah menyebabkan masalah pencemaran air, kerosakan tanaman dan lain-lain gangguan di penempatan Orang Asli. Selain itu, mesyuarat berkala dan kerjasama di lapangan oleh kedua-dua agensi ini di peringkat negeri perlu diperkukuhkan lagi bagi mengenalpasti serta menyelesaikan isu-isu semasa dan isu-isu teknikal yang berlaku di peringkat negeri sebelum ianya dibawa dan dibincangkan di peringkat Ibu Pejabat.

Mesyuarat ini juga menegaskan bahawa dalam melaksanakan penjagaan pengurusan hutan, kepentingan dan kebajikan masyarakat Orang Asli tetap diberi keutamaan sejajar dengan Akta Orang Asli (Akta 134) dan Akta Perhutanan Negara 1984.



Mesyuarat Dua Hala antara JPSM dan JAKOA

Unit Muzium

Perbincangan Antara Pihak Majlis Pembangunan Sosial Sarawak (MPSS) dan JAKOA

Pada 8 April 2014, pihak Majlis Pembangunan Sosial Sarawak (MPSS) telah mengadakan perbincangan dengan pihak JAKOA yang bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Muzium Orang Asli, Gombak (MOAG). MPSS telah diwakili oleh Setiausaha Eksekutif MPS, Pn. Aishah Edris, Pn. Easter Melebeh dari Seksyen Pembangunan Kebudayaan (Pentadbiran) dan Cik Mas Nur Aizzat bt Rabanni dari pihak Majlis Pembangunan Sosial Sarawak. Perbincangan ini mengenai pendokumentasian artifak masyarakat Orang Asli dan proses mewartakan artifak-artifak, maklumat kebudayaan serta warisan masyarakat Orang Asli yang khusus berada di Semenanjung Malaysia. Wakil MPSS juga dibawa melawat ke galeri MOAG dan diberi penerangan mengenai artifak Orang Asli oleh pegawai JAKOA.



Perbincangan mengenai proses Pendokumentasian Artifak antara pihak Majlis Pembangunan Sosial Sarawak dengan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia



Sesi lawatan ke dalam Muzium Orang Asli Gombak sambil diberi penerangan oleh En. Mohd Jiwa Bin Zulkifli, kakitangan Unit Muzium.

Seminar dan Pameran *Save The Nature* Kali Ke 5 Anjuran PDRM

Pada 19 hingga 20 April 2014, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menganjurkan satu seminar bertajuk '*Save The Nature*' dengan kerjasama dari agensi-agensi kerajaan dan swasta. Seminar ini diadakan di Dewan Sultan Ahmad Shah, Maktab PDRM Kuala Lumpur bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan alam semula jadi dan rantai ekosistem tersebut. JAKOA turut terlibat dalam membuat pameran sepanjang program Pameran '*Save The Nature*' ini diadakan dengan memberi maklumat mengenai Orang Asli kepada orang awam dan pengunjung betapa pentingnya hutan dan ekosistemnya kepada manusia dan persekitarannya.



Save The Nature Pameran Jabatan Orang Asli Malaysia dengan usaha sama antara Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (Unit Muzium) dan Unit Perhubungan Awam mendapat sambutan yang positif dalam menjayakan Pameran '*Save The Nature*' 2014

Pameran Herba Malaysia Tahun 2014

Pameran ini telah diadakan pada 23 hingga 25 Mei 2014 di Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur. Penganjuran pameran ini melibatkan usahasama FRIM dan JAKOA serta agensi-agensi kerajaan dan syarikat swasta yang bertemakan Herba dan Pengetahuan Tradisi: Khazanah Negara. Tujuan pameran ini adalah untuk memberi ilmu pengetahuan dan perkongsian cara masyarakat Orang Asli menggunakan herba-herba tempatan dalam konteks perubatan tradisional. Dalam masa yang sama program ini turut mengadakan Seminar Pemuliharaan & Pemeraksanaan Pengetahuan Tradisi 2014 yang bertemakan Melestarikan Legasi Pengetahuan Tradisi. Seminar ini telah dihadiri oleh 60 orang peserta yang terdiri daripada kesemua golongan 18 suku kaum masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dalam usaha melestarikan pengetahuan tradisi yang telah lama diamalkan oleh golongan masyarakat yang terdahulu.



Pengunjung melawat Pameran JAKOA
di Pameran Herba Malaysia

Festival Orang Asli 2014 Sempena Tahun Melawat Malaysia

Pada 6 hingga 10 Jun 2014, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKKNWPKL) dengan kerjasama JAKOA dan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mengadakan satu program Festival Orang Asli 2014 yang bertempat di Bangunan Muzium Negara, Kuala Lumpur. Festival ini bertujuan untuk mendedahkan masyarakat umum terhadap adat, warisan dan kebudayaan golongan masyarakat Orang Asli yang ada di Semenanjung Malaysia. Festival ini juga mensasarkan kepada peningkatan pelancongan dalam negara khususnya kepada pelancong dari dalam dan luar negara.



Pengunjung melawat booth Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia
di Festival Orang Asli 2014

Lawatan Kerja Ketua Pengarah JAKOA Ke SUK Negeri Sarawak

Lawatan kerja oleh Ketua Pengarah dan delegasi JAKOA ke Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Sarawak telah diadakan pada 10 hingga 12 Jun 2014. Lawatan kerja ini bertujuan memahami Dasar Hak Adat Anak Negeri (NCR) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak kepada Anak Negeri dengan membuat perbandingan isu tanah Orang Asli di Semenanjung.

Delegasi JAKOA dan agensi-agensi di bawah pentadbiran SUK Negeri Sarawak telah mengadakan suai kenal dan perbincangan dua hala yang dipengerusikan oleh YBhg Datuk Ose Murang, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, bertempat di Bilik Persidangan SUK. Wakil SUK Sarawak telah memberi taklimat mengenai pelaksanaan tanah NCR di Sarawak yang meliputi pemahaman dari segi perundangan dan prosedur pemberimilikan tanah latar belakang, sejarah dan pelaksanaan dasar NCR untuk rakyat Negeri Sarawak terutama anak negeri. Dalam perbincangan dua hala itu juga turut menyentuh pengurusan kerajaan Negeri Sarawak terhadap anak negeri untuk digunapakai bagi mana-mana yang bersesuaian kepada masyarakat Orang Asli.

YBhg Ketua Pengarah dan delegasi JAKOA turut dibawa melawat ke Kampung Skuduk, Serian, yang didiami masyarakat Bidayuh yang merupakan kaum pertama mendapat geran NCR. Penerangan terperinci berhubung proses dan usaha yang dijalankan bagi mendapatkan geran NCR telah disampaikan oleh Persatuan Dayak Bidayuh Kebangsaan. Delegasi kemudian dibawa melihat projek pertanian masyarakat ini yang berkonsepkan padi dan getah serta projek pelancongan iaitu Gua Raya di Kampung Secupak.



Lawatan kerja Ketua Pengarah JAKOA ke SUK Sarawak

Karnival Orang Asli Tahun 2014

Karnival ini telah diadakan di Muzium Orang Asli Jeli, Kelantan pada 6 Disember 2014 di perkarangan muzium tersebut. Tujuan karnival ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan antara masyarakat Orang Asli dengan masyarakat yang lain, termasuk kakitangan JAKOA sendiri. Dengan adanya program seperti ini, hubungan di antara masyarakat Orang Asli dan masyarakat majmuk yang lain dapat dieratkan dan jurang pemisahan dapat dikurangkan.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang program ini adalah seperti demonstrasi memasak (mengikut suku kaum Orang Asli), persembahan tarian dan budaya Orang Asli, persembahan kumpulan muzik dari suku kaum Orang Asli, tarian sewang, pertandingan menyempit terbuka dan pertandingan mewarna bagi kategori kanak-kanak.



Tarian Sewang oleh masyarakat Orang Asli sewaktu Karnival Kebudayaan Orang Asli 2014 di Muzium Orang Asli Jeli, Kelantan

Sekyen Penyelidikan

Unit Kajian

Unit ini telah mengalami perubahan struktur organisasinya pada bulan Ogos 2014 di mana urusan berkaitan Batin/ Penghulu dan JKKK Orang Asli telah dipindahkan ke Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan. Oleh itu, tumpuan yang lebih aktif dapat dilaksanakan terhadap tugas seperti *Corporate social responsibility* (CSR) dari agensi kerajaan, korporat, IPTA awam/ swasta, badan NGO dan orang perseorangan.

Bil	Bulan	Kategori						Jumlah
		Kajian Penyelidik Luar Negara	Kajian Universiti Tempatan / Agensi Kerajaan	Kajian Pelajar Ipt Tempatan	Kajian Agensi Swasta	Thesis	Program Khidmat Masy. (Csr)	
1	Januari	-	2	15	-	-	3	20
2	Februari	2	6	22	-	-	3	33
3	Mac	-	1	21	-	-	5	27
4	April	1	3	19	-	-	8	31
5	Mei	1	10	17	-	-	10	38
6	Jun	-	4	13	-	1	13	31
7	Julai	1	4	9	-	-	11	25
8	Ogos	-	5	5	-	-	4	14
9	September	1	2	25	-	-	8	36
10	Oktober	1	1	19	-	1	5	27
11	November	2	2	17	-	-	10	31
12	Disember	-	3	7	-	2	2	45
Jumlah		9	43	189	-	4	82	358

Jadual 49 : Statistik permohonan kajian yang diterima sepanjang tahun 2014

Anugerah Desa Sejahtera 1 Malaysia (ADS1M) Peringkat Kebangsaan 2014

Anugerah Desa Sejahtera 1 Malaysia (ADS1M) Peringkat Kebangsaan 2014 merupakan acara tahunan yang melibatkan kerjasama di antara KKLW, KPKT dan JAKOA. Program ini bertujuan untuk merealisasikan program transformasi luar bandar bagi melahirkan masyarakat desa yang berdaya saing, berinisiatif, berilmu, berdikari dan berdisiplin kerja. Program ini juga bagi menyuburkan semangat 1 Malaysia, patriotisme merdeka dan nilai-nilai murni tradisi secara istiqamah di peringkat akar umbi yang merentas sempadan kaum, agama, budaya serta geografi.

Panel Penghakiman bagi kategori Orang Asli terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian Pembangunan Sosioekonomi, Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Seksyen Teknologi Maklumat, manakala Bahagian Perancangan dan Penyelidikan bertindak sebagai urusetia dan penyelaras pertandingan. Lawatan panel hakim penilai telah diadakan pada 19 hingga 27 Januari 2015. Setiap JAKOA Negeri akan mewakili sebuah kampung Orang Asli untuk dipertandingkan di peringkat Kebangsaan. Antara kampung Orang Asli yang dipertandingkan seperti berikut.

Bil	Kampung Orang Asli	Daerah	Wakil JAKOA Negeri
1	KOA Bukit Kepong	Port Dickson	Negeri Sembilan/Melaka
2	KOA Redip	Gua Musang	Kelantan/Terengganu
3	KOA Erong	Hilir Perak	Perak/Kedah
4	RPS Kedaik	Rompin	Pahang
5	KOA Tanjung Sepat	Sepang	Selangor
6	KOA Sg. Layau	Kota Tinggi	Johor

Jadual 50 : Senarai kampung-kampung Orang Asli yang tercalon dalam ADS1M 2014



Sambutan Kebudayaan oleh penduduk KOA Tanjung Sepat sempena ketibaan para panel hakim

Barisan Panel Hakim ADS1M bersama JKKKOA Tanjung Sepat, Selangor

Unit Perpustakaan

Perpustakaan Orang Asli JAKOA beroperasi setiap hari Isnin hingga Jumaat bermula dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang. Mulai Julai hingga Disember 2014, perpustakaan ini telah ditutup untuk kemudahan awam bagi kerja-kerja pengubahsuaian dan penambahan ruang bacaan. Projek ini melibatkan anggaran kos bernilai RM300,000.00. Projek ini bertujuan memberi faedah dari segi keselesaan pengunjung dan kemudahan yang lebih baik kepada semua pihak sama ada pengurusan perpustakaan dan juga pengunjung yang datang ke sini.

Bil	Bulan	Kategori					Jantina		Jumlah
		IPTA	IPTS	Sek / Maktab	Kerajaan / Swasta	Luar Negara	(L)	(P)	
1	Januari	-	-	67	-	-	38	29	67
2	Februari	-	-	27	-	-	18	9	27
3	Mac	-	-	34	-	-	30	4	34
4	April	-	-	26	-	-	11	15	26
5	Mei	-	-	34	-	-	22	12	34
6	Jun	-	-	38	-	-	12	26	38
Jumlah		0	0	226	0	0	131	95	226


Jadual 51 : Statistik pengunjung di perpustakaan JAKOA bagi tahun 2014

Bil	Bulan	Kategori					Jantina		Jumlah
		IPTA	IPTS	Sek / Maktab	Kerajaan / Swasta	Luar Negara	(L)	(P)	
1	Januari	9	3	-	6	-	10	8	18
2	Februari	2	-	-	9	-	1	10	11
3	Mac	4	-	-	-	-	1	3	4
4	April	11	-	-	1	-	3	9	12
5	Mei	6	-	-	-	-	-	6	6
6	Jun	1	-	-	-	-	-	1	1
Jumlah		33	3	0	16	0	15	37	52

Jadual 52 : Statistik penyelidik di perpustakaan JAKOA bagi tahun 2014



Kerja-Kerja
Pendawaian Oleh Kontraktor.



Unit Perpustakaan
Kerja-Kerja Pengalihan Barangan Di Dalam
Perpustakaan Orang Asli

Seksyen Perangkaan

Seksyen ini bertanggungjawab bagi menguruskan banciaan penduduk dan pendapatan Orang Asli setiap 5 tahun serta menyediakan maklumat demografi Orang Asli melalui tangkapan data dari pangkalan data sistem eDamak dan menyediakan rumusan perangkaan Orang Asli mengikut suku kaum dan negeri. Selain itu, unit ini membantu bahagian dan Jabatan dalam penyediaan maklumat untuk agensi seperti EPU, ICU, DOS dan lain-lain agensi yang berkaitan. Aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2014 ialah seperti berikut.

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Jabatan Perangkaan, ICU JPM dan JAKOA

Mesyuarat JKB Bersama Jabatan Perangkaan, ICU JPM dan JAKOA telah diadakan pada 27 Mei 2014 dan 7 Julai 2014, bertempat di Bilik Mawar, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Perangkawan dengan ahli-ahli mesyuaratnya dari JAKOA dan ICU bagi membincangkan skop soalan banciaan, kos dan elaun bancia, spesifikasi pembinaan Sistem Pengurusan Maklumat Orang Asli (SPMOA) yang boleh diintegrasikan dengan sistem eKasih dari ICU JPM.

Bengkel Penyepaduan Data eKasih

Bengkel Penyepaduan Data eKasih anjuran ICU JPM telah diadakan pada 8 Mac 2014 dan 16 Jun 2014 yang bertempat di Bilik Latihan Teknologi Maklumat, ICU JPM, Putrajaya. Bengkel ini melibatkan semua agensi-agensi kerajaan yang mempunyai penerima bantuan. JAKOA telah menghantar 2 wakil untuk menghadiri bengkel ini. Bengkel ini bertujuan menyelaraskan penyepaduan data penerima bantuan antara agensi-agensi dengan sistem eKasih yang dibangunkan oleh ICU, JPM. Selain itu, bengkel ini turut mendapatkan input-input cadangan bagi memperkasakan lagi penggunaan data di dalam sistem eKasih yang menjadi sumber utama data penerima bantuan di peringkat nasional.

Laporan Negeri




Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang

Pengenalan

Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang adalah merupakan agensi yang bertanggungjawab secara langsung dalam agenda pembangunan masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. JAKOA Negeri Pahang memberi perhatian yang khusus kepada pembangunan masyarakat Orang Asli secara holistik, merangkumi pengupayaan ekonomi, pendidikan dan pembinaan infrastruktur asas. Walau bagaimanapun, JAKOA Negeri Pahang tidak

mengabaikan seni warisan dan budaya masyarakat Orang Asli dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. Sehingga 31 Disember 2014, terdapat sebanyak 263 buah kampung diiktiraf yang berada di bawah seliaan 11 Pusat Pentadbiran Daerah dan 1 Pusat Pentadbiran Kecil iaitu Pusat Pentadbiran Kecil Muadzam Shah (Daerah Rompin). Populasi masyarakat Orang Asli yang berada di Negeri Pahang berjumlah 15,117 Ketua Isi Rumah Orang Asli dengan jumlah Ahli Isi Rumah sebanyak 70,711 orang.




Carta 16 : Jumlah kampung mengikut pejabat pentadbiran

Pencapaian Tahun 2014


Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB)

Bagi tahun 2014, JAKOA Negeri Pahang telah dipilih sebagai urusetia bagi pelaksanaan Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB) Negeri Pahang. Sebanyak 86 projek daripada 13 kawasan Parlimen telah berjaya dilaksanakan merangkumi skop Ameniti Sosial dan Jalan Perhubungan Desa melibatkan perbelanjaan berjumlah RM2.1 juta untuk Jalan Perhubungan Desa dan RM700,000.00 bagi Program Ameniti Sosial.

Sebanyak 20 projek di kawasan Orang Asli turut dilaksanakan di bawah Program Majlis Pembangunan Luar Bandar ini dilaksanakan sebagai salah satu "touch point" antara Ahli Parlimen dan masyarakat di kawasan sekitar.



Carta 17 : Senarai pecahan Projek PAMS dan JPD mengikut kawasan Parlimen



Carta 18 : Pecahan Pelaksanaan Projek MPLB mengikut kawasan

Laporan Seksyen Pembangunan Sosioekonomi

Seksyen Pembangunan Sosioekonomi JAKOA Negeri Pahang telah menerima peruntukan besar berjumlah RM11,128,665.00 bagi pelaksanaan program-program pembangunan sosioekonomi pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 53% berbanding peruntukan RM8,325,863.01 yang diterima pada tahun 2013.


Daripada jumlah tersebut, Program Pembangunan Sosial (Infrsosial dan Kemudahan Awam) telah menerima pecahan peruntukan sebanyak RM770,000.00. Program Pembangunan Ekonomi pula telah menerima peruntukan khas berjumlah RM1,873,850.00 bagi melaksanakan Projek Ladang Masyarakat di kawasan Orang Asli. Bagi Program Peningkatan Pendapatan (PPP), JAKOA Negeri Pahang telah menerima peruntukan sejumlah RM282,015.00. Program-program ini dijalankan dengan tujuan meningkatkan taraf ekonomi dan status kehidupan masyarakat Orang Asli terutamanya yang berada di kawasan luar bandar dan pedalaman.

JAKOA Negeri Pahang juga turut menerima peruntukan di bawah Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli - Peruntukan Khas Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk tujuan Program Bantuan Rumah (PBR) dengan jumlah RM5,005,000.00. Di bawah Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli KKLW, JAKOA Negeri Pahang telah menerima peruntukan berjumlah RM2,000,000.00. JAKOA Negeri Pahang telah menerima peruntukan berjumlah RM55,000.00 di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP). Peruntukan ini dikhaskan kepada Ketua Isi Rumah Orang Asli yang memerlukan pembinaan rumah baru atau membaiki pulih rumah yang telah usang.

Bagi menyediakan bekalan air bersih ke kawasan Orang Asli di kawasan pedalaman, JAKOA Negeri Pahang turut menerima waran peruntukan Bekalan Air Terawat untuk membekal dan menyedia bekalan air bersih di kawasan Orang Asli berjumlah RM300,000.00. JAKOA Negeri Pahang turut menerima waran bagi melaksanakan Program Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan yang diadakan di perkampungan Orang Asli dengan tujuan memberi pendedahan dan seterusnya mentransformasikan kehidupan masyarakat Orang Asli.

Bil	Nama Projek/ Komponen Projek	Peruntukan (RM)
1	Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Peruntukan Khas Unit Perancang Ekonomi (EPU)	5,005,000.00
2	Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Peruntukan Khas Unit Perancang Ekonomi (KKLW)	2,000,000.00
3	Pembangunan Sosial (Infrsosial Dan Kemudahan Awam)	770,000.00
4	Program Transformasi Kerajaan (GTP)	55,000.00
5	Pembangunan Ekonomi - Projek Ladang Masyarakat Orang Asli	1,873,850.00
6	Pertanian Ekonomi-Program Peningkatan Pendapatan (PPP)	282,015.00
7	Program Bantuan Bimbingan Usahawan dan Perusahaan	570,000.00
8	Program Pembangunan Manusia dan Minda	143,600.00
9	Program Mesra Minda-Program Karnival Jalinan Mesra Titom	58,000.00
10	Program Pendidikan Minda (PLKK)	26,200.00
11	Projek Pembangunan Manusia dan Minda	45,000.00
12	Bekalan Air Terawat	300,000.00
Jumlah		11,128,665.00

Jadual 53 : Peruntukan yang diterima JAKOA Negeri Pahang




Carta 19 : Peratus pecahan peruntukan JAKOA Negeri Pahang tahun 2014

Laporan Unit Pembangunan Sosioekonomi

Unit Pembangunan Sosioekonomi JAKOA Negeri Pahang bertanggungjawab dalam mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli Negeri Pahang melalui program-program pengupayaan ekonomi dan keusahawanan.

Peruntukan terbesar bagi Unit Pembangunan Sosioekonomi adalah untuk pelaksanaan Projek Ladang Masyarakat Orang Asli, melibatkan kira-kira 150 masyarakat Orang Asli di Daerah Lipis. Perbelanjaan meliputi kursus, pembinaan stor, bayaran insentif, bakul makanan, benih getah dan pelbagai jenis perbelanjaan ladang. Sebanyak RM1,873,850.00 telah dibelanjakan untuk pelaksanaan Projek Ladang Masyarakat ini.

Melalui Program Peningkatan Pendapatan (PPP) sebanyak RM282,015.00 telah diperuntukkan. Melalui program ini, Kursus Asas Pengendalian dan Penyelenggaraan Enjin Bot dan Mesin Sandang telah dijalankan. Sebanyak RM570,000.00 telah diperuntukkan untuk pembangunan usahawan dan perusahaan.



Carta 20 : Peratus pecahan peruntukan Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

Bil	Perkara / Nama Penerima	Lokasi
1	Pembinaan Stor (Buah Pisang)	
	• Razak bin Beretong	Kg Chinta Manis
2	Premis Kedai Jahit	
	• Maszura A/P Bahing	Kg Sentoi, Pos Betau
3	Premis Kedai Motosikal	
	• Dahari bin Ting	Kg Sentoi, Pos Betau
4	Premis Perniagaan 5 Pintu	
	• Siti binti Egom	RPS Kedaik
	• Rubiah A/L Roslan	RPS Kedaik
	• Nazra bin Basir	RPS Kedaik
	• Aminah binti Chu	RPS Kedaik
	• Ah Soi bin Lawhing	RPS Kedaik

Jadual 54 : Senarai penerima Bantuan Pembangunan Usahawan dan Perusahaan

Laporan Unit Pembangunan Infra Sosial


Tahun 2014, JAKOA Negeri Pahang melalui Unit Pembangunan Infra Sosial telah melaksanakan pembangunan kemudahan fizikal bagi Program Bantuan Rumah. Bagi keseluruhan pelaksanaan Program Bantuan Rumah Bina Baru sebanyak RM6,524,745.00 telah dibelanjakan meliputi 162 unit rumah. Manakala bagi Baik Pulih pula, sebanyak RM1,051,894.66 telah dibelanjakan merangkumi 114 unit rumah yang telah dibaik pulih.

Bil	Daerah	Kos (RM)	Unit
1	Bentong	343,470.00	9
2	Bera	186,500.00	5
3	C/Highlands	359,910.00	9
4	Jerantut	199,875.00	5
5	Kuantan	267,960.00	7
6	Lipis	957,410.00	23
7	Maran	589,150.00	15
8	Pekan	789,805.00	20
9	Raub	513,920.00	13
10	Rompin	1,961,540.00	50
11	Temerloh	355,205.00	6
Jumlah		6,524,745.00	162

Jadual 55 : Pelaksanaan Program Bantuan Rumah (Bina Baru)

Bil	Daerah	Kos (RM)	Unit
1	Bentong	49,940.00	5
2	Bera	96,300.00	9
3	C/Highlands	199,374.60	24
4	Jerantut	150,670.00	14
5	Kuantan	68,101.00	8
6	Lipis	240,299.06	24
7	Maran	126,889.00	12
8	Pekan	34,369.00	4
9	Raub	59,340.00	7
10	Rompin	11,782.00	1
11	Temerloh	14,830.00	6
Jumlah		1,051,894.66	114

Jadual 56 : Pelaksanaan Program Bantuan Rumah (Baik Pulih)



Carta 21 : Perbandingan Unit Bina Baru dan Baik Pulih bagi tahun 2012, 2013 dan 2014

Bagi pembangunan infrasosial, sebanyak 27 projek pembangunan infrastruktur telah dijalankan di seluruh Negeri Pahang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM1,436,079.00.

Bil	Senarai Projek	Daerah	Perbelanjaan (RM)
1	Baik Pulih Balai Rawatan	Rompin	18,000.00
2	Pembaikan Balai Raya Lama	Bera	19,000.00
3	Baik Pulih Balai Rawatan	Pekan	18,000.00
4	Baik Pulih Balai Raya	Maran	18,500.00
5	Menambak Tebing Runtuh Di Km 1.4 Simpang Kenau	Kuantan	26,050.00
6	Pemasangan Gabion (Hakisan Tanah)	Lipis	119,300.00
7	Bina Baru Jambatan	K. Lipis	163,400.00
8	Membina Balairaya Perkampungan	Temerloh	99,957.00
9	Membina Pagar Tinggi-Padang Bola Sepak	Temerloh	52,000.00
10	Baik Pulih Bangunan Tabika	Bera	19,900.00
11	Baik Pulih Jambatan	Lipis	19,450.00
12	Permohonan Jeti Batu (Kawasan Pelancongan)	Bera	45,000.00
13	Membina Rumah Adat Masyarakat	Temerloh	56,950.00
14	Baik Pulih & Naik Taraf Surau	Maran	85,390.00
15	Gotong-Royong Bina Gelanggang Takraw	Jerantut	6,500.00
16	Pembinaan Gabion	C/Highlands	54,640.00
17	Kerja-kerja Menurap Jalan	C/Highlands	19,500.00
18	Membaiki Cerun Serta Kerja-kerja Berkaitan	Kuantan	26,450.00
19	Baik Pulih Balai Komuniti	C/Highlands	19,898.00
20	Pendawaian Elektrik	Rompin	2,710.00
21	Memasang Salur Utama Dari Jalan Ke Rumah	Rompin	3,600.00
22	Membina Dataran Kejut	Pekan	19,990.00
23	Ganti Rugi Rumah Rakit (Bencana Alam)	Rompin	11,782.00
24	Membina Baru Jalan Premix	Pekan	46,341.00
25	Membina Baru Jalan Premix	Rompin	206,856.00
26	Membina Baru Jalan Premix	Jerantut	120,515.00
27	Membina Baru Jalan Premix	Temerloh	136,400.00
Jumlah			1,436,079.00


Jadual 57 : Projek Infrastruktur Asas JAKOA Negeri Pahang

Laporan Unit Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan

Unit Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan JAKOA Negeri Pahang menerima peruntukan di bawah Program Kualiti Hidup berjumlah RM4,840,953.00 dengan pecahan sebanyak RM2,982,964.00 untuk Pengangkutan Pelajar, RM1,469,664.00 untuk perbelanjaan Wang Saku dan RM388,325.00 untuk Bakul Makanan.


Bil	Projek	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Wang Saku	1,469,664.00	100.00
2	Pengangkutan	2,982,964.00	100.00
3	Bakul Makanan	388,325.00	100.00
Jumlah		4,840,953.00	100.00

Jadual 58 : Perbelanjaan Program Kualiti Hidup bagi tahun 2014




Carta 22 : Pecahan Peruntukan Unit Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan

Selain daripada peruntukan di bawah Program Kualiti Hidup, Unit PMK juga menerima peruntukan bagi pembayaran Elaun Batin dan JKKK Orang Asli bagi seluruh Negeri Pahang.



Carta 23 : Perbelanjaan dan Peruntukan Batin dan JKKK Negeri Pahang



Carta 24 : Pecahan Bilangan Batin mengikut daerah

Unit Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan JAKOA Negeri Pahang juga bertanggungjawab dalam bidang pendidikan masyarakat Orang Asli Negeri Pahang.

Bil	Daerah	Sekolah Rendah		Sekolah Menengah	
		Bil Sekolah	Jumlah	Bil Sekolah	Jumlah
1	Kuantan	36	446	25	201
2	Pekan	27	1,941	11	517
3	Maran	11	278	7	123
4	Rompin	26	2,125	17	737
5	Temerloh	20	1,024	14	585
6	Bera	16	761	9	350
7	Jerantut	12	369	7	92
8	Lipis	15	2,301	8	832
9	Raub	18	582	6	180
10	Bentong	13	352	11	283
11	Cameron Highlands	16	1,163	3	659
Jumlah		210	11,1342	118	4,559

Jadual 59 : Enrolmen Pelajar Orang Asli bagi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah

Bil	Nama Pelajar	Nama Sekolah	Daerah	Keputusan
1	Puteri Seroja A/P Sudin	SK Kuala Wau	Maran	5A
2	Rose Anira A/P Rosli	SK Kuala Wau	Maran	5A
3	Nurhidaratasha A/P Rahimi	SK Tanjung Batu	Pekan	5A
4	Fildzril A/L Jefry	SK Merchong Jaya	Pekan	5A
5	Nor Ema A/P Jasmi	SK Tasik Chini	Pekan	5A
6	Salizan A/L Sadan	SK Runchang	Pekan	5A
7	Dhazuwanie Ezlynn A/P Deros	SK Inderapura	Jerantut	5A

Jadual 60 : Pelajar Cemerlang Orang Asli bagi UPSR pada tahun 2014

Bil	Nama Pelajar	Nama Sekolah	Daerah	Keputusan
1	Nurul Aina Binti Mohd Ruzami	MRSM Muadzam Shah	Muadzam	9A 1B
2	Wong Siew May A/P Wong Ah Ha	SMK Rompin Permai	Rompin	8A 1B
3	Nurul Nadzirah Binti Zakaria	SMS Tengku Abdullah	Raub	6A 2B 2C
4	Zaiswanita A/P Mohd Dikui	Sekolah Sains Shah Pekan	Pekan	6A 2B 1C
5	Mila Yulianty A/P Yusof	SMK Rompin Permai	Rompin	6A 2B 1C

Jadual 61 : Pelajar Cemerlang Orang Asli bagi PT3 pada tahun 2014

Bil	Nama Pelajar	Daerah	Keputusan
1	Kuah Yuk Hong	Muadzam	9A
2	Mila A/P Debot	Pekan	7A
3	Mazliha A/P Man	Pekan	7A
4	Norsyafiza A/P Atan	Pekan	7A
5	Tina A/P Kahar	Muadzam	7A
6	Amir A/L Abus	Lipis	7A
7	Nurfatin Najwa	Kuantan	7A

Jadual 62 : Pelajar Cemerlang Orang Asli bagi SPM pada tahun 2014

Bil	Nama Pelajar	Sekolah	Daerah	Keputusan
1	Shilly Leong Sik Lee	SMK Jerantut	Jerantut	4.00
2	Juliana Zaszira Binti Ismail	SMK Tengku Abdullah	Pekan	3.84
3	Sahanum A/P Baharim	SMK Padang Saujana	Jerantut	3.33
4	Aemiey Noor Natasha Binti Atan	SMK Tengku Ampuan Afzan	Maran	3.25
5	Suhaimi Lim	SMK Rompin	Rompin	3.08

Jadual 63 : Senarai Pelajar Orang Asli yang mendapat keputusan 3.00 ke atas

Peperiksaan	Keputusan / Purata Gred	Bilangan Pelajar	
		2013	2014
SPM	9A	1	1
	8A	1	0
	7A	7	6
	6A	7	7
	Jumlah	16	14
STPM	4.00	0	1
	3.75 Ke Atas	1	1
	3.00 Ke Atas	6	3
	2.80 Ke Atas	3	3
	Jumlah	10	8

Jadual 64 : Perbandingan Analisa SPM dan STPM

Aktiviti JAKOA Negeri Pahang Sepanjang Tahun 2014

Roadshow Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) JAKOA Negeri Pahang

Untuk meningkatkan golongan tenaga mahir di kalangan belia Orang Asli, JAKOA Negeri Pahang telah mengadakan satu *Roadshow* Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) bagi Belia Orang Asli Negeri Pahang di Dewan Sri Mentakab pada 22 April 2014. Lebih kurang 800 Belia Orang Asli dari seluruh Negeri Pahang telah hadir dan mendaftar untuk mendapatkan kursus kemahiran dari penyedia latihan yang turut serta pada program tersebut.



Salah seorang penyedia latihan menunjukkan kemahiran mengukir buah-buahan



Belia Orang Asli yang hadir pada *Roadshow* tersebut

Sejenak Bersama Orang Kita dan Titian Emas Siri 2

Memperkenalkan kehidupan masyarakat Orang Asli di pedalaman. Itulah asas kepada lahirnya idea untuk menganjurkan program Sejenak Bersama Orang Kita dan Titian Emas Siri 2. Pada edisi kali ini, JAKOA Negeri Pahang bekerjasama dengan IPTA untuk membawa mereka mengalami kehidupan seharian masyarakat Orang Asli.



Aktiviti sukaneka bersama penduduk kampung



Pelajar Luar Negara tidak melepaskan peluang untuk menyempit

Majlis Penyampaian *Interim* TSK Kampung Sungai Soi dan Majlis Berbuka Puasa

TSK Kampung Sungai Soi mula membuahkan hasil pada tahun 2014. Untuk meraikan usaha yang telah dicurahkan kepada kejayaan projek tersebut, satu Majlis Penyampaian *Interim* dan Majlis Berbuka Puasa telah diadakan. Setiap peserta menerima *interim* sebanyak RM600.00 seorang.



Antara VIP yang hadir ke majlis tersebut



Simbolik Penyerahan *Interim* Dividen Projek TSK Negeri Pahang

Program Berbuka Puasa bersama YAB Menteri Besar Pahang

JAKOA Negeri Pahang menerima undangan YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Seri Haji Adnan bin Haji Yaakob untuk berbuka puasa bersama pemimpin masyarakat Orang Asli. Pada majlis yang sama, YAB Menteri Besar turut mengadakan sesi perbincangan bersama pemimpin masyarakat Orang Asli untuk mengetahui permasalahan di kalangan masyarakat Orang Asli Negeri Pahang.



Pemimpin Orang Asli Negeri Pahang yang hadir



Sumbangan kain pasang oleh YAB Menteri Besar kepada yang hadir

Program Perjumpaan Pelajar IPTA dan IPG 2014

Sejurus dengan kejayaan Program Bersama Orang Kita, JAKOA Negeri Pahang telah bekerjasama dengan UiTM Kampus Jengka dan IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan untuk mengadakan satu perjumpaan dengan pelajar Orang Asli UiTM dan IPGM di Pos Lenjang. Program *outreach* yang berlangsung dari 15 hingga 17 Ogos ini bertujuan untuk mengingatkan pelajar bahawa mereka perlu mencurahkan bakti kepada kemajuan masyarakat Orang Asli yang masih mundur.



Antara tetamu jemputan yang hadir

Gotong Royong membersihkan kawasan Pos Lenjang



Sukaneka bersama penduduk kampung

Program Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Jamuan Hari Raya

Satu Majlis Pelancaran Sambutan Kemerdekaan dan Jamuan Hari Raya JAKOA Negeri Pahang telah diadakan di Kampung Sungai Mok, Rompin sebagai satu usaha Jabatan untuk menerapkan semangat patriotik di kalangan masyarakat Orang Asli. Program ini telah dirasmikan oleh ADUN Tioman, YB Dato' Haji Mohd Johari bin Hussain.



Penyerahan Bendera kepada semua PKOAD

Pemberian Duit Raya kepada kanak-kanak Kampung Sungai Mok

Program Memodenisasikan Masyarakat Orang Asli 2014 (Mekar 2014)

MEKAR 2014 adalah merupakan titik kerjasama antara JAKOA Negeri Pahang dan Politeknik Muadzam Shah, Rompin. Satu Perjanjian Persefahaman (MoU) telah ditandatangani pada 28 September 2014 membenarkan penggunaan fasiliti Politeknik Muadzam Shah untuk program-program pembangunan masyarakat Orang Asli Negeri Pahang.



Pelajar Politeknik
Muadzam Shah menyumpit



Pengunjung mencuba
permainan kercang



Lawatan YB Dato' Johari bin Hussain
ke Booth JAKOA

Majlis Perasmian Rumah Peserta Agropolitan Pekan, Runchang

Projek Agropolitan ECER RPS Runchang adalah antara projek yang berjaya. Setiap peserta projek Agropolitan menerima rumah dan pekerjaan bersama pihak ECER. Justeru itu, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah menyerahkan rumah serta sijil kepada peserta Agropolitan RPS Runchang.



Pelajar cemerlang UPSR RPS Runchang



Peserta Agropolitan yang menerima sijil

Hari Keluarga Kelab Sukan dan Kebajikan JAKOA Negeri Pahang

Sebagai menghargai sumbangan kakitangan JAKOA Negeri Pahang sepanjang tahun 2014, Hari Keluarga Kelab Sukan dan Kebajikan JAKOA Negeri Pahang telah diadakan pada 7 Disember 2014. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan pada hari tersebut.



Pertandingan Tarik Kertas Celah Cawan



Pertandingan menyumpit



Pertukaran Hadiah
antara kakitangan JAKOA

Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Perak dan Kedah

Pengenalan

Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Perak dan Kedah mempunyai 5 pentadbiran daerah iaitu Daerah Batang Padang, Daerah Kinta, Daerah Perak Tengah dan Hilir Perak, Daerah Kuala Kangsar dan Daerah Hulu Perak dan Baling. JAKOA Negeri Perak dan Kedah sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan tersusun sepanjang tahun 2014 melalui pelbagai aktiviti dan program yang telah dirancang yang melibatkan Program Infra Sosial,

Minda dan Pendidikan, Pembangunan Ekonomi dan Rohaniah. Semua usaha ini adalah untuk merealisasikan impian seramai 59,980 orang masyarakat Orang Asli yang terdapat di negeri ini dan juga di Baling, Kedah.

Jumlah penduduk Orang Asli di Negeri Perak dan Kedah sehingga Disember 2014 adalah seramai 59,980 orang. Ini menunjukkan pertambahan bilangan penduduk dalam kalangan masyarakat Orang Asli berbanding tahun 2013 yang hanya berjumlah 57,855 orang. Jumlah batin adalah seramai 176 Orang. Ini menjadikan Negeri Perak adalah negeri kedua yang mempunyai bilangan masyarakat Orang Asli yang ramai selepas Negeri Pahang.

Pencapaian Tahun 2014

Pada tahun 2014, JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah menerima peruntukan kewangan sebanyak RM29,819,059.41. Sepanjang tempoh berkenaan pihak JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah membelanjakan 99.39% bagi Peruntukan Mengurus dan 77.56% bagi Peruntukan Pembangunan. Dari jumlah tersebut sebanyak RM11,891,338.16 diperuntukkan bagi perbelanjaan Mengurus dan sebanyak RM17,927,721.25 diperuntukkan untuk perbelanjaan Pembangunan. Berbeza dengan tahun 2013, JAKOA Negeri Perak dan Kedah menerima RM14,997,857.37.

Bil	Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan	
			(RM)	Peratus (%)
1	Kualiti Hidup	4,289,288.16	5,055,535.70	117.86
2	Elaun Tok Batin / Penghulu	1,756,800.00	1,671,800.00	95.16
3	Bantuan Orang Asli	321,250.00	248,900.00	77.48
Jumlah		6,367,338.16	6,976,235.70	109.56

Jadual 65 : Pecahan peruntukan Perbelanjaan Mengurus JAKOA Negeri Perak dan Kedah

Bil	Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan	
			(RM)	Peratus (%)
1	Pembangunan	3,189,822.00	2,752,689.40	86.30
2	Infrastuktur	14,737,899.25	5,359,008.25	75.67
Jumlah		17,927,721.25	8,111,697.65	77.56

Jadual 66 : Pecahan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan JAKOA Negeri Perak dan Kedah

Program Infrsosial JAKOA Negeri Perak dan Kedah

Program Bantuan Rumah (PBR)

JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah melaksanakan Projek Bantuan Rumah (PBR) Bina Baru bagi tahun 2014 melibatkan 14 buah kampung di daerah Batang Padang merangkumi sebanyak 28 unit dengan kos RM1,076,400.00. Manakala sebanyak 7 unit di daerah Kampar dengan kos RM272,740.00 di dua buah kampung. Sasaran Jabatan melibatkan seramai 35 Ketua Isi Rumah (KIR) bagi memastikan keselesaan tempat tinggal untuk golongan sasar yang berpendapatan di bawah paras miskin tegar dan miskin. Tahun 2013, JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah membina sebanyak 16 buah unit rumah di semua daerah dengan kos RM650,000.00.

Bil	Daerah	Perkara	Rumah (Unit)	Kos (RM)
1	Batang Padang	Projek PBR Bina Baru	28	1,076,400.00
2	Kampar	Projek PBR Bina Baru	7	272,740.00
Jumlah			35	1,349,140.00

Jadual 67 : Projek Bantuan Rumah (PBR/ SPKR) Bina Baru

Pada tahun 2014, JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah melaksanakan Projek Bantuan Rumah (PBR) Baik Pulih bagi tahun 2014 melibatkan 112 buah kampung di daerah Kampar, Kinta, Batang Padang, Baling, Hulu Perak, Perak Tengah dan Hilir Perak sebanyak dengan kos RM1,150,860.00. Sasaran Jabatan melibatkan seramai 112 Ketua Isi Rumah (KIR) bagi memastikan keselesaan tempat tinggal untuk golongan sasar yang berpendapatan di bawah paras miskin tegar dan miskin. Berbanding pada tahun 2013, bagi program ini JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah membaik pulih sebanyak 71 buah rumah yang melibatkan 5 daerah dengan kos RM705,000.00.

Bil	Daerah	Perkara	Rumah (Unit)	Kos (RM)
1	Kampar	Projek PBR Baik Pulih	10	100,400.00
2	Kinta	Projek PBR Baik Pulih	22	235,991.00
3	Batang Padang	Projek PBR Baik Pulih	32	323,700.00
4	Baling	Projek PBR Baik Pulih	4	40,890.00
5	Hulu Perak	Projek PBR Baik Pulih	17	195,930.00
6	Perak Tengah	Projek PBR Baik Pulih	12	109,256.00
7	Hilir Perak	Projek PBR Baik Pulih	15	144,693.00
Jumlah			112	1,150,860.00

Jadual 68 : Projek Bantuan Rumah (PBR/ SPKR) Baik Pulih

JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah melaksanakan Projek Bantuan Rumah PBR (EPU) Bina Baru bagi tahun 2014 melibatkan 37 buah kampung di daerah Kampar dan Kinta dengan masing-masing sebanyak 10 unit dan 29 unit. Manakala kos kedua-dua daerah berkenaan adalah sebanyak RM400,000.00 dan RM1,151,000.00. Bagi daerah Perak Tengah dan Hilir Perak melibatkan 11 unit dan 4 unit dengan kos masing-masing sebanyak RM440,000.00 dan RM160,000.00. Sementara daerah Hulu Perak menerima sebanyak 62 unit PBR bina baru dengan kos sebanyak RM2,758,000.00. Bagi daerah Kuala Kangsar pula melibatkan sebanyak 23 unit dengan kos sebanyak RM998,000.00. Sasaran Jabatan melibatkan seramai 139 Ketua Isi Rumah (KIR) bagi memastikan keselesaan tempat tinggal untuk golongan sasar yang berpendapatan di bawah paras miskin tegar dan miskin.

Bil	Daerah	Perkara	Rumah (Unit)	Kos (RM)
1	Kampar	Projek PBR Bina Baru	10	400,000.00
2	Kinta	Projek PBR Bina Baru	29	1,151,000.00
3	Perak Tengah	Projek PBR Bina Baru	11	440,000.00
4	Hilir Perak	Projek PBR Bina Baru	4	160,000.00
5	Hulu Perak	Projek PBR Bina Baru	62	2,758,000.00
6	Kuala Kangsar	Projek PBR Bina Baru	23	998,000.00
Jumlah			139	5,907,000.00

Jadual 69 : Projek Bantuan Rumah (EPU) Bina Baru

JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah melaksanakan Projek Bantuan Rumah (PBR) Baik Pulih bagi tahun 2014 melibatkan 17 buah kampung di daerah Kampar, Kinta, Batang Padang, Kuala Kangsar dan Hulu Perak sebanyak 17 unit dengan kos RM121,000.00. Sasaran Jabatan melibatkan seramai 17 Ketua Isi Rumah (KIR) bagi memastikan keselesaan tempat tinggal untuk golongan sasar yang berpendapatan di bawah paras miskin tegar dan miskin.

Bil	Daerah	Perkara	Rumah (Unit)	Kos (RM)
1	Kinta	Projek PBR Baik Pulih	4	39,580.00
2	Batang Padang	Projek PBR Baik Pulih	3	30,350.00
3	Kuala Kangsar	Projek PBR Baik Pulih	4	42,880.00
4	Hulu Perak	Projek PBR Baik Pulih	6	8,190.00
Jumlah			17	121,000.00

Jadual 70 : Projek Bantuan Rumah (GTP) Baik Pulih

Isu tanah sering menjadi perbualan hangat dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Justeru itu JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah menjalinkan kerjasama erat dengan Pihak Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu-isu tertunggak yang masih membelenggu masyarakat Orang Asli. Jadual dibawah menunjukkan status tanah-tanah bagi kawasan dan rezab Orang Asli.

Bil	Daerah	Tanah Telah Warta (Hektar)				Telah Lulus Mmk Tetapi Belum Diwartakan (Hektar)	Tanah Dalam Permohonan (Hektar)	Tanah Yang Permohonan Rasmi (Hektar)	Jumlah Keseluruhan (Hektar)
		Akta Orang Asli 1954		Kanun Tanah Negara 62 (Hektar)					
		Rezab Orang Asli (Seksyen 7)	Kawasan Orang Asli (Seksyen 6)	Persekutuan	Negeri				
1	Kinta	287.850	30.30	-	-	1,073.4100	1,185.792	513.945	3,091.2970
2	Kampar	1,164.350	191.80	-	-	197.0877	2,283.561	38.849	3,875.6477
3	Hulu Perak	2,116.820	279.09	-	-	404.6800	4,965.716	745.427	8,511.7330
4	Perak Tengah	146.250	-	200.864	2.460	705.6500	823.453	-	1,878.6770
5	Hilir Perak	65.820	675	-	-	211.1107	89.010	-	1,040.9047
6	Kuala Kangsar	877.560	1,411.80	955.578	-	1,430.1260	1,725.430	322.937	6,723.4310
7	Batang Padang	543.430	524.37	2,341.371	-	1,704.6378	5,442.290	1,937.742	12,493.8048

Jadual 71 : Status Tanah di JAKOA Negeri Perak dan Kedah

Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan

JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah meneruskan lagi beberapa siri program ini. Tujuan utama program ini adalah untuk mewujudkan hubungan dan komunikasi dua hala yang baik antara masyarakat Orang Asli dengan pihak Jabatan. Selain itu, melalui medium ini Jabatan dapat mendekati dan menyalurkan maklumat kepada golongan sasar disamping memupuk jati diri dan memartabatkan sahsiah serta daya kepimpinan terutama kepada golongan pemimpin, wanita, belia dan beliawanis. Sebanyak RM409,764.80 telah dibelanjakan untuk tujuan ini.

Bil	Daerah	Kampung	Tarikh	Kos (RM)
1	Hulu Perak	Kg Ulu Gerik	24-25 Januari 2014	36,958.50
2	Batang Padang	Kg Chang	14-15 Februari 2014	53,282.00
3	Perak Tengah	Kg Sg Perah	5 -6 Mac 2014	47,715.00
4	Hulu Perak	Kg Bukit Asu	11-12 Mac 2014	26,968.20
5	Batang Padang	Kg Menderang	17-18 Mac 2014	46,621.00
6	Kuala Kangsar	Kg Pisang	20-21 Mac 2014	26,378.00
7	Kinta	Kg Sg Choh	24-25 Mac 2014	38,274.40
8	Batang Padang	Kg Sg Lembing	16-17 April 2014	39,781.80
9	Kuala Kangsar	Kg Lalang	21-22 April 2014	45,487.00
10	Kinta	Kg Pawong	21-22 Mei 2014	48,299.40
Jumlah				409,765.30

Jadual 72 : Program Semarak Kasih yang telah dijalankan oleh JAKOA Negeri Perak dan Kedah sepanjang tahun 2014

Program Pendidikan

Bagi JAKOA Negeri Perak dan Kedah beberapa siri program motivasi telah dijalankan. Antaranya ialah program motivasi bagi pelajar-pelajar SPM, PT3, Ibu bapa dan Pemimpin Masyarakat seperti Batin dan JKKK. Hasil daripada program-program yang telah dijalankan, pencapaian dapat dilihat. Jadual di bawah menunjukkan maklumat mengenai pencapaian pelajar-pelajar.

Bil	Nama Pelajar	Nama Sekolah	Daerah	Keputusan
1	Karmilawati Binti Karim	SK Pasukan Polis Hutan	Kinta	5A
2	Flourrianee A/P Taisin	SK Slim Village	Batang Padang	4A 1B
3	Shyamrul Bin Yaakub	SK Bidor	Batang Padang	4A 1B
4	Mayzurini A/P Bah Nordin	SK Methodist Tg Rambutan	Kinta	4A 1B
5	Rozem A/L Rosman	SK Kuala Slim	Batang Padang	4A 1B

Jadual 73 : Senarai Nama Pelajar Orang Asli Cemerlang UPSR tahun 2014

Bil	Nama Pelajar	Nama Sekolah	Daerah	Keputusan
1	Alzandra A/L Ngah	SMK Air Kuning	Batang Padang	5A 2B 1C 1D
2	Ade Nooreliana A/P Awang	SMK Sri Tapah	Batang Padang	7A 2B
3	Erynn Farina A/P Alang	SMK Seri Iskandar	Perak Tengah	5A 1C 3D
4	Famalina A/P Norzaini	SMK Seri Iskandar	Perak Tengah	5A 2C 2D
5	Susherie Suki	SMK Ave Maria Convent	Kinta	8A 1B 1C
6	Noor Zulaikha Binti Zabidan	SMK Iskandar Shah	Perak Tengah	5A 2B 2C 1D
7	Hartye Marlina Binti Zulkifli	SMK Tapah	Batang Padang	6A 3B

Jadual 74 : Senarai Nama Pelajar Orang Asli Cemerlang PT3 tahun 2014

Bil	Nama Calon	Nama Sekolah	Keputusan
1	Azfieza A/P Laili	MRSM Pasir Salak	4 (A+) 1 (A) 4 (A-)
2	Shamien A/P Seliman	SMK Seri Iskandar, Bota	2 (A+) 2 (A) 3 (A-) 2 (B)
3	Wak Mayna A/P Akop	SMK Sentosa, Kampar	2 (A+) 2 (A) 2 (A-) 2 (C) 2 (E)

Jadual 75 : Senarai Nama Pelajar Orang Asli Cemerlang SPM 6A tahun 2014

Bil	Nama	Sekolah	PNGK
1	Farah Syahera A/P Chin	SMK Khir Johari	3.50
2	Najurai A/P Agus	SMK Sultan Yussuf	3.50
3	Sarahluch A/P Amat	SMK Khir Johari	3.25
4	Shaniera A/P Seliman	SMK Dato' Abdul Rahman Yaakub	3.17
5	Maria Bt Bah Sanding	SMK Tapah	3.00

Jadual 76 : Senarai Nama Pelajar Orang Asli Cemerlang STPM tahun 2014

Program Kelas Dewasa Orang Asli (KEDAP)


Program KEDAP JAKOA adalah bertujuan meningkatkan tahap literasi dewasa di perkampungan Orang Asli melalui kemahiran 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Pelaksanaan KEDAP di Negeri Perak melibatkan 45 buah kelas dan peserta seramai 1,350 orang.

Bil	Daerah	Kelas	Bilangan Pelajar	
			Lelaki	Perempuan
1	Baling	1	2	22
2	Hulu Perak	8	109	124
3	Kuala Kangsar	10	69	231
4	Kinta	10	41	239
5	Perak Tengah/ Hilir Perak	6	22	158
6	Batang Padang	10	83	216
Jumlah			326	990
Jumlah Keseluruhan			1,316	


Jadual 77 : Bilangan pelajar KEDAP JAKOA Negeri Perak tahun 2014

Unit Kebajikan Pesakit


Salah satu unit yang terdapat di bawah Program Modal Insan ialah Unit Kebajikan Pesakit. Unit ini ditugaskan untuk menguruskan hal-hal kebajikan pesakit seperti penghantaran pulang pesakit dari hospital, urusan kematian, dan pembelian alat bantuan sokongan. Pada tahun 2014, unit ini telah menguruskan 30 kematian yang melibatkan Orang Asli di Negeri Perak dan Kedah yang telah menelan kos sebanyak RM15,000.00.



Carta 25 : Statistik kos pengurusan jenazah Orang Asli



Carta 26 : Statistik kematian dalam kalangan masyarakat Orang Asli



Carta 27 : Statistik penghantaran pulang pesakit masyarakat Orang Asli

Aktiviti JAKOA Negeri Perak dan Kedah Sepanjang Tahun 2014

Program Jalinan Kasih Ulu Gerik

Program Jalinan Kasih Ulu Gerik diadakan bagi mendekati kumpulan sasaran. Matlamat program ini adalah untuk mendekati dan menyalurkan maklumat kepada golongan ini disamping memupuk semangat jati diri. Program di Ulu Gerik ini telah dihadiri oleh YB Dato' Seri Hj Mohd Shafie bin Haji Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. YB Menteri telah menyempurnakan penyampaian kenderaan kepada Desa Lestari Kampung Semelor dan kepada Koperasi Penanam Koko Kampung Yum. Penyampaian berupa kenderaan 4x4 Hilux dan sebuah lori 1 tan.



YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal menyampaikan ucapan beliau



YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal menyampaikan kenderaan kepada Batin Kampung Yum

Projek Air Bersih Kampung Chang

Program ini telah diadakan di Kampung Chang, Bidor. YBhg Dato' Hj Mohd Sani bin Mistam, Ketua Pengarah JAKOA telah merasmikan projek bekalan air bersih tersebut. Ini merupakan salah satu usaha pihak kerajaan bagi membekalkan masyarakat Orang Asli dengan bekalan air bersih. Bekalan air merupakan salah satu keperluan asas yang sering mendapat perhatian utama daripada pihak kerajaan.



YBhg Dato' Hj Mohd Sani bersama Pengarah JAKOA Negeri Perak dan Kedah menunjukkan isyarat bagus semasa merasmikan bekalan air bersih di kampung tersebut



YBhg Dato' Hj Mohd Sani bersama Pengarah JAKOA Negeri Perak dan Kedah menyampaikan cenderahati kepada pelajar cemerlang

Lawatan Unit Pembangunan Ekonomi ke Kampung Yum

Pada 7 Mac 2014, Unit Pembangunan Ekonomi (EPU) telah mengadakan lawatan ke sekitar perkampungan Orang Asli di RPS Legap, Daerah Kuala Kangsar. Lawatan ini bertujuan untuk melihat secara lebih dekat prestasi projek-projek di bawah EPU yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sebagai salah satu strategi di bawah National Blue Ocean Strategy (NBOS). Projek Mini RTC di Kampung Bawong, Sungai Siput (U) adalah merupakan projek EPU yang telah dilaksanakan oleh KKLW. Peserta lawatan dibawa meninjau projek rumah, jalan raya dan juga projek tanaman pisang dan koko di Pos Yum. Selain daripada itu, mereka juga telah dibawa melawat prestasi projek pembinaan masjid dan sekolah di kawasan Kampung Orang Asli Bawong. Projek yang menelan belanja RM107 juta tersebut akan memberi manfaat kepada lebih 5,000 penduduk Orang Asli di Kampung Bawong dan juga kawasan sekitar apabila dijangka siap menjelang tahun 2016.



YBhg Dato' Nik Azaman diberi taklimat mengenai masjid Kampung Bawong semasa melawat ke projek berkenaan

Pihak JKR memberi taklimat mengenai projek Jalan dari RPS Legap ke Kampung Yum

Karnival Sukan Perpaduan Kali Ke-10

JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah menjadi tuan rumah bagi Karnival Sukan Perpaduan Kali Ke-10 yang telah diadakan dari 30 Mei hingga 1 Jun 2014. Sebanyak 9 acara telah dipertandingkan seperti bola sepak, futsal lelaki dan wanita, Menyumpit, Bola Jaring, Bola Tampar dan Badminton. Karnival ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Negeri Pahang telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan dan diikuti tuan rumah Negeri Perak dan Kedah.



YBhg Dato' Haji Mohd Sani Mistam mengiringi YB Timbalan Menteri KKLW semasa acara perasmian pembukaan sukan tersebut

Pasukan Futsal Lelaki dan Wanita bergambar kenangan bersama Tuan Haji Abdul Wahid dan Pn Tijah setelah menjadi Johan acara masing-masing

Walkabout YAB Menteri Besar Perak ke Kg Orang Asli Bawong

Pada 21 Jun 2014, YAB Dato' Seri Diraja Dr Haji Zambry bin Abd Kadir, Menteri Besar Perak telah mengadakan lawatan kerja ke kawasan projek Mini RTC Kampung Bawong. Sejurus tiba beliau telah diberi taklimat oleh YDH Toh Paduka Setia Dato' Ir Dr Safry Kamal bin Haji Ahmad mengenai prestasi projek berkenaan. Selesai taklimat beliau turut menyaksikan penyerahan Masjid Kampung Bawong daripada Dato' Ir Dr Safry Kamal kepada YBhg Dato' Haji Mohd Sani Mistam, Ketua Pengarah JAKOA Malaysia. Pembinaan masjid tersebut bukan sahaja menepati masa malah telah berjaya disiapkan 7 bulan lebih awal dari jangka masa yang telah ditetapkan oleh pihak kontraktor yang telah dilantik oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). YAB Menteri Besar juga berkesempatan meninjau masjid berkenaan dan menunaikan Solat Zohor berjemaah dengan tetamu yang hadir pada majlis tersebut. Masjid Kampung Orang Asli Bawong merupakan salah satu komponen yang terdapat dalam sembilan komponen yang telah ditetapkan oleh pihak EPU dan projek berkenaan merupakan Fasa 1 daripada komponen tersebut.



YAB Dato' Seri Diraja Dato' Dr Zambry meninjau keadaan Masjid Kampung Bawong

YAB Dato' Seri Diraja Dato' Dr Zambry menyaksikan penyerahan Masjid kampung Bawong dari JKR kepada JAKOA

Majlis Berbuka Puasa dan Perasmian Surau serta SRAR Nurul Hikmah Kampung Sungai Tonggang, Kinta

Bertempat di Kampung Sungai Tonggang telah diadakan Majlis berbuka Puasa dan Perasmian Surau serta SRAR Nurul Hikmah pada 18 Julai 2014. Majlis tersebut telah disempurmakan oleh YBhg Dato' Haji Mohd Sani Mistam, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia. Pada majlis berkenaan, beliau turut menyumbangkan pakaian seragam sekolah kepada murid-murid yang belajar di SRAR Nurul Hikmah, pakaian untuk pasukan RELA serta pakaian untuk pasukan nasyid kampung berkenaan. Para tetamu juga telah berkesempatan untuk berbuka puasa, menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Terawih secara berjemaah bersama-sama dengan YBhg Dato' Ketua Pengarah.



Pengarah JAKOA Perak menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak

YBhg Dato' Haji Mohd Sani menandatangani plak sebagai merasmikan Surau dan SRAR Nurul Hikmah

Lawatan Kerja YBhg Dato' Ketua Pengarah yang baharu

Pada 18 September 2014, YBhg Dato' Hasnan Hassan, Ketua Pengarah JAKOA yang baharu telah mengadakan satu lawatan kerja ke JAKOA Negeri Perak dan Kedah. Lawatan ini dibuat bertujuan agar beliau dapat bersua muka dan berkenalan dengan seluruh warga kerja dan kakitangan di JAKOA Negeri Perak dan Kedah. Beliau telah meluangkan masa selama 3 jam di pejabat dan selepas itu beliau telah dibawa ke kampung Orang Asli Sungai Tonggang di RPS Ulu Kinta. YBhg Dato' Hasnan juga berkesempatan menyampaikan watakah perlantikan kepada penghulu Kampung Sungai Tonggang.



Tuan Haji Abdul Wahid Akmal semasa memperkenalkan diri beliau kepada YBhg Dato' Hasnan Hassan

YBhg Dato' Hasnan Hassan menyampaikan elaun batin kepada salah seorang batin

Kursus Pemantapan Transformasi Organisasi Batin dan JKKK Orang Asli Negeri Perak

Kursus pemantapan organisasi Batin dan JKKK Orang Asli telah diadakan di Hotel Heritage, Ipoh pada 13 hingga 15 September 2014. Kursus ini bertujuan memberi peluang kepada Tok Batin Dan JKKK mengetahui peranan dan tanggungjawab mereka terhadap organisasi dan masyarakat yang mereka pimpin. Selain daripada itu, kursus ini memberi pendedahan kepada mereka pentingnya peranan JKKK dalam masyarakat. Majlis perasmian kursus ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Saarani bin Haji Mohamed, Pengerusi Jawantankuasa Penerangan, Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak Darul Ridzuan. Beliau juga telah berkesempatan untuk menyampaikan sijil-sijil penyertaan dan juga hadiah kepada Batin contoh.



YB Dato' Haji Saarani menyampaikan ucapan beliau

YB Dato' Saarani menyampaikan cenderahati kepada Batin contoh

Kursus Ibu bapa Hebat, Anak Cemerlang

Kursus ini telah diadakan dari 19 hingga 22 Oktober 2014 bertempat di Hotel Langkasuka, Pulau Langkawi. Secara umumnya ibu bapa juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan kecemerlangan anak-anak. Oleh yang demikian JAKOA Negeri Perak dan Kedah telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan kursus bagi ibu bapa ini. Mereka yang terpilih mengikuti kursus ini adalah merupakan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang akan menghadapi peperiksaan. Di dalam kursus ini, para peserta telah diberi pendedahan mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam memberi galakan dan perangsang serta tauladan yang baik kepada anak-anak. Majlis perasmian kursus ini telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Hasnan bin Hassan, Ketua Pengarah JAKOA Malaysia.



YBhg Dato' Hasnan Hassan menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta kursus



YBhg Dato' Ketua Pengarah bergambar bersama sebahagian peserta

Lawatan YBhg Dato' Ketua Pengarah Ke RPS Kemar dan Penyerahan Bot 1Malaysia

Pada 13 November 2014, YBhg Dato' Hasnan bin Hassan telah berkesempatan melawat ke Kampung Orang Asli di RPS Kemar. Lawatan ini diadakan bagi mengadakan penyerahan bot 1Malaysia. Sebanyak 3 buah bot telah diserahkan kepada Batin Kampung Orang Asli di RPS Kemar. YBhg Dato' Hasnan turut berkesempatan mengadakan sesi dialog bersama dengan penduduk di perkampungan berkenaan.



YBhg Dato' Hasnan menyampaikan replika kunci bot kepada salah seorang penerima



YBhg Dato' Hasnan bersama pengurus RPS Kemar semasa melawat Pusat Janakuasa TNB

Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan

Pengenalan

Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah melaksanakan pelbagai program pembangunan sosioekonomi serta program modal insan dan kebajikan dalam usaha pihak kerajaan memajukan masyarakat Orang Asli agar tidak tersisih dari arus kemodenan. Bagi mencapai usaha tersebut, JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan dibantu dengan 6 unit di bawah pentadbiran negeri serta 5 pentadbiran daerah di Negeri

Selangor iaitu Daerah Hulu Langat, Daerah Sepang, Daerah Hulu Selangor, Daerah Kuala Langat / Klang dan Daerah Gombak/ Petaling yang mempunyai 75 buah kampung dan ditadbir oleh 55 orang Batin meliputi jumlah penduduk seramai 28,600 orang.

Pencapaian Tahun 2014

Laporan Unit Pembangunan Infrsosial

Pada tahun 2014, JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah menerima peruntukan sebanyak RM2,654,096.30 bagi melaksanakan Projek Infrastruktur di Perkampungan Orang Asli di seluruh Negeri Selangor.

Bil	Nama Projek	Lokasi	Kos (RM)
1	Kerja-Kerja Menaiktaraf Padang Sekolah Kebangsaan (A)	Kampung Orang Asli Sungai Melut, Sepang	155,780.00
2	Bantuan Peralatan Dalam Pejabat JKKKO dan Balai raya	Pelbagai Kampung di Daerah Kuala Langat dan Klang	19,910.00
3	Pembinaan Balai raya	Kampung Orang Asli Batu 28. Jenderam Hilir, Sepang	90,096.00
4	Bantuan Peralatan di KOA Kolam Air	Kampung Orang Asli Kolam Air, Sepang	9,971.00
5	Membaik pulih Kerosakan Kayu Penahan tangki air di TABIKA	Kampung Orang Asli Pulau Kempas, Kuala Langat	19,895.00
6	Membaik pulih Tabika	Kampung Orang Asli Sungai Melut, Sepang	19,999.60
7	Membina Pondok Bas dan Papan Tanda Kampung	Kampung Orang Asli Sungai Melut, Sepang	15,000.00
8	Kerja Memasang dan Membekal Tiang elektrik	Kampung Orang Asli Bukit Kechil dan KOA Pulau Kempas, Kuala Langat	4,450.00
9	Membaik pulih Tabika	Kampung Orang Asli Bukit Dugang, Sepang	10,573.40
10	Kerja-kerja Pemasangan Sistem Perpaipan dari Punca Utama ke Kawasan Kampung	Kampung Orang Asli Sungai Lalang, Hulu Langat	42,845.00
11	Penyelenggaraan Bekalan Air pebagai Sumber	Kampung Orang Asli Batu 28 Jenderam Hilir, Sepang	4,200.00
12	Membina Jalan Premix	Kampung Orang Asli Tanjung Sepat, Kuala Langat	168,600.00
13	Membina Jalan Premix	Kampung Orang Asli Tun Razak, Hulu Selangor	231,400.00
14	Membina Jalan Premix	Kampung Orang Asli Pertak, Hulu Selangor	200,000.00
15	Membina Jalan Premix	Kampung Orang Asli Bukit Manchong, Hulu Selangor	200,000.00
16	Membina dan Menurap Dataran Kejat	Kampung Orang Asli Tanjung Sepat, Kuala Langat	19,880.00
17	Membina Longkang dan 'Wing wall'	Kampung Orang Asli Tanjung Sepat, Kuala Langat	4,409.00
18	Kerja Pembinaan Longkang	Kampung Orang Asli Donglai, Hulu Langat	17,910.00

19	Kerja Membina Dataran Kejat	Kampung Orang Asli Pangson, Hulu Langat	9,980.54
20	Kerja Membina Jalan Premix	Kampung Orang Asli Gabai, Hulu Langat	13,444.46
21	Kerja Pembinaan Dataran dan Jalan Premix	Kampung Orang Asli Serigala, Hulu Selangor	19,865.00
22	Kerja Menurap Dataran Ruang Niaga	Kampung Orang Asli Bukit Bangkong Sungai Pelek, Sepang	19,999.80
23	Membina Kerosakan Pembentung Dan Jalan	Kampung Orang Asli Batu 28. Jenderam Hilir, Sepang	121,737.50
24	Kerja-kerja Pembinaan Gabion	Kampung orang Asli Kemensah, Gombak	171,160.00
25	Kerja Membina dan Menyiapkan Sebuah Jambatan	Kampung Orang Asli Sungai Buloh, Gombak	117,500.00
26	Membina Jalan Premix	Kampung Orang Asli Tun Razak, Hulu Selangor	223,850.00
27	Membina Jalan Premix	Kampung Orang Asli Pertak, Hulu Selangor	185,430.00
28	Membina Jalan Premix	Kampung Orang Asli Bukit Manchong, Hulu Selangor	211,410.00
29	Kerja-kerja Penambahbaikan Jalan dan Lain-lain Kerja Berkaitan	Kampung Orang Asli Rasau Hilir, Petaling	324,800.00
Jumlah			2,654,096.30

Jadual 78 : Projek infrastruktur yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014

Program Bantuan Rumah (PBR) - Bina Baru

Di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah menerima peruntukan sebanyak RM3,454,565.00 bagi pembinaan 90 unit rumah di perkampungan Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Bil	Nama Lokasi	Daerah	Kos (RM)	Jumlah (Unit)
1	Kampung Ulu Kuang	Gombak	39,800.00	1
2	Kampung Orang Asli Sungai Buloh	Gombak	100,000.00	3
3	Kampung Orang Asli Bukit Lagong	Gombak	21,262.00	3
4	Kampung Orang Asli Batu 16	Gombak	79,100.00	2
5	Kampung Orang Asli Sungai Rasau	Gombak	239,660.00	6
6	Kampung Orang Asli Genting Peras	Hulu Langat	77,900.00	2
7	Kampung Orang Asli Donglai	Hulu Langat	40,000.00	1
8	Kampung Orang Asli Paya Lebar	Hulu Langat	77,320.00	2
9	Kampung Orang Asli Padang	Hulu Langat	80,000.00	2
10	Kampung Orang Asli Gabai	Hulu Langat	40,000.00	1
11	Kampung Orang Asli Sungai Lalang	Hulu Langat	120,000.00	3
12	Kampung Orang Asli Broga	Hulu Langat	116,250.00	3
13	Kampung Orang Asli Razak	Hulu Selangor	304,286.00	8
14	Kampung Orang Asli Bukit Manchong	Hulu Selangor	279,130.00	7
15	Kampung Orang Asli Kelinsing	Selangor	40,000.00	1
16	Kampung Orang Asli Bukit Jenuk	Selangor	39,550.00	1
17	Kampung Orang Asli Bukit Bangkong, Sg. Pelek	Selangor	157,200.00	4
18	Kampung Orang Asli Kolam Air Bangkong	Selangor	79,000.00	2
19	Kampung Orang Asli Bukit Tampoi	Selangor	79,940.00	2
20	Kampung Orang Asli Batu 28 Jenderam Hilir	Selangor	120,000.00	3

21	Kampung Orang Asli Bukit Dugang	Selangor	80,064.00	2
22	Kampung Orang Asli Kepau Laut	Kuala Langat	40,000.00	1
23	Kampung Orang Asli Bukit Kechil	Kuala Langat	40,000.00	1
24	Kampung Orang Asli Busut Baru	Kuala Langat	79,970.00	2
25	Kampung Orang Asli Sungai Bumbun	Kuala Langat	79,906.00	2
26	Kampung Orang Asli Sungai Kurau	Kuala Langat	86,000.00	2
27	Kampung Orang Asli Kempas	Kuala Langat	80,000.00	2
28	Kampung Orang Asli Pulau Indah	Kuala Langat	79,996.00	2
29	Kampung Orang Asli Bukit Tadam	Kuala Langat	119,889.00	3
30	Kampung Orang Asli Jenuk	Selangor	39,550.00	1
31	Kampung Orang Asli Changkat Bintang	Hulu Selangor	120,000.00	3
32	Kampung Orang Asli Bakok	Selangor	40,000.00	1
33	Kampung Orang Asli Kolam Air, Bangkong	Selangor	79,000.00	2
34	Kampung Orang Asli Donglai	Hulu Langat	80,000.00	2
35	Kampung Orang Asli Pangson	Hulu Langat	40,000.00	1
36	Kampung Orang Asli Sungai Lalang	Hulu Langat	40,000.00	1
37	Kampung Orang Asli Pulau Indah	Kuala Langat	39,998.00	1
38	Kampung Orang Asli Paya Rumpit	Kuala Langat	119,994.00	3
39	Kampung Orang Asli Hulu Kuang	Kuala Langat	39,800.00	1
Jumlah			3,374,565.00	90

Jadual 79 : Program Bantuan Rumah (PBR) - Bina Baru



Bantuan Rumah PBR

Rumah PBR Sg. Bumbun

Program Bantuan Rumah (PBR) - Baik Pulih

Di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah menerima peruntukan sebanyak RM705,803.43 bagi membaik pulih 85 unit rumah di perkampungan Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan berbanding 94 unit pada tahun 2013.

Bil	Daerah	Kos (RM)	Jumlah (Unit)
1	Selangor	115,653.90	11
2	Hulu Selangor	54,330.00	13
3	Kuala Langat	118,845.40	11
4	Hulu Langat	306,476.13	39
5	Gombak	110,498.00	11
Jumlah		705,803.43	85

Jadual 80 : Program Bantuan Rumah (PBR) - Baik Pulih

Laporan Unit Pertanian dan Ekonomi

Di bawah bantuan Premis Pembinaan Ruang Niaga JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM252,778.00 bagi 6 orang penerima bantuan pada tahun 2014.

Bil	Nama Projek	Kos (RM)	Jumlah (Unit)
1	Pembinaan Bangunan Ruang Niaga 3 Pintu Di Kg Orang Asli Bukit Bangkong Sungai Pelek, Sepang	117,500.20	3
2	Pembinaan Bangunan Ruang Niaga di Kg Orang Asli Sungai Judah, Kuala Langat	44,386.80	1
3	Pembinaan Bangunan Ruang Niaga di Kg Orang Asli Sungai Melut, Sepang	45,471.00	1
4	Pembinaan Bangunan Ruang Niaga di Kg Orang Asli Bangkong, Kolam Air, Sepang	45,420.00	1
Jumlah		252,778.00	6

Jadual 81 : Pembinaan ruang niaga di penempatan Orang Asli

Pengembangan Usahawan Orang Asli

Pada tahun 2014, JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM64,787.65 bagi 5 orang penerima bantuan berbanding RM15,000.00 bagi 2 orang penerima bantuan pada tahun 2013.

Bil	Nama Projek	Kos (RM)	Jumlah (Unit)
1	Peralatan Kraftangan di Kg Orang Asli Bukit Lagong, Gombak	10,000.00	1
2	Peralatan Perusahaan Ubat-Ubatan Di Kg Orang Asli Bt. 12, Gombak	10,000.00	1
3	Peralatan Kedai Runcit di Kg Orang Asli Bangkong, Kolam Air, Sepang	9,998.00	1
4	Peralatan Kedai Menjahit Pakaian di Kg Orang Asli Tanjung Sepat, Daerah Kuala Langat	14,940.00	1
5	Membaik pulih Kedai Menjual Hasil Laut di Kg Orang Asli Sungai Judah, Kuala Langat	19,849.65	1
Jumlah		64,787.65	5

Jadual 82 : Program Pengembangan Usahawan Orang Asli

Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (Tanaman Getah) di KOA Hulu Tamu dan Gurney, Hulu Selangor

Pada tahun 2014, di bawah Program PLMOA, Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah diperuntukkan sebanyak RM204, 800.00 bagi melaksanakan projek tersebut.

Bil	Nama Projek	Kos (RM)	Jumlah Peserta
1	Bantuan Input Pertanian (Racun dan Anak Benih Getah)	164,800.00	80 Orang
2	Kursus Pembangunan dan Pengurusan Getah	24,000.00	80 Orang
3	Bayaran Insentif PLMOA	16,000.00	80 Orang
Jumlah		204,800.00	240 Orang

Jadual 83 : Projek ladang masyarakat Orang Asli



Bantuan Ruang Niaga

Bantuan Input Pertanian untuk Orang Asli

Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

Bagi Program Peningkatan Pendapatan (PPP), JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM40,000.00 bagi 4 orang penerima bantuan berbanding Program Peningkatan Pendapatan (PPP) 2013 sebanyak RM108,410.00 melibatkan seramai 15 peserta.

Bil	Nama Projek	Kos (RM)	Jumlah Peserta
1	Bantuan Peralatan Projek Kedai Minuman dan Makanan di Kg Orang Asli Bukit Bangkong Sungai Pelek, Sepang	10,000.00	1
2	Bantuan Peralatan Projek Kedai Minuman dan Makanan di Kg Orang Asli Bangkong Kolam Air, Sepang	10,000.00	1
3	Projek Pembinaan Kandang Lembu di Kg Orang Asli Sungai Bumbun, Kuala Langat	10,000.00	1
4	Projek Tanaman Halia di Kg Orang Asli Songkok, Hulu Selangor	10,000.00	1
Jumlah		40,000.00	4

Jadual 84 : Penerima bantuan bagi Program Peningkatan Pendapatan (PPP)



Bentuk bantuan bagi Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

Unit Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan

Kepentingan pendidikan dalam Pembangunan Masyarakat Orang Asli khususnya dalam pembangunan negara memang tidak dapat dinafikan lagi. Menyedari kepentingan pendidikan merupakan aset penting sesuatu bangsa ke arah pembentukan jati diri pelajar Orang Asli, maka JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah merangka dan melaksanakan program-program peningkatan pendidikan pelajar Orang Asli.

Pada tahun 2014, seramai 2,545 kanak-kanak Orang Asli yang telah mendapat pendidikan di 70 buah sekolah rendah dan 1,046 pelajar Orang Asli yang mendapat pendidikan di 48 buah sekolah menengah di seluruh Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Bil	Nama Program	Tarikh	Tempat	Jumlah Kehadiran
1	Program Lonjakan Prestasi UPSR Pelajar Orang Asli Negeri Selangor tahun 2014	22 – 24 Ogos 2014	Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Razak, Kuala Kubu Bharu	223 Pelajar Orang Asli
2	Program Selangkah ke Menara Gading Negeri Selangor Tahun 2014	13 – 15 Oktober 2014	Pusat Latihan Penguatkuasa Selangor(PULAPES)	125 Pelajar Orang Asli
3	Program Halatuju Pelajar Lulusan SPM	5 – 8 April 2014	MAEPS, Serdang Selangor	115 Pelajar Orang Asli

Jadual 85 : Program Motivasi Pelajar Orang Asli yang dilaksanakan pada tahun 2014

Dari segi pencapaian pelajar, pada tahun 2014 terdapat 4 orang pelajar Orang Asli yang mendapat 5A dalam Peperiksaan UPSR dan seorang Pelajar Orang Asli yang mendapat 8A dalam peperiksaan PT3 serta seorang pelajar Orang Asli yang mendapat 11A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bil	Nama Pelajar	Sekolah	Keputusan
1	Nisaharyina A/P Husni	SK Bandar Baru Salak Tinggi	5A
2	Arisa A/P Yahya	SK Bukit Ceeding (A)	5A
3	Alif Syakirin Bin Mohd Balkishah	SK Bukit Jalil	5A
4	Naufal Hadis Bin Fadzil	SK Sungai Buloh	5A

Jadual 86 : Senarai Pelajar Orang Asli Cemerlang dalam UPSR

Bil	Nama Pelajar	Sekolah	Keputusan
1	Faziana Binti Angah @ Mohd Zaini	SMK Gombak Setia	8A
2	Eddrien A/L Pazi	SMK Sungai Manggis	7A
3	Nortasia Bt Yusuf	SMK Dengkil	7A

Jadual 87 : Senarai Pelajar Orang Asli Cemerlang dalam PT3

Bil	Nama Pelajar	Sekolah	Keputusan
1	Nur Syuhada Binti Isahak	Kolej Islam Sultan Alam Shah / Kuala Langat	8A
2	Mira Nabilah Binti Ira Isra	Sek Men Sains Hulu Selangor	7A
3	Eddy Fazandi A/L Husni	Sek Sains Kuala Selangor / Hulu Selangor	7A
4	Emely Bt Sapiat	SMJK Yu Hua, Kajang / Hulu Langat	9A 1B

Jadual 88 : Senarai Pelajar Orang Asli Cemerlang dalam SPM



Program anjuran JAKOA Negeri
Selangor & W.Persekutuan
"Selangkah Ke Menara Gading"



Program Hala Tuju Pelajar Orang Asli

Program 3P, Taska dan Tabika

Program Penggalak Pembaca dan Taman Asuhan Kanak-kanak ini bertujuan memberi galakan kepada kanak-kanak berusia 2 hingga 4 tahun supaya minat belajar. Manakala Taman Bimbingan Kanak-kanak untuk kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun. Program-program ini dijalankan dengan tujuan mendidik generasi muda ke arah mementingkan pendidikan. Disamping itu, program ini dapat menerapkan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak Orang Asli dan memberi pendedahan kepada mereka tentang persekitaran proses persekolahan.

Bil	Tahun	Peruntukan (RM)	Jumlah Pelajar
1	Tahun 2013	14,300.00	83
2	Tahun 2014	10,900.00	56

Jadual 89 : Program Penggalak Pembaca

Bil	Tahun	Peruntukan (RM)	Jumlah Pelajar
1	Tahun 2013	27,389.00	696
2	Tahun 2014	33,669.70	631

Jadual 90 : Pelajar Tabika Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika)

Bil	Perkara	Tahun 2013	Tahun 2014
1	Jumlah pelajar	58 Orang	58 Orang

Jadual 91 : Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska)

Kelas Dewasa Asli Peribumi (KEDAP)

Program Kelas KEDAP JAKOA diteruskan pada tahun 2014 dengan pertambahan sebanyak 7 buah kelas kerana mendapat sambutan dari golongan dewasa. Tahun 2014, JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan mendapat peruntukan sebanyak RM466,550.00 untuk 10 buah kelas KEDAP.

Kelas KEDAP JAKOA berlangsung selama 36 hari dalam tempoh 3 bulan. Bagi mengiktiraf kejayaan peserta kelas KEDAP JAKOA yang berjaya menamatkan sesi pembelajaran, mereka dibawa melawat ke tempat-tempat perlancongan seperti Pulau Langkawi, Melaka dan Putrajaya. Ianya bertujuan mendedahkan para peserta tentang kepentingan pendidikan dalam kehidupan seharian dan secara tidak langsung mengajar cara-cara pengupayaan ekonomi mereka.

Bil	Tahun	Peruntukan (RM)	Jumlah Pelajar	Bil. Kelas
1	Tahun 2013	144,130.40	81	3
2	Tahun 2014	466,550.00	258	10

Jadual 92 : Kelas Dewasa Peribumi (KEDAP) JAKOA tahun 2014



Peserta KEDAP JAKOA



Program Bersama Peserta KEDAP

Program Peningkatan Kualiti Hidup

Objektif pelaksanaan program ini bagi meningkatkan taraf pendidikan kepada pelajar miskin di luar bandar melalui penglibatan mereka dengan pemberian Tambang Pengangkutan, Wang Saku Pelajar dan Pemberian Bakul Makanan kepada KIR Orang Asli. Peruntukan sebanyak RM2,154,389.20 telah disalurkan dan dibelanjakan di bawah Program Peningkatan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli seperti pecahan berikut.

Bil	Nama Program	Peruntukan (RM)
1	Pengangkutan Bas Pelajar Orang Asli	1,609,883.20
2	Wang Saku	494,506.00
3	Bakul Makanan	50,000.00
Jumlah		2,154,389.20

Jadual 93 : Program Peningkatan Kualiti Hidup Orang Asli

Unit Kebajikan Pesakit Orang Asli

Aspek kesihatan merupakan perkara yang amat penting bagi sesebuah masyarakat. JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan turut tidak ketinggalan dalam membantu masyarakat Orang Asli memupuk kesedaran dan pengetahuan dalam memelihara kesihatan. Justeru itu, pada tahun 2014, Unit Kebajikan JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah menggunakan peruntukan sebanyak RM402,859.92 bagi kegunaan Bantuan Perubatan dan Bantuan Kebajikan pesakit Orang Asli di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Bulan	Bantuan Kebajikan (RM)	Bantuan Perubatan (RM)	Jumlah (RM)
Jan	4,194.00	22,154.00	26,348.00
Feb	3,482.00	51,565.00	55,047.00
Mac	4,092.00	32,808.00	36,900.00
Apr	3,700.00	18,575.56	22,275.56
Mei	3,802.00	25,356.00	29,158.00
Jun	6,350.00	14,053.00	20,403.00
Jul	7,350.00	26,640.40	33,990.40
Ogs	7,476.00	16,896.00	24,372.00
Sep	20,781.50	25,091.80	45,873.30
Okt	29,366.00	23,351.66	52,717.66
Nov	7,314.00	21,573.00	28,887.00
Dec	11,778.00	15,110.00	26,888.00
Jumlah	109,685.50	293,174.42	402,859.92

Jadual 94 : Pecahan Bantuan Kebajikan dan Perubatan



Program Kesihatan

Bantuan Kebajikan

Aktiviti JAKOA Negeri Selangor dan W.Persekutuan Sepanjang Tahun 2014

Program Ihya Ramadan

Program Ihya Ramadan merupakan aktiviti tahunan bagi JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM80,000.00 bagi program ini. Aktiviti rohaniah ini melibatkan kerjasama antara JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan bersama penduduk kampung terutamanya yang beragama Islam. Program ini juga mendapat kerjasama daripada Penggerak Masyarakat kampung-kampung yang terlibat, Persatuan Kebajikan dan Pengurusan Islam (PKPI) serta Hospital Orang Asli Gombak.

Bil	Nama Program	Jumlah Peserta
1	Program Ihya Ramadan Kg Orang Asli Busut Baru, Kuala Langat	450
2	Program Ihya Ramadan Kg Orang Asli Hulu Kuang, Gombak	500
3	Program Ihya Ramadan Kg Orang Asli Jenderam Hilir, Sepang	500
4	Program Ihya Ramadan Kg Orang Asli Paya Lebar, Hulu Langat	400

Jadual 95 : Program Ihya Ramadhan di daerah Negeri Selangor

Program Sambutan Hari Raya YB Menteri KKLW bersama Masyarakat Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan

Program Sambutan Hari Raya merupakan aktiviti tahunan bagi JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Sambutan hari raya tahun 2014 bertambah meriah dengan kehadiran YB Dato' Seri Hj. Mohd Shafie Bin Hj. Apdal, Menteri KKLW merasmikan program ini. JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan mendapat peruntukan sebanyak RM35,000.00 bagi program ini melibatkan peserta seramai 600 orang. Program ini mendapat kerjasama antara JAKOA Ibu Pejabat bersama masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor khususnya penduduk Kampung Orang Asli Bukit Bandaraya, Shah Alam.



Ramah Mesra Menteri Bersama Masyarakat Orang Asli

Program Bersama Masyarakat Orang Asli

Program Belia dan Beliawanis Masyarakat Orang Asli

Golongan belia merupakan generasi pelapis yang akan meneruskan adat resam masyarakat Orang Asli. Amat penting bagi JAKOA agar memupuk sikap kerjasama antara golongan belia dan dewasa agar menunjukkan contoh terbaik kepada golongan yang lebih muda. Pelbagai program telah dijalankan oleh pihak JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan seperti pertandingan futsal, program gotong-royong dan program mencungkil bakat generasi muda. JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan mendapat kerjasama dari pelbagai agensi antaranya Gabungan Belia Orang Asli (GBOAS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Hospital Orang Asli Gombak (HOAG), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dan pelbagai agensi kerajaan yang lain.

Bil	Nama Program	Kos (RM)	Jumlah Peserta
1	Kejohanan Futsal Wanita Gabungan Belia Orang Asli Tahun 2014	10,000.00	300
2	Program Komuniti USIM, BERNAS & JAKOA Bersama Masyarakat Orang Asli Sg. Congkak	5,000.00	200
3	Program 1DREAM2U@ Impian ke Menara Ilmu bersama Masyarakat dan Anak Orang Asli Daerah Sepang	10,000.00	350
4	Pertandingan Apresiasi Bahasa dan Sastera Masyarakat Orang Asli Peringkat Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan	20,000.00	200
5	Program Perpaduan dan Mini Kem Kesihatan Kg Orang Asli Sg Lalang	20,000.00	250
6	Program Sukan Pelajar-pelajar SK Bukit Lanjan bersama Penduduk Desa Temuan, Damansara Perdana	20,000.00	300
7	Program Jalinan Mesra JAKOA dan JKNS bagi Masyarakat Orang Asli Daerah Hulu Langat Tahun 2015	31,950.00	500

Jadual 96 : Program Belia Beliawanis Orang Asli di negeri Selangor dan W.Persekutuan

Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Kelantan dan Terengganu

Pengenalan

Pentadbiran Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Kelantan dan Terengganu beroperasi dengan tiga pentadbiran daerah iaitu JAKOA Daerah Gua Musang, JAKOA Daerah Terengganu dan JAKOA Daerah Jeli dengan kekuatan 97 pegawai dan kakitangan tetap serta 18 kakitangan berstatus kontrak.

Statistik yang direkodkan sehingga 31 Disember 2014, jumlah populasi Orang Asli yang

menetap bertaburan di seluruh Negeri Kelantan dan Terengganu berjumlah 15,567 orang dengan 3,011 Ketua Isi Rumah (KIR). Manakala bagi penempatan masyarakat Orang Asli pula, terdapat 3 Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), 11 buah Pos, 1 Rancangan Kampung Baru (RKB) dan 6 kampung tradisional.


Pencapaian Tahun 2014

Seksyen Pembangunan Sosioekonomi

Pada tahun 2014, seksyen ini telah diperuntukkan sebanyak RM5,267,172.30 untuk program pembangunan sosioekonomi. Sejumlah RM2,833,306.30 telah diterima melalui peruntukan dari pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan sebanyak RM2,433,866.00 pula dari Unit Perancang Ekonomi (EPU). Pecahan kegunaan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti berikut.

Bil	Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Projek Pembangunan Ekonomi	2, 273,883.30	2,282,132.20	100
2	Infra Sosial / Minda	559,423.00	343,678.66	61
3	SPKR	2,433,866.00	2,419,808.20	99.4
Jumlah		5,267,172.30	5,045,619.06	96


Jadual 97 : Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan yang diterima pada tahun 2014



Carta 28 : Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Sosioekonomi bagi Tahun 2014

Pembangunan Infrasosial

Sepanjang tahun 2014, JAKOA Negeri Kelantan dan Terengganu telah berjaya membina sebanyak 73 buah Rumah Bina Baru dan 64 Baik Pulih rumah bagi kegunaan masyarakat Orang Asli di seluruh Negeri Kelantan dan Terengganu. Jumlah ini menunjukkan peningkatan jika dibandingkan dengan tahun 2013 di mana 15 buah Rumah Bina Baru dan 96 Baik Pulih telah dilaksanakan. Manakala kos perbelanjaan turut meningkat daripada RM1,568,000.00 pada tahun 2013 kepada RM2,419,808.20 pada tahun 2014.



Carta 29 : Pembinaan dan Baik Pulih kediaman untuk masyarakat Orang Asli pada tahun 2013 dan 2014

Seksyen Pembangunan Infrasosial juga telah melaksanakan pelbagai program/ aktiviti untuk pembangunan sosial dan minda. Butirannya seperti berikut.

Bil	Program	Jumlah (RM)
1	Projek infrastruktur dan kemudahan awam	418,343.00
2	Program Pembangunan Manusia dan Minda	141,080.00
Jumlah		559,423.00

Jadual 98 : Program Infrastruktur dan Pembangunan Manusia dan Minda



Ketua Pengarah meninjau kemudahan bekalan air di salah sebuah kampung dalam pentadbiran RPS Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan.




Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia menyampaikan set TV dan Astro Njoi kepada salah seorang KIR Orang Asli sempena Program Penyerahan Astro Njoi di Kg. Sg. Berua, Hulu Terengganu, Terengganu.



Ketua Pengarah JAKOA (bertopi) bersama Pengarah JAKOA Kelantan, Ahli Parlimen Gua Musang dan ADUN Galas semasa Program Pelancaran Bekalan Elektrik 24 jam di Pos Brooke, Gua Musang, Kelantan.



Ketua Pengarah JAKOA semasa Program Pelancaran Bekalan Elektrik di Pos Brooke, Gua Musang



Carta 30 : Program Infrastruktur dan Pembangunan Manusia & Minda

Seksyen ini turut menjalankan beberapa program dan aktiviti di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) seperti Program Bantuan Rumah (PBR), program hala tuju pelajar Orang Asli lepasan SPM & STPM, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Peningkatan Pendapatan dan Program Pengukuhan Modal Insan.

Bil	Program	Jumlah (RM)
1	Projek PBR SPKR	2,000,000.00
2	Program Hala Tuju Pelajar Orang Asli Lepas SPM & STPM	19,800.00
3	Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya (PLKK)	92,566.00
4	Program Peningkatan Pendapatan	319,900.00
5	Program Pengukuhan Modal Insan	6,000.00
6	Program Pembangunan	4,400.00
Jumlah		2,442,666.00

Jadual 99 : Pecahan Perbelanjaan Program/Projek/Aktiviti Infrastruktur dan Pembangunan Manusia dan Minda

Pembangunan Ekonomi

Sepanjang 2014, JAKOA Negeri Kelantan & Terengganu telah memperuntukkan sejumlah RM2,273,886.30 untuk menjalankan program-program meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli di Negeri ini.

Pelbagai program, projek dan aktiviti telah dijalankan untuk merealisasikan hasrat Meningkatkan pembangunan ekonomi kumpulan sasar. Aktiviti yang dijalankan seperti penganjuran kursus, projek tanaman gaharu, bimbingan usahawan dan industri.

Bil	Program	Jumlah (RM)
1	Projek Ladang Masyarakat	1,061,400.00
2	Bimbingan Usahawan dan Industri	440,000.00
3	Inkubator dan Jahitan	50,000.00
4	Kursus <i>Training For Trainers</i> Lebah Kelulut	36,000.00
5	Kampung Stay	100,000.00
6	Program Pembangunan Ekonomi	586,486.30
Jumlah		2,273,886.30

Jadual 100 : Pecahan Program Pembangunan Ekonomi



Ahli Parlimen Jeli, Dato' Sri Mustapa Mohamed merasmikan Program Merdeka Raya di RKB Sg Rual, Jeli, Kelantan.

Ketua Pengarah menyampaikan cenderahati kepada salah seorang peserta Ladang Masyarakat dari Kelantan sempena Kursus Penanaman Getah yang diadakan di Pusat Kegiatan KEMAS Raub, Pahang.

Seksyen Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan

Program/ Aktiviti Akaun Amanah

Bagi tahun 2014, sebanyak RM1,610,850.00 telah diperuntukkan bagi melaksanakan aktiviti peningkatan minda dan pendidikan masyarakat Orang Asli. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,174,347.50 telah dibelanjakan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang berkaitan dengan pendidikan. Jadual perbelanjaan adalah seperti berikut.

Bil	Nama Projek / Program	Jumlah (RM)
1	Program Kecemerlangan TABIKA Orang Asli	335,430.00
2	Program KEPADAMU	334,530.00
3	Program Pecutan Jaya UPSR, PT3, SPM & STPM Murid Orang Asli 2014	106,260.00
4	Program Motivasi Keibubapaan Masyarakat Orang Asli 2014	50,420.00
5	Program Pemulihan Khas Literasi & Numerasi (LINUS) Murid Orang Asli 2014	308,439.00
6	Program Skim Tuisyen	39,268.50
Jumlah		1,174,347.50

Jadual 101 : Perbelanjaan Akaun Amanah

Unit Pendidikan

Pada tahun 2014, sebanyak RM4,751,577.86 telah dibelanjakan oleh Unit Pendidikan bagi memastikan seramai 2,958 pelajar Orang Asli yang berada di sekolah rendah dan 1,284 pelajar Orang Asli di sekolah menengah mendapat pendidikan yang sempurna.

Bil	Perkara	Perbelanjaan (RM)
1	Yuran Sekolah	354,210.80
2	Makan/Minum Pelajar Di Kantin	481,327.80
3	Pakaian Seragam dan Keperluan Diri	188,954.00
4	TABIKA	100,000.00
5	Pelbagai Perbelanjaan	364,639.70
Jumlah		1,489,132.30

Jadual 102 : Perbelanjaan Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) tahun 2014

Bil	Perkara	Perbelanjaan (RM)
1	Wang Saku Pelajar	462,752.00
2	Pengangkutan Pelajar	2,386,443.56
3	Bakul Makanan	413,250.00
Jumlah		3,262,445.56

Jadual 103 : Perbelanjaan Program Kualiti Hidup tahun 2014

Dari segi pencapaian pelajar pula, seramai 5 orang pelajar Orang Asli dari Gua Musang telah berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam SPM dan STPM berbanding tahun 2013 hanya seorang pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam SPM.

Bil	Nama	Peperiksaan	Keputusan
1	Erahom binti Ibrahim	STPM 2014	CGPA 2.42
2	Jurita A/P Rosman	STPM 2014	CGPA 2.25
3	Ita binti Asup	STPM 2014	CGPA 2.17
4	Islan A/L Long	SPM 2014	5A 3B 1C
5	Amir A/L Abus	SPM 2014	7A 1B 1C

Jadual 104 : Pelajar yang mendapat Keputusan Cemerlang dalam Peperiksaan SPM & STPM tahun 2014



Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan JAKOA (berbaju korporat biru) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pelajar Orang Asli dari Gua Musang yang terpilih memasuki UiTM Machang

Salah seorang pelajar cemerlang bersama Senator Orang Asli (3 dari kanan), Pengarah JAKOA Negeri Kelantan & Terengganu (bertudung ungu) dan Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan (berbatik) semasa Program 'Jom Wek Ma Sekolah' di Dewan Sivik Gua Musang



Pelajar Orang Asli mendeklamasikan puisi dalam Program Apresiasi Bahasa anjuran DBP-JAKOA-Kementerian Pendidikan.

ADUN Galas menyampaikan sijil kepada salah seorang pelajar semasa Program Apresiasi Bahasa anjuran DBP-JAKOA-Kementerian Pendidikan.

Unit Non Formal (TABIKA)

Pada tahun 2014, sebanyak 24 buah Taman Bimbingan Kanak-kanak dan 1 Pusat Penggalak Pembaca (3P) beroperasi bagi memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak Orang Asli di seluruh penempatan Orang Asli Negeri Kelantan & Terengganu. Peruntukan sejumlah RM430,000.00 telah dibelanjakan untuk perjalanan operasi TABIKA dan Pusat 3P ini.

Bil	Nama Projek / Perolehan	Peruntukan (RM)
1	Barang-barang keperluan/kelengkapan TABIKA baru.	9,600.00
2	Barang-barang makanan TABIKA baru	21,600.00
3	Bayaran membekal makanan untuk Pusat Penggalak Pembaca (3P)	6,000.00
4	Pengangkutan pelajar TABIKA	22,800.00
5	Upah Pembantu Pemaju Masyarakat Sementara	35,200.00
6	Bayaran Ibu-ibu Penggalak	4,800.00
7	Hari Kecemerlangan TABIKA	330,000.00
Jumlah		430,000.00

Jadual 105 : Perbelanjaan Unit Pendidikan Non Formal (TABIKA)

Unit Pendidikan Non-Formal (KEDAP) 2014

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 24 buah kelas KEDAP beroperasi di kawasan perkampungan dan penempatan Orang Asli di Negeri Kelantan dan Terengganu dengan jumlah perbelanjaan RM1,127,535.00. Jumlah pelajar adalah seramai 720 pelajar berbanding dengan tahun 2013 seramai 540 orang pelajar. Peningkatan sebanyak 6 buah kelas telah menyebabkan pertambahan pelajar seramai 180 orang. Sehingga Disember 2014 seramai 1,260 warga dewasa Orang Asli telah mengikuti kelas KEDAP sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2013.



Salah seorang pelajar KEDAP dari Gua Musang, Kelantan menerima sijil daripada Exco Negeri Terengganu dalam Program Konvokesyen KEDAP 2014 Negeri Kelantan & Terengganu yang diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan Besut, Terengganu.

Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan JAKOA menyampaikan elaun kepada salah seorang pelajar KEDAP di Kg. Redip, Pos Hau, Gua Musang, Kelantan sempena Program Kembara KEDAP 2014.

Bil	Daerah	Tahun	Jumlah Pelajar	Jumlah Lokasi
1	Gua Musang	2013	510	17
		2014	630	21
2	Jeli	2013	30	1
		2014	30	1
3	Hulu Terengganu	2013	-	-
		2014	30	1
4	Kemaman	2013	-	-
		2014	30	1
Jumlah			1,260	42

Jadual 106 : Jumlah pelajar KEDAP di Negeri Kelantan tahun 2013 & 2014

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1	Elaun peserta, elaun guru, uniform, elaun kehadiran dan elaun makan.	695,040.00
2	Lawatan pendidikan.	164,000.00
3	Alat bantuan mengajar	137,988.00
4	Sewa Pengangkutan	52,800.00
5	Bengkel asas pelaksanaan & pembentukan ABM	18,920.00
6	Konvokesyen kebangsaan (wang saku, pengangkutan, pakaian, penginapan dan makan minum)	58,787.00
Jumlah		1,127,535.00

Jadual 107 : Perbelanjaan KEDAP bagi tahun 2014

Unit Kebajikan Pesakit

Pada tahun 2014, sebanyak dua buah pusat transit beroperasi iaitu Pusat Transit RPS Kuala Betis, Gua Musang dan Pusat Transit Jeli. Manakala pihak hospital yang berurusan dengan seksyen ini ialah Hospital Gua Musang, Hospital Kuala Krai, Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian, Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, Hospital Jeli dan Hospital Orang Asli Gombak.

Jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh Seksyen Kebajikan Perubatan JAKOA Negeri Kelantan & Terengganu sepanjang 2014 adalah sebanyak RM500,770.00 seperti pecahan jadual di bawah.

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1	Bantuan Kebajikan Am (sewa kenderaan dan balai rawatan)	213,392.50
2	Elaun porter (bersih kawasan dan pengawal keselamatan)	64,800.00
3	Barang bantuan perubatan	21,387.90
4	Makanan Pengiring dan barang kebajikan (transit, hospital dan kebajikan)	191,239.60
5	Bantuan pengurusan jenazah	9,950.00
Jumlah		500,770.00

Jadual 108 : Perbelanjaan Seksyen Kebajikan Perubatan JAKOA Negeri Kelantan & Terengganu bagi tahun 2014




Jabatan Kesihatan turut serta memberi perkhidmatan kepada penduduk kampung dalam program yang diadakan di Kampung Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu.

Ketua Pengarah menyampaikan bantuan kerusi roda kepada salah seorang OKU Orang Asli di Pos Blau, Gua Musang bersempena Lawatan Kerja Ketua Pengarah ke pedalaman Hulu Kelantan.

Seksyen Perancangan dan Penyelidikan

Jumlah penduduk Orang Asli di seluruh Negeri Kelantan dan Terengganu berjumlah 15,567 orang dengan ditadbir oleh 28 orang Penghulu dan dibantu oleh Ahli Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JKKKOA) yang dilantik mengikut jumlah penduduk dan kategori kampung.

Sepanjang tahun 2014, peruntukan yang dikeluarkan oleh JAKOA bagi pembayaran elaun Penghulu dan JKKKOA, melaksanakan program dan perbelanjaan urusan mesyuarat adalah sebanyak RM902,184.20 dan dipecahkan melalui 3 pecahan utama seperti berikut.



Carta 31 : Perbelanjaan Bagi Penghulu, JKKKOA dan Program Seksyen Perancangan dan Penyelidikan

Dalam pada itu, bagi memantapkan peranan Penghulu, JKKKOA dan pemimpin masyarakat, seksyen ini telah menganjurkan satu program kursus untuk memberi pendedahan dan pengetahuan selok belok pentadbiran yang lebih cekap, efisien dan berkarisma.

Bil	Nama Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Jumlah Kehadiran
1	Kursus Kepimpinan Penghulu dan JKKKOA Bil 1/2014	29 Mac – 1 April 2014	Akademik Pengakap Negeri Terengganu, Kuala Terengganu	67 pemimpin masyarakat Orang Asli

Jadual 109 : Program Kursus Pemimpin masyarakat Orang Asli



Peserta Kursus Kepimpinan Pemimpin Masyarakat Orang Asli Negeri Kelantan & Terengganu

Karnival Kebudayaan Orang Asli 2014 yang diadakan di Perkarangan Muzium Orang Asli Jeli, Kelantan

Seksyen Khidmat Pengurusan

Seksyen ini telah menganjurkan 2 program utama iaitu Majlis Amanat Dato' Ketua Pengarah yang diadakan pada 9 dan 10 Februari 2014 bertempat di Kampung Redip, Pos Hau, Gua Musang, Kelantan dan Kursus Komprehensif JAKOA Negeri Kelantan & Terengganu di Pulau Perhentian, Besut, Terengganu pada 28 September hingga 1 Oktober 2014. Ini bagi memantapkan lagi budaya kerja berpasukan di samping menerapkan sifat integriti di kalangan pegawai dan kakitangan JAKOA Negeri Kelantan dan Terengganu.

Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Sembilan dan Melaka

Pengenalan

Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Sembilan dan Melaka telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2014. Antara program yang dirancang melibatkan program infra sosial, minda dan pendidikan, pembangunan ekonomi serta rohaniah. Usaha secara berterusan ini adalah untuk membantu pembangunan masyarakat Orang Asli seramai 12,879 yang terdapat di Negeri Sembilan dan Melaka.


Berpaksikan Misi Jabatan “Melaksanakan Pembangunan Secara Inklusif” bagi meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup ke arah kemajuan dengan memartabatkan warisan unggul masyarakat Orang Asli. JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan mesra pelanggan. Organisasi JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka meliputi lima pejabat pentadbiran JAKOA daerah iaitu daerah Jelevu, Jempol, Kuala Pilah/ Tampin, Alor Gajah/ Jasin, Seremban/ Port Dickson dan Rembau.

Pencapaian Tahun 2014

Pada tahun 2014, Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Sembilan dan Melaka telah menerima peruntukan sejumlah RM8,486,678.50 bagi peruntukan pembangunan di mana perbelanjaan Pembangunan adalah berjumlah RM8,300.813.23 dan peratusan perbelanjaan adalah sebanyak 97.81%

Bil	Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Pembangunan	8,468,678.50	8,300,813.23	97.81%

Jadual 110 : Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan yang diterima pada tahun 2014



Carta 32 : Rumusan Peruntukan Pembangunan JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka

Program Bantuan Rumah (PBR)

JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka telah menerima peruntukan bagi pembinaan rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR). Peruntukan yang diterima adalah melalui beberapa sumber yang merangkumi peruntukan bagi keperluan Bina Baru dan Baik Pulih.

Melalui peruntukan Program *Government Transformation Plan* (GTP), JAKOA Negeri Sembilan telah menerima peruntukan sebanyak RM275,000.00 bagi projek Baik Pulih rumah. Melalui peruntukan ini, 5 buah daerah telah diberikan bantuan Baik Pulih meliputi 26 unit rumah.

Melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pula, JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka telah melaksanakan 5 unit pembinaan bagi rumah Bina Baru dan 77 unit bagi Baik Pulih. Kos keseluruhan yang terlibat adalah berjumlah RM999,959.00.

Pihak Jabatan juga telah menerima bantuan peruntukan yang disalurkan di bawah Program Pembangunan Bersepadu Semenanjung (EPU) yang melibatkan 107 unit rumah dengan kos berjumlah RM4,253,638.00. Secara keseluruhannya, pihak JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka telah memberikan bantuan sebanyak 103 unit bagi projek Baik Pulih dan 112 unit bagi projek Bina Baru dengan kos berjumlah RM5,528,297.00.

Bil	Daerah	Unit	Baik Pulih	Perbelanjaan (RM)
1	Seremban	1	1	4,500.00
2	Port Dickson	-	-	-
3	Rembau	-	-	-
4	Jelevu	10	10	110,000.00
5	Jempol	-	-	-
6	Kuala Pilah	5	5	55,000.00
7	Tampin	5	5	55,000.00
8	Alor Gajah	5	5	50,500.00
9	Jasin	-	-	-
Jumlah		26	26	275,000.00

Jadual 111 : Peruntukan Program Government Transformation Plan (GTP)



Rumah PBR di Kg Orang Asli Sebir, Seremban

Bil	Daerah	Unit	Bina Baru	Baik Pulih	Perbelanjaan (RM)
1	Seremban	4	-	4	39,761.00
2	Port Dickson	5	-	5	48,800.00
3	Rembau	8	-	8	87,300.00
4	Jelevu	13	-	13	147,000.00
5	Jempol	18	-	18	170,998.00
6	Kuala Pilah	14	-	14	152,600.00
7	Alor Gajah	12	2	10	183,500.00
8	Jasin	8	3	5	170,000.00
Jumlah		82	5	77	999,959.00

Jadual 112 : Peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)

Bil	Daerah	Unit	Bina Baru	Perbelanjaan (RM)
1	Seremban	25	25	1,020,347.00
2	Port Dickson	4	4	158,920.00
3	Rembau	5	5	198,970.00
4	Jelevu	31	31	1,214,020.00
5	Jempol	16	16	636,822.00
6	Kuala Pilah	25	25	984,559.00
7	Tampin	1	1	40,000.00
Jumlah		107	107	4,253,638.00

Jadual 113 : Peruntukan Program Pembangunan Bersepadu Semenanjung (EPU)

Projek Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Kemudahan awam merupakan kemudahan atau prasarana yang penggunaannya dikongsi bersama. Penyediaan kemudahan awam yang sempurna dan lengkap menjadi satu keperluan asas di dalam sesebuah kampung atau kawasan penempatan. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2014 melalui beberapa saluran peruntukan JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka telah membelanjakan sejumlah RM1,218,086.00 bagi tujuan pembangunan infra di penempatan Orang Asli sekitar daerah di Negeri Sembilan dan Melaka.

Bil	Daerah	Perbelanjaan (RM)
1	Seremban	141,408.50
2	Port Dickson	4,035.00
3	Rembau	-
4	Jelevu	110,833.00
5	Jempol	488,790.50
6	Kuala Pilah	352,484.58
7	Tampin	3,200.00
8	Alor Gajah	62,895.00
9	Jasin	54,393.50
Jumlah		1,218,040.08

Jadual 114 : Peruntukan Program Pembangunan Bersepadu Semenanjung (EPU)



Projek naik taraf jalan KOA Kolam Air, Seremban

Program Pembangunan Ekonomi

Bagi Projek Pembangunan Sosioekonomi, JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka telah menerima sejumlah RM1,292,954.50 untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan ladang.

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)
1	Negeri Sembilan	893,369.50
2	Melaka	399,585.00
Jumlah		1,292,954.50

Jadual 115 : Peruntukan bagi program penyelenggaraan ladang

Bil	Nama Projek	Lokasi	Perkara	Perbelanjaan (RM)
1	Penyelenggaraan Getah Tahun 5 (40.48 ha)	Kg Orang Asli Air Lerek, Kuala Pilah	Penyelenggaraan - Bayaran Upah/Insentif - Bekalan Racun Rumpai - Kursus	109,766.40
2	Penyelenggaraan Getah Tahun 2 (36.40 ha)	Kg Orang Asli Tekir, Seremban	Penyelenggaraan - Bayaran Upah/Insentif - Bekalan Racun Rumpai - Kursus - Input Pertanian	64,908.10
3	Penyelenggaraan Getah Tahun 1 (30.00 ha)	Kg Orang Asli Ulu Kemin, Jelebu	Penyelenggaraan - Bayaran Upah/Insentif - Bekalan Racun Rumpai - Kursus - Stor Ladang - Input Pertanian	141,244.95
4	Penyelenggaraan Getah Tahun 1 (99.00 ha)	Kg Orang Asli Guntur, Kuala Pilah	Penyelenggaraan - Bayaran Upah/Insentif - Bekalan Racun Rumpai - Kursus - Stor Ladang - Input Pertanian	425,688.90
5	Penyelenggaraan Getah Tahun 1 (24.00 ha)	Kg Orang Asli Lumut, Seremban	Penyelenggaraan - Bayaran Upah/Insentif - Bekalan Racun Rumpai - Kursus - Stor Ladang - Input Pertanian	151,752.80
Jumlah				893,361.15

Jadual 116 : Perbelanjaan bagi Projek Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan

Bil	Nama Projek	Lokasi	Perkara	Perbelanjaan (RM)
1	Penyelenggaraan Getah Tahun 2 (19.43 ha)	Kg Orang Asli Solok Terentang, Jus	Penyelenggaraan - Bayaran Upah/Insentif - Bekalan Racun Rumpai - Bantuan Anak Benih - Bekalan Baja	36,101.00
2	Pembinaan Jalan Ladang	Kg Orang Asli Bukit Payong, Alor Gajah	Membina Jalan Ladang (Crusher Run)	115,850.00
3	Pembinaan Jalan Ladang	Kg Orang Asli Kubang Badak, Alor Gajah	Membina Jalan Ladang (Crusher Run)	98,844.00
4	Pembinaan Jalan Ladang	Kg Orang Asli Lubuk Bandung, Jasin	Membina Jalan Ladang (Crusher Run)	148,790.00
Jumlah				399,585.00

Jadual 117 : Perbelanjaan bagi Projek Pembangunan Ekonomi Negeri Melaka

Program Pembangunan Usahawan

JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka dalam usaha memberikan galakan kepada masyarakat Orang Asli yang ingin menceburi diri dalam bidang keusahawanan telah memperuntukkan sejumlah RM65,500.00 bagi tahun 2014. Selain itu, pihak Jabatan turut menyalurkan peruntukan bagi program pembangunan inkubator Jahitan Orang Asli. Peruntukan yang disalurkan adalah berjumlah RM150,000.00.

Bil	Jenis Bantuan	Lokasi	Perbelanjaan (RM)
1	Program Pembangunan Inkubator	Pusat Inkubator Orang Asli Temuan, Senawang	150,000.00
2	Peralatan Kedai Runcit	Kg Orang Asli Bukit Payong, Alor Gajah	4,950.00
3	Peralatan Kedai Runcit	Kg Orang Asli Bertam, Jelevu	9,938.00
4	Peralatan Kedai Runcit	Kg Orang Asli Kolam Air, Seremban	960.00
5	Baikpulih Ruang Niaga	Kg Orang Asli Putra, Jelevu	19,702.00
6	Baikpulih Ruang Niaga	Kg Orang Asli Tering, Kuala Pilah	19,950.00
7	Program Mini Karnival Usahawan Desa	Pelbagai	10,000.00
Jumlah			215,500.00

Jadual 118 : Perbelanjaan bagi Program Pembangunan Usahawan

Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

Pada tahun 2014, Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Sembilan dan Melaka melalui peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar menyertai dan menjalankan projek-projek ekonomi dalam pelbagai sektor.

Justeru itu, JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka telah menyalurkan bantuan peralatan seperti alatan mesin, premis ruang niaga, bahan mentah serta modal pembangunan dan operasi di mana peruntukan tersebut adalah di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Peruntukan yang telah diterima adalah berjumlah RM231,500.00.

Bil	Jenis Bantuan	Lokasi	Perbelanjaan (RM)
1	Peralatan Kedai Burger	Kg Orang Asli Ulu Chuai, Rembau	10,000.00
2	Pembinaan Kandang Kambing	Kg Orang Asli Dusun Kendong, Rembau	9,950.00
3	Ternakan Ikan Air Tawar	Kg Orang Asli Belihoi, Seremban	10,000.00
4	Bantuan Baka Kambing	Kg Orang Asli Jeram Kedah, Seremban	9,950.00
5	Bantuan Baka Lembu	Kg Orang Asli Sunggala	10,000.00
6	Peralatan Kedai Burger	Kg Orang Asli Panchor, Jempol	10,000.00
7	Peralatan Bengkel Motosikal	Kg Orang Asli Panchor, Jempol	10,000.00
8	Pembinaan Kandang Kambing	Kg Orang Asli Sg. Lui, Jempol	5,995.00
9	Peralatan Jahitan	Kg Orang Asli Langkap Dangi, Jempol	10,000.00
10	Ternakan Ikan Air Tawar	Kg Orang Asli Guntur, Kuala Pilah	10,000.00
11	Ternakan Ayam Kampung	Kg Orang Asli Guntur, Kuala Pilah	10,000.00
12	Ternakan Ayam Kampung	Kg Orang Asli Guntur, Kuala Pilah	10,000.00
13	Ternakan Ayam Kampung	Kg Orang Asli Guntur, Kuala Pilah	10,000.00
14	Ternakan Ikan Air Tawar	Kg Orang Asli Ulu Mampas, Kuala Pilah	10,000.00
15	Ternakan Ikan Air Tawar	Kg Orang Asli Ulu Mampas, Kuala Pilah	10,000.00
16	Ternakan Kambing	Kg Orang Asli Sebinai, Kuala Pilah	10,000.00
17	Ternakan Ikan Air Tawar	Kg Orang Asli Tebong, Pasir, Tampin	10,000.00
18	Ternakan Kambing (Kandang)	Kg Orang Asli Lubuk Bandung, Jasin	19,950.00
19	Ternakan Kambing (Berkelompok)	Kg Orang Asli Lubuk Bandung, Jasin	15,000.00
20	Ternakan Kambing (Berkelompok)	Kg Orang Asli Lubuk Bandung, Jasin	15,000.00
21	Ternakan Kambing (Berkelompok)	Kg Orang Asli Lubuk Bandung, Jasin	10,000.00
22	Makanan Kambing	Pelbagai	5,652.00
Jumlah			231,497.00

Jadual 119 : Perbelanjaan bagi Program Peningkatan Pendapatan (PPP)




Ternakan Kambing (Berkelompok),
Lubuk Bandung, Melaka



Ternakan Ikan Air Tawar
KOA Belihoi, Seremban

Program Kecemerlangan Pendidikan

Tahun 2014 menyaksikan JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka diberi peruntukan berjumlah RM50,000.00 untuk melaksanakan program kecemerlangan pendidikan iaitu bengkel teknik menjawab soalan peperiksaan UPSR dan SPM. Matlamat utama program tersebut bertujuan membantu pelajar yang menduduki peperiksaan UPSR dan SPM serta teknik menjawab soalan peperiksaan dengan betul. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Melaka.




Carta 33 : Peruntukan pendidikan JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka

Program IPTA

Seramai 100 pelajar lepasan SPM tahun 2014 telah dibawa ke dewan MAEPS Serdang Selangor bagi mengikuti sesi taklimat hala tuju pelajar dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM19,800.00. Matlamat program bertujuan membantu calon lepasan pelajar mengisi borang kemasukan ke universiti tempatan.

Program Pembangunan Modal Insan

Sejumlah lima sub program di bawah Pembangunan Modal Insan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Peruntukan berjumlah RM252,600.00 telah dibelanjakan bagi melaksanakan program-program seperti *Roadshow PLKK*, *Graduasi Kanak-kanak Tabika*, *Lawatan Usahawan* dan *Lawatan Mesra Pertanian*.



Carta 34 : Pecahan peruntukan mengikut program




En. Suhaimi Bin Mahmud Timbalan Ketua Pengarah (M) yang juga selaku tokoh perasmian sedang menyampaikan piala kepada salah seorang kanak-kanak.



Para peserta sedang mendengar sesi taklimat urusetia program semasa lawatan ke Jabatan Pertanian Kluang Johor

Program Peningkatan Kualiti Hidup

Dibawah program ini, JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka telah menerima peruntukan sejumlah RM1,503,504.50 bagi wang saku pelajar di sekolah menengah, tambang pengangkutan serta bakul makanan.



Carta 35 : Pecahan Peruntukan bagi Program Peningkatan Kualiti Hidup

Kursus Peningkatan Profesionalisme Batin dan JKKK Orang Asli

Pada 16 hingga 18 Mei 2014 bertempat di D'Village, Ayer Keroh, Melaka telah berlangsungnya kursus Peningkatan Profesionalisme Batin dan JKKKOA peringkat JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka yang melibatkan seramai 116 peserta terdiri daripada 31 Orang Pengerusi JKKKOA, 31 Setiausaha JKKKOA dan 54 orang Batin.

Perasmian kursus ini telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Haji Mohd Sani bin Mistam, Ketua Pengarah JAKOA Malaysia. Program ini mendapat kerjasama INFRA bermatlamat memberikan ilmu pengetahuan kepada Tok Batin dan JKKK Orang Asli mengenai peranan dan tanggungjawab mereka.



Peserta sedang mengikuti
sesi perbincangan dalam kumpulan



Peserta sedang menyiapkan pelan
tindakan dan profil kampung

Majlis Amanat Ketua Pengarah JAKOA

Bertempat di Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Seremban pada tarikh 11 Febuari 2014 telah diadakan satu majlis Amanat Ketua Pengarah JAKOA yang melibatkan kehadiran Pegawai dan anggota JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka, JAKOA Negeri Johor dan JAKOA Negeri Selangor & Wilayah Persekutuan.

YBhg Dato' Hj Mohd. Sani Bin Mistam dalam ucapan perasmian beliau berkata pegawai dan kakitangan berperanan sebagai pemangkin utama dalam menjana, menggerakkan dan menyelaras sumber bagi mencapai matlamat organisasi. Sumber manusia yang ditadbir dengan cekap dan berkesan dapat menghasilkan pekerja yang berkemahiran dan berprestasi tinggi. Ini adalah penting bagi menentukan pencapaian Misi dan Visi sesebuah organisasi seperti JAKOA.



YBhg Dato' KP bersama
Pengarah-Pengarah JAKOA Negeri.



Sesi bergambar bersama Pegawai dan
Kakitangan JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka.

Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Johor

Pengenalan

Misi utama Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Johor ialah untuk membangunkan taraf sosioekonomi dan keupayaan masyarakat Orang Asli untuk melibatkan diri secara aktif serta setanding dengan masyarakat umum dalam arus pembangunan ekonomi, sosial dan politik negara. Selain itu, identiti dan nilai-nilai positif budaya masyarakat Orang Asli turut dikekalkan sebagai warisan budaya.

Pentadbiran masyarakat Orang Asli di Negeri Johor mempunyai 7 Daerah yang diketuai oleh 7 orang Pegawai Kemajuan Orang Asli iaitu Daerah Batu Pahat/ Pontian, Daerah Johor Bahru, Daerah Kluang, Daerah Kota Tinggi, Daerah Muar/ Ledang, Daerah Mersing dan Daerah Segamat. Penduduk Orang Asli di Negeri Johor terdiri daripada etnik Jakun, Kuala, Seletar, Kanaq dan Temuan.

Bil. Kampung	Bil. Batin	Bil. Orang Asli	Bil. Ketua Isi Rumah	Bil. Ahli Isi Rumah
60	45	13,626	3,508	14,619


Jadual 120 : Penempatan Kampung Orang Asli Negeri Johor

Bil	Daerah	Bil. Kampung	Jumlah Penduduk
1	Batu Pahat	6	2,789
2	Johor Bahru	8	1,918
3	Kluang	12	1,784
4	Kota Tinggi	5	1,566
5	Ledang	3	674
6	Mersing	9	1,700
7	Muar	6	609
8	Pontian	2	1,244
9	Segamat	9	2,355
Jumlah Keseluruhan		60	14,639


Jadual 121 : Penduduk Orang Asli mengikut daerah

Pencapaian Tahun 2014

JAKOA Negeri Johor telah menerima peruntukan mengurus sebanyak RM1,953,300.00 (di bawah OS 10000), RM817,057.75 (di bawah OS 20000) dan RM1,849,920.00 (di bawah OS 40000) manakala RM3,947,619.62 lagi (di bawah *one-off*) khusus untuk program peningkatan kualiti hidup masyarakat Orang Asli dan program lonjakan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli. Manakala peruntukan program khusus pula diperuntukkan sebanyak RM829,000.00 yang dipecahkan kepada RM451,200.00 untuk Elaun Batin dan RM378,600.00 bagi Elaun JKKK.



Carta 36 : Peruntukan yang diterima JAKOA Negeri Johor pada tahun 2014



Carta 37 : Peruntukan Elaun Batin dan JKKK Orang Asli

Laporan Aktiviti Pembangunan Sosioekonomi

Pada tahun 2014, JAKOA Negeri Johor telah melaksanakan projek pembangunan di beberapa daerah di Negeri Johor merangkumi pembinaan rumah PBR, pembinaan jalan primex dan beberapa projek infrastruktur bagi manfaat masyarakat Orang Asli di Negeri Johor.

Bil	Lokasi	Unit	Daerah	Perbelanjaan (RM)
1	Kg. Simpang Arang	4	Johor Bahru	158,940.00
2	Kg. Tanah Abang	1	Mersing	39,778.00
3	Kg. Sungai Mering	1	Ledang	39,970.00
4	Kg. Sentosa	1	Muar	39,150.00
5	Kg. Sri Pantai	4	Batu Pahat	160,000.00
6	Kg. Sri Kenangan	1	Kluang	40,000.00
7	Kg. Seri Tanjung	2	Kluang	79,860.00
8	Kg. Layang-Layang	2	Kluang	79,760.00
9	Kg. Segamat kecil	3	Segamat	113,795.00
Jumlah		19		751,253.00

Jadual 122 : Program Bantuan Rumah (Bina Baru) tahun 2014



Program Bantuan Rumah (PBR) JAKOA Negeri Johor

Bil	Program	Unit	Daerah	Peruntukan (RM)
1	Cadangan Kerja-Kerja Pembinaan Jalan Primex Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Kg.Orang Asli Tanjung Tuan, Mersing	500m	Mersing	113,500.00
2	Cadangan Kerja-Kerja Pembinaan Jalan Primex Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Kg. Orang Asli Tamok, Segamat	2km	Segamat	424,500.00
3	Cadangan Kerja-Kerja Pembinaan Jalan Primex Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Kg. Orang Asli Air Pasir, Kluang	1km	Kluang	149,085.00
Jumlah				687,085.00

Jadual 123 : Peruntukan Pembinaan Jalan Primex tahun 2014

Bil	Program	Daerah	Perbelanjaan (RM)
1	Membina dan Menyiapkan Tembok Gabion di sepanjang hadapan dan belakang rumah PBR penduduk di Kg.Orang Asli Tanah Abang, Mersing	Mersing	119,580.00
2	Cadangan Kerja-Kerja Membina Balairaya 1 Tingkat dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kg.Orang Asli Kuala Masai, Johor Bahru	Johor Bahru	76,820.00
3	Cadangan Kerja-Kerja Membina Dan Menyiapkan Tembok Penahan (Rubble Wall) Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Orang Asli Sri Pantai, Senggarang, Batu Pahat, Johor	Batu Pahat	185,560.00
4	Cadangan Kerja-Kerja Membina dan Menyiapkan Gelanggang Futsal dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kg.Orang Asli Kuala Masai, Johor Bahru	Johor Bahru	139,425.00
5	Cadangan Kerja-Kerja Membina dan Menyiapkan Longkang U drain shape dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kg.Orang Asli Tanah Runtuh	Kluang	139,000.00
Jumlah			660,385.00

Jadual 124 : Projek Infrastruktur Yang Dilaksanakan JAKOA Negeri Johor tahun 2014



Projek Infrastruktur yang telah dilaksanakan di penempatan Orang Asli

Laporan Seksyen Pembangunan Ekonomi dan Usahawan

Seksyen ini berperanan mewujudkan sumber pendapatan serta meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli melalui projek-projek pertanian dan perladangan. Selain itu, melalui program-program yang dilaksanakan oleh seksyen ini memberikan fokus terhadap pembangunan usahawan Orang Asli yang berdaya maju, berdaya saing dan berpendapatan tinggi.

Beberapa siri kursus telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2014 bagi menambah pengetahuan dan membuka peluang kepada masyarakat Orang Asli yang menceburkan diri dalam bidang yang berkaitan dengan pertanian dan ternakan.

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1	Kursus asas pembaikan enjin sangkut	20,000.00
2	Seminar Usahawan Orang Asli	7,500.00
3	Kursus asas pembaikan bot fiberglass	13,080.00
4	Kursus kemahiran alat elektrik	18,136.00
Jumlah		58,716.00

Jadual 125 : Program Peningkatan Pendapatan (PPP) JAKOA Negeri Johor



Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

Laporan Seksyen Perancangan dan Penyelidikan

Seksyen ini berperanan memajukan masyarakat Orang Asli agar dapat menerima arus perubahan selaras dengan dunia globalisasi yang semakin mencabar. Di antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut.

Program Ihya Ramadhan di Negeri Johor

Program ini diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan permuafakatan di antara penduduk kampung bersama para pegawai daripada jabatan-jabatan kerajaan lain. Disamping itu, dengan adanya program seperti ini agensi kerajaan yang berminat untuk menyalurkan bantuan dapat memberikan bantuan tersebut menerusi program ini. Program ini juga dapat mengurangkan jurang di antara penduduk kampung dengan pegawai jabatan.

Bil	Daerah	Tarikh	Nama Kampung	Bil. Kampung	Bil. Kehadiran
1	Segamat	6 Julai 2014	Kg. Orang Asli Puting	1	80 Orang
2	Batu Pahat	9 Julai 2014	Kg. Orang Asli Sungai Sarang Buaya	1	100 Orang
3	Johor Bahru	13 Julai 2014	Kg. Orang Asli Bakar Batu	1	50 Orang
4	Kota Tinggi (Peringkat Negeri)	14 Julai 2014	Kg. Orang Asli Kempas Menang	3 (Berhampiran)	350 Orang
5	Pontian	15 Julai 2014	Kg. Orang Asli Kuala Benut	1	250 Orang
6	Muar	17 Julai 2014	Kg. Orang Asli Semarak Api	1	200 Orang
7	Mersing	18 Julai 2014	Kg. Org Asli Tanah Abang	2 (Berhampiran)	150 Orang
8	Kluang	22 Julai 2014	Kg. Orang Asli Pengkalan Tereh	1	100 Orang

Jadual 126 : Program Ihya Ramadhan di setiap Daerah.



Program Ihya Ramadan sekitar perkampungan Orang Asli Negeri Johor

Program Apresiasi Bahasa Dan Sastera dan Pertandingan Seni Budaya Orang Asli Peringkat Kebangsaan Tahun 2014

Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada 12 Mei 2014 di Auditorium Angkasapuri, Kuala Lumpur. Tarian Orang Asli Seletar, Kampung Orang Asli Sungai Temun, Perling, Johor telah menjadi Johan pertandingan bagi kategori Tarian Orang Asli dan memperolehi wang tunai sebanyak RM5,000.00.



Program Aspirasi Bahasa dan Sastera Peringkat Kebangsaan

Program Bersama YAB Timbalan Perdana Menteri di Kampung Orang Asli Tambak Dapur, Muar Johor

Majlis disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri bagi Perasmian Projek Bekalan Air di perkampungan Orang Asli Tambak Dapur Muar, Johor pada 8 Febuari 2014. Hadir sama di majlis ini ialah Ketua Pengarah JAKOA Dato' Hj Mohd Sani Bin Mistam dan Pengarah JAKOA Negeri Johor, En.Wan Assim Bin Wan Sheikh. Seramai 350 orang jemputan yang menghadiri program tersebut.



Program Lawatan YAB TPM di Tambak Dapur, Muar

Laporan Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan

Seksyen ini berperanan memajukan tahap pendidikan anak-anak Orang Asli serta meningkatkan kemahiran para belia dan beliawanis Orang Asli. Selain itu, seksyen ini turut berusaha ke arah meyakinkan setiap golongan Orang Asli agar dapat menerima arus perubahan dunia globalisasi yang semakin mencabar.

Bil	Nama Pelajar	Nama Sekolah	Keputusan
1	Nur Mahadir Bin Madon	SK Taman Perling 3	5A
2	Haziqah Ayuni Binti Abdul Radzif	SK. Kg. Layau	5A
3	Mohamad Khairul Azib Bin Baharuddin	SK Sri Saujana	4A 1B
4	Firdaus Bin Isa	SK Jeram Batu	4A 1B
5	Muhammad Afiq Daniel B. Afrizal	SK Api-Api	5A
6	Natasya Aleeya Bt Mohd Khairi	SK Api-Api	4A 1B
7	Afiza Eliana Binti Jali	SK Ladang Mutiara	5A
8	Saiful A/L Lim Laun Laun How	SK Punan	4A 1B
9	Shazwan A/L Yeo Ah Keow	SK Bandar Endau	4A 1B

Jadual 127 : Keputusan Peperiksaan UPSR pelajar Orang Asli Negeri Johor

Bil	Nama Pelajar	Nama Sekolah	Keputusan
1	Mohd Hakimi Haiqal Mohd Fauzlin	SMK Aminudin Baki	5A 4B 1C
2	Arifah Fahimah Binti Sulaiman	SM Sains Kota Tinggi	8A 1C 1D
3	Shaibah Bt. Sakiman	SMK Seri Medan	5A 1B 2C 2D
4	Siti Maysarah Binti Hasan	SMK Senggarang	6A 1B 1C 1D 1E
5	Noranis Binti Mohd Yassin Goh	SMK Sri Perhentian	5A 3B 2C
6	Nurul Anis Affira Binti Azaman	SMK Sri Perhentian	9A 1B
7	Siti Norayin Binti Zakaria	SMK Sri Perhentian	5A 2B 2C 1D
8	Muhammad Hariz Bin Hamidon	MRSM Pontian	8A 2B

Jadual 128 : Keputusan Peperiksaan PT3 pelajar Orang Asli Negeri Johor

Bil	Nama Calon	Sekolah	Keputusan
1	Afifah Fatini Bt Sulaiman	Sekolah Tun Fatimah	4A+ 3A 1A- 1B+
2	Siti Noratika Bt Sahari	Sekolah Seni Johor Bahru	6A+ 2B
3	Siti Nurfaiziana Binti Harun	SMK Senggarang, Batu Pahat	6A 2B 1C
4	Syuhada Binti Samsudin	MRSM Mersing	6A 3B

Jadual 129 : Keputusan Peperiksaan SPM pelajar Orang Asli Negeri Johor

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Sepanjang tahun 2014, *Roadshow* Program Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) JAKOA Negeri Johor telah diadakan pada 13 April 2014. Program ini bertujuan untuk memberikan pengenalan dan sesi pendaftaran peserta program Orang Asli di seluruh Negeri Johor bagi menyertai Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya (PLKK). Sasaran penglibatan belia dan beliawanis Orang Asli bagi program ini adalah seramai 320 orang peserta.

Bil	Daerah	Jum. Peserta
1	Batu Pahat	50
2	Pontian	33
3	Johor Bahru	20
4	Mersing	35
5	Kota Tinggi	19
6	Segamat	40
7	Muar	25
8	Ledang	40
9	Kluang	19
Jumlah		281

Jadual 130 : Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) Negeri Johor



Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya (PLKK) Negeri Johor

Program Lawatan Tok Batin dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Orang Asli Negeri Johor

Matlamat utama penganjuran program seperti ini adalah untuk memberi pendedahan kepada Tok Batin dan JKKK Orang Asli serta medium untuk bertukar pendapat antara masyarakat Orang Asli di Negeri Johor bersama masyarakat Orang Asli dari Kampung Orang Asli Penderas, Temerloh Pahang. Program ini telah diadakan pada 29 September hingga 1 Oktober 2014 di Cameron Highlands yang disertai seramai 32 peserta terdiri daripada Tok Batin dan JKKK Orang Asli dari Negeri Johor.



Program Batin dan JKKK Orang Asli Negeri Johor

Program Hari Mesra JAKOA Negeri Johor

Program Hari Mesra JAKOA Negeri Johor bersama masyarakat Orang Asli Daerah Mersing merupakan program yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan Modal Insan JAKOA Negeri Johor. Program yang dirancang ini melibatkan penyertaan penduduk yang berada persekitaran Kampung Orang Asli Tambak Dapur, seperti Kampung Orang Asli Tanah Abang dan Kg Org Asli Sungai Tuba.

Program ini merupakan usaha Jabatan untuk memupuk semangat kerjasama di antara kakitangan JAKOA Negeri Johor dan penduduk melalui pelbagai aktiviti yang telah dirancang. Di antara aktiviti yang dirancang adalah gotong-royong memasak, gotong-royong membersihkan persekitaran kampung serta acara sukaneka. Program ini telah diadakan pada 24 hingga 25 November 2014.



Program Hari Mesra JAKOA Negeri Johor

Aktiviti Unit TABIKA

Unit ini melaksanakan aktiviti ke arah usaha memajukan tahap pendidikan anak-anak Orang Asli di peringkat TABIKA. Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti aktiviti Penggalak Pembaca dan Program Kesejahteraan Keluarga. Sejumlah RM84,478.00 telah dibelanjakan oleh JAKOA Negeri Johor bagi pelaksanaan program ini.

Bil	Butiran	Jumlah (RM)
1	Pakaian Seragam dan Sukan untuk 34 buah TABIKA	45,898.00
2	Alatan Pembelajaran untuk Kanak – Kanak 34 buah TABIKA	38,580.00
Jumlah		84,478.00

Jadual 131 : Pembelanjaan bagi aktiviti TABIKA masyarakat Orang Asli Negeri Johor



Program TABIKA JAKOA Negeri Johor

Unit Kebajikan Pesakit

Program Jom Jaga Gigi dan Qurban Sihat Peringkat Negeri Johor

Unit Kebajikan Pesakit JAKOA Negeri Johor telah menganjurkan Program Jom Jaga Gigi dan Qurban Sihat Peringkat Negeri Johor dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Johor pada 7 Oktober 2014 di Kampung Orang Asli Sungai Selangi Kota Tinggi.

Program ini telah dirasmikan oleh Dr Mohd Khairi Bin Yakub, Pengarah Kesihatan Negeri Johor. Majlis ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari penduduk kampung. Pelbagai pengisian program telah dijalankan antaranya pemeriksaan percuma gigi, saringan kesihatan, sukaneka serta aktiviti-aktiviti muhibah bersama penduduk kampung. Majlis ini telah dihadiri seramai 220 penduduk kampung.



Program Jom Jaga Gigi dan Qurban Sihat



